



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B. 1 hingga B. 9 dan B. 40

(Halaman 16)

USUL-USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2006

Jawatankuasa:-

Maksud P.6 dan P.7

(Halaman 16)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beras) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC

5. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP

28. Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. " Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA

14. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA

-
24. Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
 25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
 26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
 27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
 28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
 29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
 30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
 31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
 32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
 33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
 34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
 35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
 36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
 37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
 38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
 39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
 40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
 41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
 42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
 43. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
 44. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
 45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
 46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
 47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
 48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
 49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
 50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
 51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
 52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
 53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
 54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
 55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
 56. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
 57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
 58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
 59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
 60. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
 61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
 62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) – DAP

63. Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keteroh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO

103. Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang
Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha
Muhd Sujairi bin Abdullah
Lavinia a/p Vyveganathan
Bazlinda binti Bahrin
Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Kamisah binti Sayuti
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiah binti Jamaludin
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 25 Oktober 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Haji Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kementerian bercadang mengklasifikasikan Projek Lebuhraya Kajang-Seremban (KASEH) sebagai 'Projek Sakit' yang perlu diambil alih dan diselamatkan oleh kerajaan dan setakat mana proses dan kejayaan tindakan undang-undang yang telah diambil terhadap pemegang-pemegang konsesi yang sebelum ini berulang kali telah gagal menyiapkan projek ini.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Projek Lebuhraya Kajang-Seremban telah dikategorikan sebagai projek tergendala. Berikutan tidak banyak kemajuan dicapai oleh syarikat konsesi sejak perjanjian konsesi ditandatangani pada 10 Julai 1997. Kegagalan syarikat konsesi terlibat iaitu Kaseh Lebuhraya Sendirian Berhad namanya ringkas KASEH, kasihanlah untuk menyiapkan projek ini disebabkan oleh masalah kewangan dan pengurusan yang lemah sehingga menjejaskan pelaksanaan projek yang sepatutnya disiapkan pada tahun 2000.

Berikutan kegagalan tersebut kerajaan berhasrat untuk memulakan proses penamatan konsesi dan seterusnya menawarkan kepada *entity* baru untuk meneruskan projek tersebut. Walau bagaimanapun KASEH telah mengemukakan rayuan kepada kerajaan untuk meneruskan projek berkenaan. Sehubungan itu kerajaan bersetuju, bersetuju memberikan pertimbangan kepada KASEH meneruskan projek dengan syarat-syarat seperti berikut:

- (i) menyertakan rakan kongsi yang disenaraikan di bursa saham Malaysia sebagai pemegang ekuiti; dan
- (ii) menetapkan 30 September 2005 sebagai tarikh akhir kepada Kaseh Lebuhraya Sendirian Berhad untuk membuktikan kemampuan kewangan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga 30 September 2005 KASEH Lebuhraya Sendirian Berhad secara teknikalnya telah gagal membuktikan kemampuan pembiayaan kewangan mereka bagi meneruskan projek ini. Walau bagaimanapun syarikat berkenaan sekali lagi telah merayu supaya kerajaan melanjutkan tempoh pembuktian kewangan mereka, iaitu dengan mengambil kira penubuhan syarikat baru *new company* dengan izin, di bawah nama Lebuhraya Kajang-Seremban Sendirian Berhad iaitu LEKAS dan penglibatan IJM Corporation Berhad sebagai rakan kongsi dalam entiti baru berkenaan tertakluk kepada kelulusan dari kerajaan. LEKAS berhasrat mengambil alih segala obligasi dan liabiliti KASEH untuk melaksanakan projek ini. Pada masa ini rayuan berkenaan sedang dalam pertimbangan kerajaan dan dalam urusan Kementerian, iaitu untuk menghantar kertas kerja kepada Jemaah Menteri untuk mendapat kelulusan.

Tuan Markiman bin Mobiran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Menteri. Terima kasih atas penjelasan yang diberikan. Memang mendukacitakan Yang Berhormat Menteri daripada 48 kilometer jalan yang harus disiapkan dalam masa enam setengah tahun syarikat ini, hanya menyiapkan 1.44 kilometer daripada lapan persimpangan bertingkat yang mesti disiapkan oleh konsesi ini, satu pun tak siap dan akibat daripada keadaan ini pengguna jalan raya sepanjang Kajang, Semenyih dan Beranang menghadapi kesesakan lalu lintas yang sangat teruk.

Perkara ini telah dibangkitkan bukan sahaja di peringkat Dewan yang mulia ini, malah di peringkat negeri dan pihak berkuasa tempatan dan sekarang jawapan daripada Yang Berhormat Menteri nak bagi lagi lanjutan dan KASEH juga masih terlibat, walau pun menggunakan topi yang berbeza LEKAS. Soalan saya Yang Berhormat Menteri projek ini projek yang tergendala, yang sakit, kalau sakit kita dah terlalu mahal nak mengubatnya biarkan dia mati, tidak perlu diubahi atau dipulihkan atau adakah pihak kementerian untuk jangka masa pendek ini, LEKAS ini akan mengambil masa mungkin enam tahun atau lapan tahun untuk menyiapkan 1.44 kilometer yang kedua pula. Jadi, soalnya Dato' Seri sama ada pihak kementerian atau kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan segera, tindakan alternatif bagi melebarkan Jalan Persekutuan sedia ada daripada Kajang-Semenyih-Beranang kepada empat lorong supaya dia boleh menyelesaikan masalah lalu lintas yang cukup mendukacitakan sekarang. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, tugas kami dalam perkara ini kita jadi seperti doktor, orang sakit kita tidak boleh kasi dia mati. Kita bagi dia ubat, ubat sampai dia hiduplah. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengikut kira-kira daripada Jabatan Kerja Raya, kerja tanah dan selainnya 20 peratus kerja sudah siap, dan kerajaan telah membelanjakan RM3 juta untuk mengambil balik tanah.

Walaupun bagaimanapun, syarikat baru, iaitu LEKAS sudah berjanji untuk memulakan kerja dan menyelesaikan, mengikut dengan perjanjian baru yang akan ditandatangani di antara mereka. Walau bagaimanapun saya suka juga menjelaskan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat, iaitu satu perkara sahaja belum selesai lagi iaitu *innovation of the agreement*, iaitu memberi/meminda projek ini daripada syarikat lama kepada syarikat baru. Syarikat lama sudah sakit, syarikat baru dia darah barulah, lagi syarikat besar dengan itu kami tahu mereka boleh juga menyelesaikan kerja ini mengikut dengan masa yang akan ditetapkan oleh kita...

Seorang Ahli: Alternatif Tuan Yang di-Pertua, alternatif.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, bukankah Lebuhraya KASEH ini sebenarnya satu lagi contoh apa yang silap, salah atau *rotten* mengenai penswastaan lebuhraya. Di mana dalam kes ini, kenapa tak sebut *parent company* - Antah Holdings, di mana ada *non-performing loan* sehingga seorang dalam Antah Holdings baru-baru ini ada diisytiharkan bankrap, dan bukankah benar bahawa apa yang perlu ialah bahawa untuk kepentingan pengguna-pengguna, bahawa kontrak atau konsesi ini yang diberikan dibatalkan satu *open tender*. Kenapa sekarang penswastaan lebuhraya masih diberi kepada satu syarikat tanpa rekod kewangan, tanpa rekod pembinaan? Tetapi nampaknya satu *cash cow* untuk cari orang, untuk cari *partner* sama ada kewangan atau pembinaan supaya boleh teruskan dengan *concession*. Inilah kita diberi jaminan akan kajian penswastaan. Perkara ini lagi tunjuk, dia tak ada

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Lim Kit Siang: ...apa yang *rotten* dan *corrupt* dalam penswastaan lebuhraya teruskan dalam kes KASEH ini, adakah ini akan *dicancel* supaya ada tender terbuka?

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Lim Kit Siang: Sesiapa yang baik, untuk kepentingan..

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Lim Kit Siang: ...boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab, sila jawab.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada juga satu projek yang sakit itu bukan berertinya semua projek penswastaan sudah *rotten*, tanpa projek penswastaan di negara ini, hari ini kita tidak menghadapi beberapa cabaran baru dan juga pembangunan baru dan juga rakyat jelata mempunyai jalan yang lebih elok daripada negara-negara berhampiran kita. Jadi, Yang Berhormat dari Ipoh Timor ambil satu kes sahaja. Kalau seorang sakit itu bukan ertinya boleh kita boleh tembak dia mati.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Itu Antah Holdings, saya bukan jawab berkenaan dengan Holdingslah, kami tidak ada apa hubungan dengan Holdings. Kami ada hubungan dengan syarikat yang menandatangani perjanjian kepada kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Antah Holdings, *parent company* dululah.

Tuan Lim Kit Siang: [Menyampuk]

Dato' Seri S. Samy Vellu: Oleh kerana itulah Yang Berhormat saya baru sahaja, saya jawab kepada Yang Berhormat. Perkara-perkara sudah dibincang oleh kerajaan, satu jalan baru sudah diselesaikan dan hari ini kita sudah mengadakan keputusan untuk memberi konsesi ini kepada IJM. Jadi, bila IJM mula dengan kerja, saya percaya masalah ini boleh dapat diselesaikan dan kita juga boleh menyelesaikan pembinaan ini dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan adik daripada Sekolah Keat Hwa dan juga Ibnu Khaldun. Sebelum saya teruskan saya ingin buat pembetulan kepada soalan saya di mana bukannya 'kawasan segi tiga emas', tetapi 'kawasan segi tiga pertumbuhan (growth triangle)'. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 2.

2. Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah] minta Perdana Menteri menyatakan apakah pembangunan 'kawasan segi tiga pertumbuhan' IMT-GT boleh memberi keuntungan yang besar kepada Malaysia dan apakah bidang-bidang yang dijangkakan menjadi kegiatan utama dalam melancarkan ekonomi negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, konsep pembangunan segi tiga diperkenalkan oleh kerajaan kira-kira 15 tahun yang lalu, tujuannya adalah untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan di rantau ini berkembang lebih pesat. Ia juga adalah untuk melengkapkan kemajuan kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN dan sejajar dengan konsep untuk memakmurkan jiran-jiran ataupun *prosper thy neighbour*.

IMT-GT ataupun pembangunan segi tiga - Indonesia, Malaysia dan Thailand ditubuhkan pada tahun 1993 dan setakat ini 38 MoU telah pun ditandatangani. Daripada jumlah tersebut 35 sedang dilaksanakan. Antara kejayaan-kejayaan yang telah dicapai setakat ini ialah dalam bidang pelancongan (*tourism*) di mana terdapat peningkatan aliran pelancongan antara Malaysia, Thailand dan Indonesia, bertambahnya bilangan penerbangan antara Malaysia dengan utara Sumatera, Medan dan Pulau Pinang, penghapusan *exit tax* ataupun *exit levy* bagi pelancong-pelancong Indonesia yang hendak melawat ke kawasan utara semenanjung sebagai contohnya.

Satu lagi contoh ialah adanya kegiatan perdagangan tukar barang (*barter trade*) antara beberapa buah pelabuhan di Malaysia dengan Sumatera, umpamanya antara Pelabuhan Kelang dengan Belawan dan Dumai yang sekarang ini berjalan dengan baik. Selain itu juga kalau kita lihat pada Pulau Pinang umpamanya perkhidmatan RORO telah dimulakan di antara Pulau Pinang dengan Belawan mulai Jun tahun ini. Ini antara beberapa kejayaan yang telah dicapai.

Akhir-akhir ini sebuah syarikat Malaysia sedang berunding dengan sebuah syarikat Acheh untuk menanam pisang, syarikat bernama Synergy Farm di Acheh besar. Ini juga satu kejayaan yang telah dicapai dalam konteks kerjasama serantau. Ringkasnya kerajaan berpendapat bahawa konsep ini iaitu pendekatan untuk mengadakan pembangunan segi tiga, Indonesia-Malaysia-Thailand telah mendatangkan banyak faedah daripada kerjasama serantau, bukan sahaja meningkatkan kemajuan ekonomi tetapi meningkatkan hubungan antara rakyat di Malaysia, Thailand dan Indonesia. Terima kasih.

Ir. Shaari bin Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita sedia maklum bahawa kerjasama ekonomi melalui IMT-GT melibatkan banyak aspek. Saya ingin bertanya apakah kerjasama ini tidak memberi apa-apa kesan dari segi menyinggung perasaan negara-negara ASEAN yang

lain. Apakah ia tidak membelakangkan ASEAN kerana usaha ini dilihat menguntungkan tiga buah negara sahaja.

Kita juga maklum bahawa Malaysia, Indonesia dan Thailand adalah pengeluar kelapa sawit dan getah utama dunia. Apakah ada usaha untuk menyeragamkan dari segi keluasan tanaman pengeluaran dan juga jumlah eksport supaya harga barangan ataupun harganya stabil di pasaran dunia dan kerana hasil tanaman ini amat berpengaruh dari segi ekonomi kepada kedua-dua negara, Indonesia dan Malaysia. Apakah perniagaan *barter trade* dengan Republik China juga memberi keuntungan kepada negara kita melalui eksport getah dan juga kelapa sawit. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Yang pertama sama ada konsep ini membelakangkan kerjasama ASEAN, seperti yang saya nyatakan dalam jawapan tadi, ia sebenarnya melengkapkan kerjasama serantau di kalangan negara-negara ASEAN. Ia tidak ada konflik malah ia membantu untuk merapatkan hubungan sama ada dagangan, perdagangan pelaburan ataupun hubungan antara penduduk-penduduk di kawasan ini. Walaupun ia tidak melibatkan Vietnam, sudah pasti kerana ia terlalu jauh, maka tidak praktikal kerjasama segi tiga ini tidak melibatkan Vietnam, oleh sebab jauh dari segi fizikalnya tetapi dalam konteks ASEAN, negara-negara ASEAN telah berjaya menjalin hubungan yang baik. Maka Tuan Yang di-Pertua, kerjasama segi tiga ini tidak sekali-kali tidak membelakangkan ASEAN.

Yang kedua berkaitan dengan getah dan kelapa sawit, harganya adalah tinggi. Umpamanya hari ini, harga getah paling tinggi dalam tempoh empat, lima tahun. Kelapa sawit juga stabil. walaupun tidak amat tinggi tetapi harganya stabil. Maka negara-negara Malaysia, Thailand dan Indonesia memang menjalin hubungan yang rapat. Ketiga-tiga negara ini sentiasa berbincang berkaitan dengan pengeluaran harga kelapa sawit dan getah. Tetapi pada masa ini tidak berbangkit keperluan untuk mengadakan satu kerjasama ataupun pakatan bagi memastikan bahawa harga berada pada paras tinggi lagi kerana harga adalah memuaskan.

Jadi, kerjasama dalam bidang ini memang terjalin antara ketiga-tiga buah negara kerana ketiga-tiga buah negara ini merupakan pengeluar yang paling besar dalam dunia. Getah dan kelapa sawit yang dikeluarkan oleh ketiga-tiga buah negara adalah 90% daripada keluaran dunia.

Mengenai *barter trade* negara China, ini terkeluar sedikit daripada soalan. Perdagangan dengan negara China pada hari ini tidak banyak melibatkan *barter trade*, sebaliknya kita berdagang berdasarkan kepada amalan konvensional iaitu belian eksport import secara tradisional - *conventional* tidak melalui *barter trade*. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang gembira kalau yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, dari ketiga-tiga negara ini kita bekerjasama dengan semangat kejiranan dan sebagainya dan juga projek-projek segi tiga ini dapat dijayakan. Yang Berhormat, bagaimana kita dapat mengatasi pandangan, misalnya daripada jiran selatan. Mereka anggap kita lebih maju, dengan sedemikian apa sahaja kita buat dia hendak ambil apa yang kita ada.

Laporan daripada *Utusan Malaysia* semalam pun kita boleh tengok..ohh. Kita tengok di halaman depan *Utusan Malaysia* semalam dia kata, pihak di Indonesia ini, pihak pentadbiran ataupun pemerintah mereka hendak mengambil apa yang kita ada daripada segi cukai dan sebagainya.

Kedua, bolehkah Yang Berhormat memastikan semua yang kita buat misalnya kita hendak buat ladang pisang, kalau kita hendak tanah 100 atau 1,000 hektar itu benar-benar 1,000 hektar. Tetapi di Indonesia, kalau dia kata 1,000 hektar mungkin 100 hektar sahaja dan yang kita bayar 1,000. Yang Berhormat bagi Sri Gading pun tahu. [Disampuk] Soalan itulah, macam mana kita mengatasi masalah psikologi, masalah mentaliti. Dia kata kita lebih kaya sebab itu dia hendak rompak kita. Itulah masalah kita. Macam mana kita dapat menyelesaikan masalah ini untuk jangka masa panjang?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Soalan Yang Berhormat bagi Kepong ini tidak berapa jelas, Tuan Yang di-Pertua. Memanglah negara-negara berbeza tahap pembangunannya. Malaysia dari segi pendapatan per kapita lebih tinggi daripada negara jiran, Indonesia tetapi ini tidak bermakna bahawa ada masalah dalam

hubungan. Walaupun kita dilihat sebagai lebih kaya dari segi pendapatan per kapita, kita menarik minat rakyat Indonesia untuk bekerja di sini, tidak ada masalah dan hubungan ini terjalin atas asas yang kukuh dan kerjasama yang ikhlas. Tidak timbullah masalah 1000 hektar jadi 100 hektar ini. Ini rekaan oleh Yang Berhormat bagi Kepong semata-mata.

Kita rasa bahawa hubungan ini adalah hubungan yang baik antara negara kita dengan negara-negara jiran. Walaupun kita dilihat sebagai lebih maju, ini tidak menimbulkan sebarang masalah. Yang pentingnya ada keikhlasan dalam konteks kejiranan dan juga dalam semangat kerjasama ASEAN. Insya-Allah kerjasama antara negara-negara di rantau ini berjalan dengan baik dan tidak ada masalah besar dalam memupuk hubungan baik antara negara kita dengan negara Indonesia ataupun mana-mana negara di rantau ini. Terima kasih.

[Soalan No.3 - YB Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang) tidak hadir]

4. **Tuan Che Azmi bin Haji A. Rahman [Kuala Nerus]** minta Menteri Kewangan menyatakan tentang dasar perbelanjaan negara pada masa ini sama ada lebih memberi keutamaan kepada "kemampuan kewangan negara" atau memberi keutamaan kepada "memenuhi keperluan rakyat". Apakah justifikasi tentang ketetapan yang telah dibuat berkaitan dengan dasar perbelanjaan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, kemampuan kerajaan untuk berbelanja secara amnya ditentukan oleh kebolehan kerajaan mendapatkan hasil. Jumlah hasil yang boleh dipungut adalah bergantung pada prestasi ekonomi terutamanya keuntungan syarikat dan pendapatan rakyat serta kecergasan sektor-sektor utama ekonomi.

Objektif utama perbelanjaan kerajaan sememangnya adalah untuk memenuhi keperluan rakyat khususnya dari segi untuk mencergaskan ekonomi, membina upaya serta mempertingkatkan kesejahteraan rakyat melalui program pengagihan pendapatan, subsidi dan perbelanjaan untuk kawasan luar bandar. Dengan demikian, isu sama ada perbelanjaan kerajaan adalah untuk memberi tumpuan kepada kemampuan kewangan negara ataupun memenuhi keperluan rakyat seharusnya tidak timbul. Kedua-dua objektif ini adalah berhubung kait

Kerajaan memang perlu membelanjakan hasilnya untuk rakyat tetapi perbelanjaan itu perlu berdasarkan kemampuan. Jika berbelanja lebih daripada kemampuan, ia akan meningkatkan hutang dan bayaran khidmat hutang. Rakyat pula pada masa hadapan akan menghadapi beban oleh sebab terpaksa membayar cukai yang lebih tinggi.

Dengan itu adalah lebih baik untuk kerajaan berbelanja mengikut kemampuan termasuk membuat pinjaman pada paras yang sesuai dan menumpukan kepada keberkesanan perbelanjaan untuk faedah rakyat.

Tuan Che Azmi bin Haji A. Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Akhir-akhir ini kita nampak perbezaan dari segi dasar perbelanjaan negara terutamanya selepas dua tahun terakhir ini. Jadi saya ingin tahu apakah perbezaan dasar perbelanjaan negara itu dan apakah sebabnya ada perbezaan-perbezaan tersebut? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada perbezaan. Dasarnya sama juga iaitu kita hendak berbelanja mengikut kemampuan kerajaan. Kita tidak mahu *accumulate* hutang yang terlalu banyak. Contohnya sekarang ini jumlah hutang kerajaan telah pun meningkat. Setakat ini jumlahnya RM238 bilion ataupun 48.9% daripada KDNK. Oleh kerana itu maka Malaysia disebutkan sebagai *medium indebted country*. Jadi kita tidak boleh terlalu banyak hutang, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya, di dalam usaha untuk memenuhi keperluan rakyat ini, adakah kerajaan telah mengambil tindakan untuk berhutang dengan negara luar ataupun berhutang dengan institusi-institusi luar seperti Bank Dunia dan juga IMF?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, pendapatan kerajaan setakat ini untuk perbelanjaan mengurus memang mencukupi tetapi untuk

perbelanjaan pembangunan untuk rakyat, kerajaan terpaksa berhutang dan setakat ini memang kerajaan berhutang dalam negeri dan juga luar negara.

Saya berikan contohnya di sini di mana kerajaan berhutang. Di dalam negeri pada tahun 2005 jumlah hutang ialah sebanyak RM206.9 bilion dan luar negara RM31.5 bilion. Setiap tahun kerajaan terpaksa menambah hutang kerana untuk bangunan memang tidak mencukupi hasilnya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi.....

Tuan Yang di-Pertua: Dalam negeri berapa bilion?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Dalam negeri RM206.97 bilion.

Tuan Yang di-Pertua: Bilion?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Bilion. Ini jumlah hutang keseluruhan daripada dahulu hingga sekarang - *accumulated amount*. Di luar negara RM31.5 bilion, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: RM31?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: RM31.5 bilion. Ini satu jumlah angka yang besar tetapi masih lagi dalam keadaan terkawal. Seperti yang saya sebutkan tadi, peratusan hutang dibandingkan dengan KDNK sekarang ini 48.9% dibandingkan dengan tahun lepas 48.2% - bermakna meningkat sedikit dari segi *rationya*, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kita tidaklah mahu berhutang terlalu banyak.

5. Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin [Parit Buntar] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah Modul Skim Latihan Graduan (SLG) yang baru dilancarkan dapat membantu mengurangkan masalah pengangguran di kalangan siswazah.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, objektif pelaksanaan Skim Latihan Graduan yang dilancarkan oleh kerajaan pada 9 Ogos 2005 adalah untuk membantu meningkatkan kemahiran para graduan yang masih menganggur bagi memperluaskan peluang mereka mendapatkan pekerjaan. Pembangunan modul program latihan di bawah skim ini telah mengambil kira keperluan tenaga kerja di dalam pasaran bagi memastikan objektif skim ini untuk mengurangkan masalah pengangguran di kalangan siswazah tercapai.

Bagi memastikan objektif skim ini tercapai, wakil majikan, persatuan majikan, penyedia latihan telah terlibat bersama-sama membangunkan modul ataupun program latihan di bawah skim ini. Input dari mereka terutamanya wakil majikan dan persatuan majikan amat penting dan berfaedah bagi memastikan modul ataupun program latihan yang ditawarkan di bawah skim ini mampu menangani isu ketidaksepadanan *skill mismatch* antara kemahiran yang diperlukan oleh pasaran buruh dan kemahiran yang dimiliki oleh graduan.

Selain itu, kaedah latihan di dalam skim ini yang memberi penekanan kepada kemahiran berkerja - *working skills* juga akan membantu meningkatkan keyakinan diri graduan untuk mendapatkan pekerjaan. Ini kerana kekurangan kemahiran berkerja merupakan antara punca graduan gagal mendapatkan pekerjaan setelah menamatkan pengajian.

Antara kemahiran yang diberi penekanan ialah kemahiran berkomunikasi terutama di dalam bahasa Inggeris, kemahiran menganalisis, kemahiran berinteraksi, keterampilan diri dan seumpamanya yang mempunyai nilai tambah bagi memudahkan graduan mendapatkan pekerjaan terutama di sektor swasta. Melalui skim ini juga graduan dikehendaki mengikuti program sangkutan praktikal selama dua bulan yang akan dijalankan di premis majikan dan sektor swasta.

Pemilihan majikan dari sektor swasta untuk latihan sangkutan praktikal ini adalah merupakan salah satu strategi skim ini untuk mendedahkan graduan dengan realiti kerja di sektor swasta, dan memantapkan daya saing graduan agar mampu menyandang pekerjaan sektor swasta yang lebih banyak menawarkan peluang pekerjaan. Kesimpulannya, Kementerian Sumber Manusia sentiasa memastikan modul-modul ataupun program latihan yang ditawarkan di bawah Skim Latihan Graduan 3 selaras dengan keperluan pasaran tenaga kerja semasa, sekali gus

membantu mengurangkan masalah pengangguran di kalangan siswazah di negara ini. Sekian, terima kasih.

Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya melihat program latihan yang dianjurkan oleh kementerian ini serupalah semacam biskut *Chips More* – sekejap ada, sekejap tidak ada. Maksudnya apabila banyak pihak bising termasuk pelajar-pelajar, *mass media* malah Perdana Menteri sendiri, maka barulah sibuk kementerian ini semacam tergopoh gapah atau tergocoh-gocoh memohon kepada kerajaan peruntukan sehingga diluluskan sebanyak RM100 juta.

Soalan tambahan saya, apakah rancangan jangka panjang kementerian terhadap Skim Latihan Graduan (SLG) ini. Yang kedua, apakah usaha kementerian terhadap persediaan tenaga kerja mahir negara ke arah menyediakan tenaga bagi memenuhi kehendak keperluan Wawasan 2020 sama ada melalui SLG, MLVK dan ISEP dan yang ketiga soalan tambahan saya, bolehkah nyatakan bilangan graduan-graduan mengikut negeri-negeri di Malaysia ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Tiga soalan yang cukup baik dan menarik sekali. Saya ingin jelaskan bahawa Kementerian Sumber Manusia membuat perancangan untuk mengadakan Skim Latihan Graduan ini bukanlah dalam keadaan *ad hoc* apatah lagi bersifat biskut *Chips More*. Tetapi ia merupakan suatu rancangan yang telah diteliti dengan begitu lama sekali. Sebagai contoh rancangan untuk mengadakan Skim Latihan Graduan Menganggur ini telah pun dirangka pada tahun 2000 dan dilaksanakan pada tahun 2001.

Oleh itu, Skim Latihan Graduan pertama telah dilaksanakan pada tahun 2001 dengan jumlah pengambilan sebanyak 12,000 orang melibatkan lima kursus dan melibatkan peruntukan sebanyak RM70 juta dan ini diikuti oleh skim latihan kedua, iaitu pada 2001 dengan pengambilan seramai 9,000 orang, tetapi kursus itu dibesarkan daripada lima hingga sembilan kursus dan melibatkan peruntukan sebanyak RM70 juta dan kemudian ianya diberhentikan pada pertengahan tahun 2003 sehingga ke bulan Ogos disebabkan oleh halangan kewangan.

Tetapi apabila kewangan telah diperolehi kembali sebanyak RM100 juta, maka Skim Latihan Graduan 3 itu telah dikembalikan kembali dengan membuka ruang kursus yang lebih banyak daripada 9 sehinggalah hari ini menjadi 13 kursus dan melibatkan peruntukan *round* pertama sebanyak RM50 juta. Sehingga hari ini kita telah berbelanja sebanyak RM45 juta dan melibatkan pelatih-pelatih lebih daripada 7,000 orang sebagai angka tepatnya iaitu seramai 7,349 orang. Rancangan untuk mengadakan kursus ini terus dibuka kerana ruang untuk menyediakan pelatih-pelatih bukan 7,349 orang, tetapi seramai 15,500 bererti ruang ini masih ada lagi. Kita akan meneruskan rancangan untuk mengadakan Skim-skim Latihan Graduan ini. Ini bermakna kita mempunyai rancangan yang begitu teliti dan ia tidak bersikap *ad hoc* ataupun terkocoh-kocoh, apatah lagi dikatakan, sifatkan sebagai biskut *Chips More*.

Yang kedua, saya juga ingin jelaskan bahawa dari segi rancangan jangka panjang, memang pihak Kementerian Sumber Manusia sentiasa bersedia untuk melahirkan tenaga kerja mahir negara dengan mengadakan beberapa institusi-institusi latihan selain daripada SLG yang telah saya sebutkan. Sebagai contoh kita ada Institut Latihan Perindustrian (21 buah) akan dibesarkan lagi campur 6 jadi 27, dan pada Rancangan Malaysia Kesembilan akan dapat menampung tidak kurang daripada 20,000 pelajar untuk sesuatu tahun.

Keduanya, kita juga ada Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan yang hari ini ada lebih kurang 800 penyelia-penyelia latihan. Kita juga mempunyai *Advance Technology Centre* (4 buah), satu lagi *Japanese Malaysia Institute* (1 buah) dan satu lagi Pusat Kemahiran Lanjutan dan juga tenaga pengajar. Semuanya ini memperlihatkan bahawa usaha kerajaan untuk memastikan bahawa tenaga mahir dan juga separuh mahir, profesional dan juga separuh profesional sentiasa berjalan dengan baik dan juga lancar.

Mengenai dengan negeri-negeri yang dikatakan mempunyai tenaga latihan ataupun graduan yang ingin mengikuti latihan ini adalah seperti berikut:

<u>Negeri</u>	<u>Jumlah Pelatih:</u>
Kelantan	1,171
Selangor	894
Sabah	729
Kedah	659
Johor	573
Kuala Lumpur	570
Perak	562
Sarawak	549
Terengganu	409
Pulau Pinang	382
Pahang	354
Negeri Sembilan	224
Melaka	161
Perlis	91
Labuan	22

Jumlah graduan Skim Latihan Siswazah Menganggur yang sedang diikutinya ialah seramai 7,349. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang menurut jawapan Yang Berhormat Menteri memang ada rancangan jangka panjang untuk melatih graduan-graduan kita untuk mengelakkan mereka terus menganggur. Tetapi pada pendapat orang ramai Skim Latihan Graduan ini adalah satu skim untuk melegakan penganggur yang mencari kerja sekarang.

Adakah kementerian membuat kajian selepas membuat latihan atau menyertai Skim Latihan Graduan ini, graduan-graduan yang ditempatkan untuk bekerja selepas ini, gaji mereka adakah setimpal dengan apa yang diminta graduan-graduan ini kerana daripada latihan yang diberikan seperti mana yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi, kebanyakan adalah *soft skill* dan saya rasa ia bukan satu latihan yang menyeluruh. Saya rasa satu rancangan yang lebih teliti perlu diatur di peringkat universiti untuk memastikan bahawa semua latihan ini boleh dimasukkan dalam universiti.

Saya hendak pastikan dan hendak mendapatkan penjelasan daripada timbalan menteri, adakah kementerian menjalankan kajian dari segi masa depan graduan-graduan yang menjalani Skim Latihan Graduan ini? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Memang pihak Kementerian Sumber Manusia mengadakan kajian yang dikenali sebagai *tracer study*, dan kajian ini kita lakukan setelah graduan itu tamat dalam tempoh enam bulan. Dalam tempoh enam bulan bagi Skim Latihan Graduan 1 dan juga Graduan 2, mereka telah memperoleh pekerjaan dan jumlahnya dari segi peratus ialah sebanyak 74% dan untuk Skim Latihan Graduan 3, kita yakin pertambahan ini lebih daripada 80% kerana mereka ini dilatih selama dua bulan praktikal di premis-premis ataupun di pusat-pusat latihan, syarikat dan sebagainya yang tidak dibuat dahulu pada Skim Latihan Graduan 1 dan juga Graduan 2.

Saya hendak jelaskan dari segi gaji, berdasarkan kelulusan akademik yang sama, tetapi mereka ini kebanyakan memperoleh gaji yang lebih daripada mereka yang mempunyai akademik yang sama dalam lingkungan 20% sehingga 30% lebih tinggi.

Yang ketiganya mengenai dengan kerjasama dengan pihak universiti, memang telah saya sebutkan di dalam banyak pertemuan termasuk dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri – Dato' Sri Mohd. Najib juga dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri bagi memastikan bahawa sebahagian daripada

soft skill ini patut diajar dan juga dimulakan di pusat-pusat pengajian tinggi dan juga di sekolah-sekolah termasuk daripada sekolah menengah juga. Terima kasih.

6. Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan tahap pelanggaran disiplin Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak penubuhan Suruhanjaya Polis dan nyatakan kesalahan disiplin dari segi penerimaan rasuah, penyalahgunaan kuasa dari Januari hingga Julai 2005.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, adalah terlalu awal untuk menilai dan membuat kesimpulan bahawa terdapatnya perubahan dan kesan yang positif kepada PDRM sejak Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM ditubuhkan pada bulan Februari 2004. Ini adalah kerana ia memerlukan kepada perubahan minda, sikap dan budaya kerja di kalangan pegawai dan anggota PDRM dalam jangka masa panjang. Namun, berdasarkan kepada statistik yang ada iaitu mengenai tindakan tatatertib sepanjang tahun 2004 ialah seramai 1,164 orang atau 1.29% (daripada keseluruhan jumlah kekuatan PDRM iaitu 89,999 orang).

Pegawai dan anggota PDRM pelbagai pangkat telah dikenakan tindakan tatatertib dan ini termasuk tindakan tahan kerja, gantung kerja sementara penyiasatan dilakukan dan juga tindakan penamatan perkhidmatan.

Statistik ini juga dibandingkan dengan tahun sebelumnya iaitu tahun 2003 dengan mencatatkan sejumlah 1,138 orang atau 1.31% (daripada keseluruhan jumlah kekuatan PDRM iaitu 89,687 orang) pegawai dan anggota PDRM yang dikenakan tatatertib. Perbandingan statistik tahun 2003 dan 2004 ini menunjukkan bahawa tahap pelanggaran disiplin di kalangan pegawai dan anggota PDRM adalah rendah, iaitu kurang daripada 1.5% jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan kekuatan PDRM yang semakin bertambah setiap tahun mengikuti keperluan semasa.

Bagi tahun 2005 daripada bulan Januari sehingga Julai ini, seramai sembilan orang pegawai dan 46 orang anggota PDRM telah ditangkap oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk siasatan berhubung kesalahan berkaitan dengan penerimaan rasuah. Sementara itu dalam tempoh yang tersebut juga seramai 48 orang pegawai dan 251 orang anggota diambil tindakan tatatertib kerana didapati terlibat dalam penyalahgunaan kuasa.

Kerajaan sememangnya mengambil berat dan prihatin mengenai masalah gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang didakwa berlaku bukan sahaja di dalam PDRM, tetapi juga di jabatan dan agensi kerajaan yang lain. Namun, masyarakat umum juga perlu memainkan peranan dan tanggungjawab dengan tampil ke hadapan untuk membantu dengan memberi maklumat sewajarnya serta memastikan mereka juga tidak terlibat di dalam apa-apa pemberian ganjaran seperti hadiah atau wang kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam untuk mendapatkan sesuatu perkara atau perkhidmatan yang diperlukan. Kerjasama erat dan penglibatan semua pihak dapat memastikan usaha untuk menangani, membendung dan mencegah masalah gejala rasuah lebih berkesan. Sekian, terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada kementerian. Kita hendak rakamkan tahniah kepada Polis Diraja Malaysia kerana masalah pelanggaran disiplin ini yang termasuk juga dengan rasuah, jumlahnya tidaklah sebesar sangat iaitu sebanyak 1.5%. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah kita memandang tinggi perkhidmatan polis tetapi apakah kerajaan berpuas hati tentang kebajikan dan juga pengurusan anggota polis kita terutama sekali di peringkat pangkat bawahan, terutama sekali gaji dan insentif-insentif lain, sedangkan mereka ini berada di hadapan dalam menjaga keselamatan negeri dan negara kita dan rakyat keseluruhannya.

Kalau ada kes-kes tertentu juga seperti ada anggota polis yang didakwa di dalam media umpamanya memiliki aset yang berjuta-juta dan kita hendak tahu apakah perkara ini sebenarnya benar ataupun tidak dan ini akan menjadi prasangka kepada orang ramai tentang kedudukan anggota polis keseluruhannya kerana perkara-perkara yang baik yang dilakukan oleh polis tidak dapat dipamerkan dengan baik oleh mass media ataupun juga dari segi kementerian sendiri dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada polis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berapa peratus kes pelanggaran disiplin? Berapa peratus?

Tuan Chia Kwang Chye: Pelanggaran apa?

Seorang Ahli: Kes pelanggaran. *Accident*.

Tuan Yang di-Pertua: Pelanggaran disiplin.

Tuan Chia Kwang Chye: Oh! Saya tidak ada maklumat.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi ada angka.

Tuan Chia Kwang Chye: Angka tadi ialah tindakan tatatertib dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Tindakan tatatertib!

Tuan Chia Kwang Chye: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa peratus?

Tuan Chia Kwang Chye: Kurang daripada 1.5, iaitu 1.29 pada tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sila jawab.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, semak semua dan kaji semula selalu diadakan, kalau ada permintaan dan kalau perlu untuk menaikkan gaji dan kalau ada ganjaran kadang-kadang untuk pihak polis. Baru-baru ini beberapa insentif dan ganjaran telah diluluskan untuk kerja-kerja yang berisiko di kalangan polis. Berkenaan dengan tuduhan rasuah dan kes yang disebut itu memang tidak spesifik dan tidak dinyatakan, oleh sebab itu tidak dapat menjawab. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bagi Yang Berhormat bagi Tanjonglah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kita ucap terima kasih kepada kerajaan yang telah memberi peruntukan yang besar untuk skim perumahan kepada pasukan polis supaya mereka dapat memiliki rumah. Tetapi yang saya hendak tekankan di sini ialah pertamanya, insentif pekerjaan telah ditanyakan oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Dungun tetapi saya hendak tahu apakah logistik, kelengkapan, peralatan yang *up to date*, adakah pasukan polis kita memilikinya?

Kerana kita dapat lihat Tuan Yang di-Pertua, pasukan polis kita kadang-kadang menggunakan senjata, contohnya pistol itu yang *out dated* untuk berhadapan dengan penjenayah yang *update*.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini mengenai pelanggaran disiplin, tatatertib dan.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya, saya hendak pi kot tu lah, tetapi saya hendak guna senjata, dia silap tembak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Jauh lama sangatlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Memang la, depa tidak faham, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jauh sangat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Memang kita, orang-orang tua ini, dia pergi kot jauh, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Jadi, soalnya. *[Disampuk]* Janganlah macam itu, bila Kepong... Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, nanti saya jadi bukit tumpul baru tahu.

Seorang Ahli: *[Memberi salam]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Waalaikumusalam warahmatullah. Jadi, kadang-kadang disebabkan oleh kekurangan-kekurangan ini menyebabkan pasukan polis tidak dapat menjalankan tugas dengan disiplin yang tertinggi. Contohnya, lokap di balai polis kita boleh muat 15 orang penjenayah tetapi

tangkap ramai-ramai masuk dalam lokap itu. Bila mati atau terjadi sesuatu kepada orang tahanan itu dituduhnya polis tidak menjalankan tugas mengikut hak asasi manusia dan melanggar disiplin.

Jadi, disebabkan oleh kelemahan logistik kadang-kadang menyebabkan ia terlihat dan ternyata seolah-olah polis tidak menjalankan tugas mengikut lunas-lunas, peraturan-peraturan dan hak asasi manusia. Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju dengan pendapat dan pandangan saya yang cukup baik dan bernas untuk kebaikan keselamatan negara. *[Disorak] [Ketawa]*

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih atas pandangan yang cukup bernas dan baik. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia bukan beri pandangan, dia hendak buat soalan.

Tuan Chia Kwang Chye: *[Ketawa]* Yakah, jadi jangan pergi terlalu jauh nanti OB, baru tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah. Jawablah tetapi kalau tidak ada soalan tidak payah jawab.

Tuan Chia Kwang Chye: Jadi, apa yang saya hendak perkatikan di sini bahawa selepas laporan akhir Suruhanjaya Diraja itu, satu jawatankuasa bertindak telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri kita sendiri dan selaku Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Dan, di bawah jawatankuasa itu ada lima jawatankuasa kerja iaitu Jawatankuasa Pembangunan, Jawatankuasa Etika Kerja dan Prosedur, Jawatankuasa Logistik, Jawatankuasa Undang-undang dan Jawatankuasa Sumber Manusia.

Melalui jawatankuasa-jawatankuasa ini barulah kita dapat mengeluarkan dasar dan projek-projek dan melaksanakan segala cadangan dan projek yang telah dijalankan. Di bawah pembangunan jawatankuasa ini adalah empat projek perintis iaitu yang diagih di kawasan utara, selatan, timur dan tengah, di mana empat projek perintis ini akan dijalankan dan selepas itu lain-lain projek akan dijalankan di IPT ataupun IPK yang terpilih.

Jadi, memang dalam mengikut jawatankuasa yang telah saya sebut itu, kita akan menambah baik segala aspek pasukan polis sama ada dari segi logistik ataupun untuk menggunakan IT dan teknologi yang canggih untuk mengadakan satu pasukan polis yang canggih pada masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tuaran. Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Selalu sudah perkara ini dibangkitkan.

Seorang Ahli: Saya sudah berpuas hati.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, soalan nombor 7.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Okey, baik, baik. Sila. Cepat sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskan, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ringkas sahaja. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi bahawa terlalu awal untuk kata apa-apa kesan. Oleh kerana laporan Suruhanjaya Polis Diraja, khasnya mengenai masalah rasuah, penyalahgunaan kuasa. Bukankah ini satu pengakuan bahawa tidak ada kesan, bahawa sudah gagal, bahawa berapa lama kementerian mahu tunggu. Sudah lima bulan semenjak laporan ini dikemukakan, sudah 17 bulan. Kalau kita ambil kira interim....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Lim Kit Siang: Nantilah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau Ketua Pembangkang hanya hendak menarik keburukan polis, tidak payah tanyalah.

Tuan Lim Kit Siang: ...Interim report. Ini diberikan kebenaran oleh Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau kita tengok polis punya jasa, polis punya jasa *you* tidak kenangkah?

Tuan Lim Kit Siang: Jangan kata ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu cerita buruk sahaja...

Tuan Yang di-Pertua: Cepat sikit.

Tuan Lim Kit Siang: Cepat apa, itu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Buat apa tanya.

Tuan Lim Kit Siang: Takut untuk soalan yang tepat, mahu soalan yang *irrelevant*.

Tuan Yang di-Pertua: Cepat sikit.

Tuan Lim Kit Siang: Berapa lama?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa kementerian Yang Berhormat, di mana Yang Berhormat wakil tidak berani kata akibat daripada laporan Suruhanjaya Diraja, polis akan lebih, sudah lebih bersih, tidak begitu korup. Tetapi 17 bulan selepas *interim report* tidak berani kata, bukankah ini menunjukkan bahawa *the Royal Commission Report is a waste of time* dan kerajaan tidak serius dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri jawab, cepat.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini bagi saya satu kes penyalahgunaan seorang Ketua Pembangkang yang menganggap bahawa soalnya relevan, orang lain tidak relevan. Ini memang angkuh dan sombong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Timbalan Menteri tidak payah jawablah, dia sangka buruk. Dia tidak hendak sangka baik pada polis.

Tuan Chia Kwang Chye: Tidak apa, kalau sangkaan buruk, kalau tanya pun boleh juga.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tiap-tiap kali dia sangka buruk pada polis. Kebaikan polis tidak adakah? Ceritalah kebaikan polis. Apalah, tidak adillah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Yang di-Pertua: Dengar jawapan Menteri ya.

Tuan Chia Kwang Chye: Saya juga berharap bahawa Ketua Pembangkang kena sabar sikit.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Cakap polis bersih 99.5% sudahlah.

Tuan Chia Kwang Chye: Oleh sebab tindakan dan struktur jawatankuasa termasuk jawatankuasa urus setia bagi tujuan pemantauan dan penyeliaan dari segi salah guna atau rasuah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tidak ada puasalah, dia suka gaduh. [*Ketawa*]

Tuan Chia Kwang Chye: Yang lapor kepada Ketua Polis Negara pun telah ditubuhkan. Dan, kita memang.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam pun tidak puasa.

Tuan Yang di-Pertua: Sila dengar Menteri jawab.

Tuan Chia Kwang Chye: Apa yang saya kata ialah dari segi statistik, tetapi kalau menggunakan satu anggapan yang subjektif atau dari segi persepsi memang selepas penubuhan Suruhanjaya Diraja itu dan selepas laporan akhir yang dikeluarkan,

selepas tindakan-tindakan yang telah diambil sementara laporan akhir dikeluarkan memang persepsi di kalangan rakyat terhadap pasukan polis adalah memang memuaskan.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukan rakyatlah, persepsi DAPlah.

Tuan Chia Kwang Chye: ... dan moral sebagainya, memang tinggi. Jadi, kita

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, duduk Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Tapi kalau kita nampak dari sini kelakuan Ketua Pembangkang bukan yang begitu baik, jadi yang mustahak sekali kita mesti menggunakan cara-cara dan pendekatan yang objektif, yang baik dan jangan gunakan pandangan seorang.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye:sebagai satu -. Sekian, terima kasih.

7. **Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menaik tarafkan Maktab Perguruan Kent Tuaran dan apakah pula langkah-langkah untuk menangani masalah sekolah kurang murid (SKM) dalam kawasan Parlimen Tuaran.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang mengemukakan soalan. Kementerian Pelajaran Malaysia amat berterima kasih kepada kerajaan yang telah bersetuju menaik taraf maktab-maktab perguruan kepada institusi pendidikan guru atau IPG. Keputusan ini dianggap sebagai satu pengiktirafan dan penghormatan dan usaha Kementerian Pelajaran untuk terus memartabatkan profesion perguruan.

Dengan keputusan itu juga kesemua 27 buah maktab perguruan termasuk Maktab Perguruan Kent akan dinaiktarafkan kepada IPG bagi membolehkan maktab-maktab tersebut menganugerahkan ijazah Maktab Perguruan Kent adalah salah sebuah daripada 6 buah maktab yang dikenal pasti akan dinaikkan taraf dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Bagi merealisasikan penubuhan institusi pendidikan guru, kementerian telah membentuk pasukan petugas khas untuk meneliti dan mengambil tindakan susulan mengenai kewangan kurikulum dan lain-lain. Kementerian juga akan mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi pusat yang ada hubung kait dengan penubuhan institusi pendidikan guru.

Berhubung dengan masalah sekolah kurang murid atau SKM, kementerian sentiasa memastikan SKM mempunyai kemudahan asas dan kemudahan pendidikan yang sebaiknya. Kementerian Pelajaran juga terus berusaha untuk meningkat dan memperbaiki kualiti sekolah kurang murid dalam semua aspek agar jurang pendidikan antara bandar dan luar bandar dapat dirapatkan.

Bagi SKM kawasan Parlimen Tuaran dan juga di kawasan-kawasan lain, kementerian sentiasa mengambil langkah-langkah yang sewajarnya secara berterusan untuk meningkatkan kemudahan pembelajaran. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian melalui Jabatan Pelajaran Negeri Sabah telah merancang untuk meningkatkan kemudahan pendidikan melalui projek tambahan gantian naik taraf bangunan sekolah dan rumah guru serta penyediaan kemudahan asas mengikut keutamaan dan keperluan.

Selain daripada itu, kementerian juga telah melaksanakan dua buah sekolah pusat sebagai projek rintis iaitu SK Bumbum di Sabah dan SK Matang Parang di Sarawak bagai mengatasi masalah sekolah-sekolah yang *enrolment* kecil. Terima kasih.

Datuk Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih jawapan dari Timbalan Menteri Pelajaran. Soalan pertama, tambahan berhubung dengan menaik taraf maktab-maktab perguruan ialah setelah nanti maktab-

maktab perguruan ini akan mengeluarkan mereka yang mendapat diploma dan ijazah, adakah nanti kementerian memikirkan masalah graduan, graduan menganggur dalam bidang pendidikan, maknanya setelah mereka ini dapat ijazah dalam pendidikan dan sementara itu IPTA yang lain, yang sedia ada pun mengeluarkan juga graduan-graduan dalam bidang pendidikan. Apakah nanti pihak kerajaan akan mempertimbangkan masalah pengangguran di kalangan graduan dalam keluaran pendidikan, itu soalan pertama.

Soalan kedua, tambahan berhubung dengan sekolah kurang murid. Pada suatu ketika dahulu, kementerian telah mencadangkan malah sudah pun membuat survey untuk menubuhkan sekolah berpusat di SK Lokos, sebagai salah satu penyelesaian sekolah kurang murid di kawasan Parlimen Tuaran dan saya sendiri telah berbincang dengan matan Menteri Pelajaran pada ketika itu dan telah dikatakan bahawa peruntukan sebanyak RM15 juta untuk tujuan itu. Saya ingin tahu apakah perkembangan tentang penubuhan sekolah berpusat SK Lokos itu. Sekian, terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih Yang Berhormat mengemukakan dua soalan tambahan yang berhubung kait dengan unjuran keperluan guru-guru berijazah, sudah tentu Kementerian Pelajaran akan berbincang dengan institusi pelajaran tinggi atau IPTA supaya kita dapat mengeluarkan bilangan graduan berijazah pendidikan supaya ia tidak sampai satu tahap atau kelebihan atau kekurangan supaya ia akan mengikut unjuran yang telah ditetapkan mengikut keperluan Kementerian Pelajaran.

Berhubung kait dengan soalan yang kedua, sama ada sekolah berpusat akan dilaksanakan di kawasan Yang Berhormat berkenaan, ini agak spesifik dan saya akan membawa perkara ini ke kementerian supaya akan dapat menjawab secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sri Gading ada apa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada soalan tambahan, tapi saya nak minta maaf dengan Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit kelainan, cuma sama kementerian. Saya sembahyang tarawih Tuan Yang di-Pertua, dua hari yang lepas, makmum ini mempunyai anak cacat ataupun yang dipanggil kanak-kanak istimewa. Dia hendak minta saya sampaikan kepada Kementerian Pelajaran boleh tak seluruh kanak-kanak yang istimewa ini, yang belajar di sekolah-sekolah, baik menengah, rendah dikecualikan daripada semua bayaran-bayaran seperti anak-anak yang lain, maknanya kanak-kanak ini dipanggil kanak-kanak istimewa, tapi dia kena bayar juga macam anak-anak yang lain. Beban ibu bapa menanggung kanak-kanak istimewa ini dua kali ganda, kerana anak-anak istimewa ini tidak boleh bergantung atas diri sendiri, dia tidak berapa kuat berpijak di kaki sendiri, dia kena bantu. Jadi rayuan bapak ini yang sama-sama sembahyang tarawih dengan saya, maklumlah Tuan Yang di-Pertua kita puasa, tak macam Ipoh Timor, Ipoh Timor tak puasa itulah sebab dia boleh marah, saya ini lembut saja. Jadi boleh tidak, Kementerian Pelajaran membuat satu dasar semua anak-anak istimewa ini Tuan Yang di-Pertua dikecualikan dari apa saja bayaran yang dikenakan kepada anak-anak yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri hendak jawab ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih, Yang Berhormat memang seorang yang berhati baik, sentiasa memberi perhatian kepada orang-orang yang kurang bernasib kurang baik. Sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional juga seperti hati Yang Berhormat, memberi perhatian kepada orang-orang kurang upaya khususnya orang-orang cacat seperti anak-anak istimewa. Sebenarnya Kementerian Pelajaran telah memberikan banyak kemudahan untuk memberi pembelajaran seperti yang diberikan kepada anak-anak biasa. Memang ini hasrat Kementerian Pelajaran, kini kementerian juga telah menubuhkan sekolah-sekolah khas untuk anak-anak istimewa ini dan dari segi sama ada mereka dibenarkan tanpa membayar apa-apa bayaran ini juga telah diambil kira sebab baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan masa membentang bajet baru-baru ini telah memberikan kelonggaran kepada ibu bapa dari segi pembayaran cukai terhadap anak-anak yang istimewa. Terima kasih.

8. Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan sehingga kini berapakah bilangan pelajar yang ditangkap oleh polis dan dituduh di mahkamah bagi pelbagai kesalahan.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]:

Tuan Yang di-Pertua dari statistik yang diperolehi, dari tempoh Januari hingga Ogos tahun ini, jumlah pelajar yang ditangkap oleh PDRM bagi pelbagai kesalahan adalah seramai 1,836 orang pelajar, di mana kes yang dilaporkan adalah sebanyak 982 kes. Selangor merupakan negeri tertinggi iaitu sebanyak 270 orang pelajar telah ditangkap atau 14.7% berbanding dengan jumlah keseluruhannya. Jumlah ini diikuti negeri Kedah iaitu sebanyak 237 orang pelajar atau 12.9%, manakala Polis Kontinjen Perak telah membuat tangkapan seramai 227 orang pelajar. Daripada analisis yang telah dibuat seramai 1,516 pelajar Melayu, dan 119 pelajar Cina, 132 pelajar India dan 69 pelajar daripada lain-lain bangsa telah ditangkap di atas berbagai-bagai kesalahan. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Berdasarkan dari jawapan yang telah diberikan oleh Timbalan Menteri jelas bahawa setiap tahun ada peningkatan kes-kes atau kesalahan yang telah dilakukan oleh pelajar. Contohnya pada tahun 2003 di mana seramai 2,562 ditangkap dan seramai 1,429 telah didapati melakukan kesalahan jenayah. Tahun 2004, 2,710 ditangkap dan seramai 1,499 telah didapati bersalah melakukan jenayah dan daripada jawapan Timbalan Menteri bahawa sehingga Ogos seramai 1,836 telah didapati dan ditangkap. Soalan saya, kita selalu mendengar jawapan dari Kementerian Pelajaran bahawa tahap disiplin pelajar adalah terkawal dan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar semakin hari semakin menurun.

Tetapi daripada jawapan Timbalan Menteri jelas menunjukkan bilangan pelajar yang melakukan kesalahan telah meningkat. Soalan tambahan saya, apakah pandangan daripada kementerian ini, PDRM, kenapakah kes-kes kesalahan yang dilakukan oleh pelajar ini semakin meningkat, adakah disebabkan oleh kelemahan pentadbiran sekolah itu sendiri atau keadaan alam persekolahan yang tidak menyenangkan pelajar tersebut atau adakah tahap kesedaran pelajar-pelajar ini terhadap undang-undang negara semakin hari semakin menurun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik bagi lapan bulan tahun ini dan juga tahun yang lepas boleh dikatakan sama dari segi jumlah pelajar yang terlibat. Walaupun kita pun kluatir dengan trend yang mengikut statistik ini tapi keadaan setakat ini masih terkawal dan tindakan-tindakan telah pun diambil termasuk menubuhkan satu jawatankuasa di bawah projek Pegawai Perhubungan Sekolah di mana seorang Polis Perhubungan telah dilantik supaya mereka dapat berhubung dengan sekolah dan juga kalau perlu menolong sekolah dalam apa juga usaha untuk menangani masalah ini dan terlibat dalam aktiviti-aktiviti kadet sekolah dan sebagainya. Biasanya pengaruh kawan adalah satu sebab di mana mereka terlibat dalam jenayah, tapi saya menegaskan bahawa kita memerlukan tanggungjawab dan kerjasama dari ibu bapa dan juga guru-guru sekolah untuk bersama-sama menangani masalah ini sehingga masalah ini dapat dikawal. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekian sahaja sesi soal jawab pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan Anggaran Pembangunan 2006 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Kedua]**

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B. 1 hingga B.9 dan B. 40 [Jadual] -
Maksud P. 6 dan P.7 [Anggaran Pembangunan 2006]**

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat, 66 (6) (a) "Tuan Yang di-Pertua, *may allot a maximum time to be given for each of the schedules of the Bill, the clauses of the Bill and for any of the heads in the Development Estimates...*" and jump to following paragraph - 66(6) muka 225, and next paragraph, "Provided that Tuan Yang di-Pertua or the Chairman may, at his discretion enlarge the time allotted for a particular schedule of clause or head but not so that the discussion in the Committee shall exceed eighteen days or that the time allotted for any subsequent schedule or clause or head is thereby diminished." Saya rujuk kepada jadual yang disediakan untuk membahaskan peringkat Committee kertas biru ini *[Menunjukkan kertas]* yang ditetapkan satu hari untuk perbincangan Jabatan Perdana Menteri dan sebenarnya Jabatan Perdana Menteri ialah antara kementerian belanjawan yang terbesar sekali iaitu RM6 *billion*, kalau kita banding dengan *others* kementerian sebagai contohnya untuk no. 14 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tak sampai separuh setengah billion, ini RM6 billion, yang pertama.

Kedua Jabatan Perdana Menteri ada bidang-bidangnya yang maha penting dan kita tengok bukan sahaja kita ada Parlimen, Ketua Audit, Suruhanjaya Pilihan Raya, dalam Jabatan Perdana Menteri ada Kabinet, ada Unit Perancang Ekonomi, ada Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, ada Bahagian Keselamatan Negara, ada JAKIM, ada MAMPU, ada Biro Pengaduan Awam, ada Mahkamah, Jabatan Tanah dan Galian, ada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Pejabat Setiausaha Sabah, Sarawak, ada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah, Pihak Berkuasa Malaysia-Thailand, ada Perpaduan Negara, ada SUHAKAM, ada Institusi Integriti Malaysia ada PERDA, ada banyak.

Sebab itu, dalam masa dulu, saya ingat untuk perbincangan, apabila saya ada di Parlimen, tiga hari diperuntukkan untuk Jabatan Perdana Menteri, ialah dalam tahun 70-an, 80-an 90-an, tiga hari diperuntukkan oleh kerana begitu mustahak dan saya harap bahawa dalam perkara ini, oleh kerana mungkin kita mahu *justice* kepada Jabatan Perdana Menteri dan bukan sahaja Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, ada dua menteri di sini, ada tiga, ada empat menteri di Jabatan Perdana Menteri di sini, lima di sini. Oleh kerana bahagian-bahagian yang bertanggungjawab dan saya berharap bahawa kita boleh peruntukkan tiga hari, sekurang-kurangnya tiga hari untuk perbincangan Jabatan Perdana Menteri dan membenarkan Ahli-ahli Parlimen bukan, 10 minitlah, saya rasa ini tidak - *to do justice* kepada Jabatan Perdana Menteri, kita serius mengenai Perdana Menteri yang baru, kita diberi masa yang adil. Bolehkah kita bahawa ada tiga hari untuk perbincangan Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, pertamanya jadual yang diberikan ini, kertas biru ini adalah hanya sebagai panduan sahaja. Yang kedua, subjek-subjek itu sendiri yang akan menentukan masa kita berbahas pada amnya iaitu jikalau jabatan itu jabatan besar seperti Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi sudah

tentulah ia kadang kala akan melangkau. Kerusi Yang di-Pertua ini kadang kala memberi kelonggaran, banyak kelonggaran kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berhujah ataupun berbahas walaupun kadang kala melangkau jauh kepada apa yang sepatut dibuat, dilakukan. Dalam pada itu kita memberi kelonggaran dan menggunakan budi bicara kita untuk memberi masa, menentukan masa untuk Ahli-ahli Yang Berhormat berbahas. Seperti yang saya katakan tadi jabatan yang besar sudah tentulah, kalau banyak yang hendak bercakap dengan sendirinya ia akan menjangkau ke jabatan yang lain umpamanya yang setengah ataupun satu per empat kecilnya daripada Jabatan Perdana Menteri. Jadi beginilah kita mengagihkannya masa dalam kita menguruskan perbahasan dalam Dewan ini. Sekian.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Serdang.

11.18 pg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya menyentuh tiga perkara dalam JPM iaitu Butiran 02000 Unit Perancangan Ekonomi, Butiran 03000 Unit Penyelarasan Persaraan (UPP) dan Butiran 11000 Biro Pengaduan Awam.

Tuan Pengerusi, Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP) merupakan jabatan yang penting untuk merancang, memantau projek-projek pembangunan di negara kita termasuklah di kawasan-kawasan Parlimen masing-masing. Setiap kawasan Parlimen mempunyai keperluan tersendiri. Rakyat mempunyai wakilnya untuk bersuara agar keperluan kawasan itu dapat diselesaikan.

Seperti mana yang diketahui, anggota jemaah Kabinet biasanya dianggap oleh rakyat mempunyai banyak kelebihan bagi memastikan kawasannya diberi keutamaan dan ini juga tidak dapat dipertikaikan oleh sesiapa bahawa kawasan yang diwakili oleh anggota jemaah Kabinet juga perlu pembangunan bagi menunaikan komitmen dan tanggungjawab dan tugas yang telah diberi kepada rakyat. Tetapi kawasan lain yang diwakili oleh wakil rakyat biasa atau *backbencher* selalunya terpaksa menunggu lama untuk mendapat peruntukan bagi satu projek pembangunan yang amat diperlukan di kawasan itu bagi menyelesaikan masalah atau menaikkan taraf infrastruktur. Sentiasa dapat rungutan, keluhan dan rintihan daripada rakyat kawasan masing-masing melalui wakil rakyat yang disuarakan di Parlimen ini. Maka dengan demikian saya memberi sedikit pandangan berkaitan dengan peranan Unit Perancang Ekonomi di JPM.

Saya difahamkan fungsinya memang ditentukan dalaman untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai kanan di dalam Unit Perancang Ekonomi. Ini tidak dapat disangkal lagi atau dinafikan tapi saya mintalah di mana cadangan projek atau menaikkan taraf daripada pihak Kementerian atau jabatan yang disalurkan melalui wakil rakyat kawasan itu perlu mendapat pertimbangan yang saksama.

Saya bagi satu contoh, kawasan di Kajang Utama di mana Kementerian Kerja Raya telah mengemukakan cadangan untuk membina terowong untuk melintas Lebuhraya SILK. Anggapan dan cadangan projek membina *underpass* ini telah dikemukakan oleh Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia. Kerana sekatan yang dihadapi oleh rakyat Kajang Utama ini memang nyata dan Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia memang faham untuk mengadakan *underpass* atau terowong untuk atasi sekatan yang begitu teruk di kawasan tersebut.

Saya dapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Projek ini telah disampaikan kepada Unit Perancang Ekonomi untuk pertimbangan kerana anggaran peruntukan untuk membina *underpass* ini akan membelanjakan lebih kurang RM25 juta. Tetapi pihak Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia terpaksa untuk mengemukakan cadangan ini kepada Unit Perancangan Ekonomi demi kepentingan sosial ekonomi dan politik di kawasan tersebut kerana di kawasan Kajang Utama terdapat IKS.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Oleh kerana Lebuhraya SILK dibina tanpa mengambil kira masalah yang dihadapi di kawasan tersebut. Maka IKS di kawasan itu sekarang sedang menghadapi masalah besar. Ertinya langkah dasar.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: ...kerajaan untuk menggalakkan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini ada jauh sedikit daripada.....

Dato' Yap Pian Hon: Minta maaf tapi kena huraikan. Kalau tidak huraikan mungkin pegawai kanan Unit Perancang Ekonomi tidak tahu apa sebab kita mesti dapat pertimbangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Perbincangan peringkat Jawatankuasa bukan....

Dato' Yap Pian Hon: Ya, memang saya faham tapi kalau tidak dapat beritahu pegawai-pegawai kanan EPU ini dia tahu apa saya cerita nanti. Maka saya huraikan. Maka itu ini bukan sahaja Sekolah Menengah Kajang Utama terjejas kerana murid-murid akan tidak dapat melalui melintas Lebuhraya SILK itu kerana di sebelah kawasan. Maka kelas Tingkatan Enam itu merosot. Ibu bapa tidak menghantar lagi murid-murid ke sekolah tersebut dan beribu-ribu rakyat di kawasan tidak ada laluan kerana sekatan Lebuhraya SILK.

Maka itu cadangan ini sampaikan kepada Unit Perancang Ekonomi dan jawapan masih belum dapat. Ini satu tahun. Penduduk-penduduk dan pihak pengusaha IKS itu telah dalam keadaan begitu susah. Maka keadaan sosioekonomi dan kestabilan politik di kawasan tersebut sepatutnya dipertimbangkan secara munasabah oleh pegawai kanan daripada Unit Perancang Ekonomi.

Saya mintalah melalui Dewan yang mulia ini supaya pegawai-pegawai kanan Unit Perancang Ekonomi dapat berikan pertimbangan khas yang dikemukakan oleh Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia berkaitan dengan cadangan projek *underpass* di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh dengan UPP. Sistem pentadbiran pelaksanaan memang teratur di mana ada Majlis Kerja Tindakan Persekutuan, lepas itu ada Majlis Kerja Tindakan Negeri, lepas itu ada Majlis Kerja Tindakan Daerah. Kerana garis panduan daripada JPM telah hantar caranya peranan Jawatankuasa Pembangunan Kerja Tindakan Daerah tapi sebenarnya tugas Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah itu memang ternyata menyelaras, mengawasi dan mengesan program dan projek pembangunan yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan dan juga untuk mengemukakan masalah melalui Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah itu untuk memaklumkan kepada jabatan-jabatan atau agensi kerajaan untuk mencari ikhtiar untuk mengatasinya. Tapi sepanjang masa ini fungsi dan tugas dijalankan oleh Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah di kawasan saya, saya nampak minit mesyuarat yang dijalankan minit untuk biasa sahaja. Masalah-masalah yang dikemukakan oleh wakil rakyat atau anggota jawatankuasa berkenaan itu tidak dapat diatasi beberapa tahun sudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Dato' Yap Pian Hon: Belum, belum sampai lagi. Berapa minit. Tadi sudah katakan betapa pentingnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 10 minit.

Dato' Yap Pian Hon: 10 minitkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Penting.

Dato' Yap Pian Hon: Tidak akan 10 minit? Banyak masalah yang dihadapi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat penting. Itu sebab kita akan beri lebih ramai orang berucap.

Dato' Yap Pian Hon: [Ketawa] Jadi Tuan Pengerusi, oleh kerana begitu singkat tidak dapat menghuraikan banyak ini tapi jabatan ini penting. Saya haraplah seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini

untuk menyusun semula Biro Pengaduan Awam. Ini satu keputusan tepat sebab untuk meningkatkan lagi Biro Pengaduan Awam begitu berkesan pada ketika ini.

Saya sebagai wakil rakyat Parlimen walaupun sudah hantar surat kepada pihak yang berkenaan untuk mendapat maklum balas atau mengatasi masalah tersebut tidak dapat jawapan dan terpaksa melalui Biro Pengaduan Awam di mana biro tersebut telah mengambil tindakan tapi selepas siasat semak, masalah yang dikemukakan itu tetapi keputusan minta tindakan diambil oleh jabatan yang berkenaan tidak dapat dijalankan walaupun surat saya hantar. Rakyat yang menghadapi masalah tersebut tetapi tindakan tidak dijalankan oleh jabatan yang berkenaan untuk mengatai masalah ini. Itu sebab jadi masalah.

Biro Pengaduan Awam ini begitu berkesan untuk menyiasat, menyemak tetapi keputusannya sampai ke jabatan untuk ambil tindakan ikut peraturan yang tertentu tetapi jabatan yang berkenaan tidak ambil tindakan. Maka itulah yang akan dikecewakan kepada rakyat yang mengemukakan melalui wakil rakyat di kawasan tersebut. Ini adalah satu masalah dan hendaklah mengambil berat supaya Biro Pengaduan Awam ini lebih berkesan supaya dapat menyusun semula dapat berilah amanat kerana jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkaitan dengan masalah tersebut dapatlah untuk mengatasinya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan peraturan mesyuarat ya, berucap.

11.29 pg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Berucap, ya ucap. Tuan Pengerusi, B.1 Parlimen yang kita patut bermula dengan ucap tahniah setinggi-tinggi kepada Dewan Negara oleh kerana ambil langkah depan mengenai mempertahankan *doctrine separation of powers* *[Tepuk]* dan kita perlu rasa malu bahawa kita di belakang. Saya harap Yang Berhormat Menteri esok dalam mesyuarat Kabinet boleh bangkit hal untuk memulihkan *Parliamentary Service Act* supaya kita mengadakan satu keadaan di mana Parlimen sebenarnya boleh dengan izin *master in own house* termasuk bukan sahaja urusan Parlimen tetapi pentadbiran Parlimen pun.

Oleh kerana keadaan di mana ada seorang Ketua Pengarah atau semacam Ketua Pengarah untuk pentadbiran tentulah *completely unacceptable* dan mungkin dia patut menjadi Ketua Pengarah kepada Yang Berhormat Menteri, Jabatan Perdana Menteri mengenai hal ehwal Parlimen oleh kerana ini pun berlaku di India. Di India di mana ada banyak tanggungjawab di bawah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Parlimen supaya menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri bertanggungjawab memenuhi janji mereka apabila mereka kata bahawa akan memberi jawapan, memberi jaminan tetapi semua janji-janji diberi oleh menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri tidak dipantau dan itulah tanggungjawab menteri yang khas untuk hal ehwal Parlimen. Kita boleh sebut banyak perkara Yang Berhormat Menteri untuk sains, beri jaminan bahawa akan memberi jawapan kepada saya dalam pengguguran mengenai *open source*. Kenapa Kerajaan Malaysia dalam *open source* begitu senang untuk serah kepada *Microsoft* oleh sebab dapat beberapa juta sahaja untuk menghilangkan beratus juta ringgit dalam kepentingan orang ramai. Saya masih tunggu jawapan, jawapan belum sampai dan itulah tanggungjawab.

Ini mustahak. Masalah ini tidak selesai dan saya tidak tahu kenapa Jawatankuasa Dewan belum bermesyuarat. Ahli-ahli dalam Jawatankuasa Dewan Yang Berhormat bagi Kapar, Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Rasa, Yang Berhormat bagi Santubong, Yang Berhormat bagi Labuan kalau mereka tak nak ambil tugas yang berat mereka patut letak jawatan (*resign*) daripada Jawatankuasa Dewan ini supaya boleh - kita mahu bahas masalah-masalah berkaitan urusan Parlimen. Apa guna menjadi ahli anggota Jawatankuasa Dewan kalau tidak serius dalam perkara ini.

Yang Berhormat bagi Cheras, dia berkali-kali sudah meminta mesyuarat diadakan tetapi tidak diadakan iaitu masalah Ketua Pengarah atau pentadbiran. Yang Berhormat Menteri pernah kata oleh sebab untuk memudahkan tuntutan-tuntutan Ahli-ahli Parlimen supaya *claim* mereka tidak perlu disokong dengan bil, resit yang rasmi. Adakah ini benar? Saya ada tanya beberapa anggota Kabinet - menteri-menteri,

mereka kata tidak boleh, tidak ada berlaku. Saya mahu tahu, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan bila Kabinet akan memberi satu keputusan bahawa Ahli-ahli Parlimen boleh menuntut *claim, allowance, travelling* dan lain-lain tidak perlu disokong oleh dokumen yang rasmi. Kalau begitu saya mahu tahulah adakah ia benar atau tidak benar.

Tetapi ini tidak boleh menjadi alasan untuk mengadakan satu jawatan ketua pentadbiran dalam Parlimen oleh sebab kita mahu memulakan *Parliamentary Service Act*. Pada masa itu bukan *House Committee* yang meminta *Parliamentary Service Act* dimansuhkan, masa itu ialah Yang di-Pertua Tun Zahir. Kita tahu lima tahun antara 1988 ke 1993, Setiausaha Parlimen itu Datuk Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman. Lima tahun Zahir vs Zahir. Semua urusan Parlimen *stalemate*. Masa itu ACA dipanggil masuk dan dapati ada kesalahan Wan Zahir dan sebab itu dia menghadapi masalah dan untuk memberi laluan kepada beliau dia diberi tiga bulan supaya dia *resign*.

Tetapi dalam tiga bulan dia korek-korek, dia lapor kepada ACA terhadap Speaker. ACA siasat dan Speaker memberi tawaran untuk *resign*. Speaker *offer to resign*! Kenapa dia *offer to resign*? Kita boleh *conclude* lah tetapi Perdana Menteri kawan baik Speaker. Speaker pun ada perkhidmatan yang banyak termasuk *sacking of the Lord Justice - Lord President*. Dia jadi anggota *Judicial Tribunal* sebab itu Perdana Menteri *vetoed* dan Speaker Tun Zahir teruskan dan oleh sebab dia teruskan dia ada kuasa, dia meminta bahawa PSA dimansuhkan supaya tindakan boleh diambil terhadap setiausaha Zahir.

Apa ini? Siapa menjadi mangsa? *Doctrine separation of powers*, Parlimen menjadi mangsa. Sebab itulah - itu latar belakang mungkin Yang Berhormat Menteri tidak tahu. Kenapa? Kita tidak mahu menjadi mangsa Zahir vs Zahir. Kita mahu memulihkan *doctrine separation of powers*. Saya harap tak perlulah perkara ini *House Committee*. Kenapa *House Committee*? Kalau *House Committee* buat keputusan, *House Committee* buat *recommendation* kepada Parlimen, tak perlu Kabinet. Tidak perlu Kabinet kalau kita boleh ada satu pengundian dalam Parlimen ini. Saya percaya selain daripada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional berpaling tidak semacam dahulu, diluluskan. Saya harap ini perkara yang mustahak, kita tidak mahu - saya baca dalam surat khabar, Pengerusi BNBBC kata bahawa tidak mungkin kalau memulihkan *Parliamentary Service Act* ada huru-hara.

Siapa kata huru-hara? Adakah Yang Berhormat Menteri kata akan huru-hara kalau kita memulihkan *Parliamentary Service Act* sehingga Yang Berhormat Pengerusi BBC perlu buat kenyataan semacam itu.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang: Ya? Tak ada minta, ada minta?

Dato' Shahrir Abdul Samad: Boleh saya beri penjelasan?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, boleh.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Saya ditanya oleh surat khabar, tetapi surat khabar ini bila dia laporkan dia tak cakap soalnya. Dia bagi jawapan sahaja. Betullah, janganlah kita ada sangka tidak baik.

Tuan Lim Kit Siang: Ha, itu. Sebab itu ia tidak akan huru-hara tetapi memperkukuhkan Sistem Parlimen Demokrasi yang patutlah jadi matlamat pemerintahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita mahu *First World Parliament*. Kalau tidak ada *Parliamentary Service Act* dibolehkan, mana itu *First World Parliament*. Ini perlu dianggap sebagai satu perkara yang *urgent* yang perlu diberi keutamaan.

Saya mahu puji menteri-menteri Kabinet dalam penggulungan bajet, 24 menteri daripada 28 atau 29 campur Kabinet ini ada menghadiri Parlimen untuk memberi jawapan. Ini satu teladan yang baik dan saya harap ini bukan oleh sebab *Cabinet reshuffle* akan datang dan mereka semua mahu tunjuk wah, *good behavior*, dan selepas *Cabinet reshuffle* semua hilang. Saya harap inilah membayangkan satu sikap, satu budaya Kabinet yang baru bahawa dalam *committee stage* semua menteri akan datang untuk bertanggungjawab mengenai semua kementerian mereka dan bukan semacam seorang timbalan menteri malam itu tidak rela untuk memberi penjelasan kenapa menterinya hilang, kenapa menterinya tidak di sini. Nampaknya dia

rasa dia begitu angkuh bahawa dia tidak bertanggungjawab kepada Parlimen. Kalau dia rasa dia tidak bertanggungjawab kepada Parlimen lebih baik dia letak jawatan. Dia tidak ada tempat dalam Dewan ini. Dia patut keluar Dewan. *Get out of this House, he is not responsible to this House*, dan inilah timbalan menteri untuk Rural Development itu. Kalau dia tidak bertanggungjawab kepada Parlimen *ask him to get out of this House* - tidak berani kata begitu. Itulah tunjuk sikap itu.

Saya harap bahawa menteri-menteri dan timbalan menteri apabila menjawab kepada soalan atau dalam perbahasan akan bertanggungjawab mengenai apa kandungannya. Tidak datang sebagai burung kakak sahaja, baca sahaja, tak tahu apa di dalamnya. Sepatutnya sebelum soal jawab, sebelum perbahasan, tengok itu apa yang disediakan kakitangan-kakitangan kerajaan dan kalau tak setuju dia sendiri perlu bertanggungjawab. Tidak boleh datang di sini, baca sahaja. Apabila ditanya, tergopoh-gapah, tak tahu apa yang berlaku.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang kita berada di Jabatan Perdana Menteri, semua menteri tahu jawab - ada datang.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, *very good. That is why I said very good.* Harap Kabinet akan *reshuffle*lah.. Saya harap begitulah oleh sebab di masa dulu semua hilang, sekarang a *good start*. dan saya puji, saya puji. Saya *put in record*, itu baik dan saya harap itulah satu kelakuan yang kita harapkan di masa depan pun.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulunglah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Gulung? Baru mula, baru mula.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah banyak kali berucaplah. Semalam berucap, tadi Peraturan Mesyuarat berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Baru mula saja. Apa ini? Itu *mindless* MPs lah, *mindless* MPs. Saya harap bahawa Parlimen ini dua tahunlah - selepas *election*, *First World Parliament* masih jauh. Saya harap kita menumpukan sungguhpun... *[Disampuk]* Oh, shut up! Will you shut up! Just keep your mouth shut!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, biar saya buat keputusan, Biar saya buat keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: *Just keep your mouth shut.* Ya, dan saya harap bahawa jawatankuasa terpilih boleh diadakan saya tengok BBC adalah komisen satu kajian dibuat oleh Profesor Sharuki mengenai *committee - committee system*. Itulah yang kita setuju dan sebenarnya kita sudah berkali-kali untuk mencadangkan satu *committee* untuk setiap menteri, *ada specialist committee* dan kita harap inilah menuju kepada *First World Parliament*, bukan untuk sesiapa, untuk apa-apa parti atau apa-apa Parlimen dan ini mustahak dan oleh sebab kita belum sempat, boleh mengadakan *select committee*, kita ada menubuhkan *Parliamentary Caucus - Parliamentary Caucus* mengenai Burma sangat berjaya, *Parliamentary Caucus* mengenai *human rights* dan kita harap ia akan bergerak lebih berkesan.

Kita ada bercadang *Parliamentary caucus* mengenai *higher education* di mesyuarat lalu tetapi tidak ada respons daripada Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional. Tidak tahu sama ada oleh kerana menteri ada *signal* tetapi saya rasa ini perkara yang mustahak, saya harap dalam mesyuarat ini kita boleh menubuhkan *Parliamentary Caucus Higher Education*, *Parliamentary caucus* mengenai *labour*, masalah biro - semua kita boleh bertanggungjawab - IT, sama ada *open source* atau tidak *open source*. Semua ini mustahak dan saya harap bahawa kita boleh menuju kepada *First World Parliament* dan sebenarnya dalam Jabatan Perdana Menteri ada sekurang-kurangnya 20 jabatan yang mustahak.

Yang Berhormat Menteri ada di sini, bertanggungjawab mengenai Petronas - berpuluh-puluh, beratus-ratus bilion ringgit, saya rasa kita perlu ada masa mengenai *national unity*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, perkara ini juga pun telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat semasa ucapan dasar - empat jam. Yang Berhormat sudah banyak.....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, ini *committee stage*, dasar-dasar *committee stage*. *Committee stage* mustahak - perpaduan negara. Saya mahu habiskan dengan

perpaduan negara. Ini mustahak. Saya baru terima satu *email* daripada seorang yang *graduate* daripada IIU. Dengar, dengan izin pendek sahaja:

"Dear Mr. Lim, I was an ex-student of International Islamic University Malaysia, despite the fact that I am a non Muslim, I was required to wear a scarf in the campus as a sign of respect to the Muslim community in the university. On the day of the convocation, I was prohibited to enter the hall to receive my credential unless I cover my head with the headcover/tudung provided by the university, this is a rule clearly stated on paragraph 6.3(c) Convocation Guide Book, that is "All graduans must observe... cover the all aurah, covering of aurah (including head and neck) applies to Muslim as well as non Muslim females".

My application for exemption from the dresscode was rejected based on the said rule. When I ask the Deputy Rector on what basis they apply this rule to the non Muslim and whether the substance of the rule is justifiable and reasonable, his reply was, it is a rule approved by the authority, therefore everyone is bound by the rule.

When I went back to the IIU to collect my credential, I was told that the lecturers were given a task to ensure the students were in proper attire as a visitor. I was stopped by a male lecturer, Dr. Abdul Rahman who requested me to cover my head. He said that since I'm in IIU I should observe their rule. He gave me an apple and orange comparison. He compared this to KFC - Kentucky Fried Chicken workers who was required to follow the rule of the company that is wearing the same uniform. I strongly feel that it is against basic human rights and I am also worried by the declaration of Kelantan as an Islamic State, such rule will be imposed by the non Muslim in Kelantan".

Saya harap bahawa perkara ini *raises issues in Parliament* dan saya rasa ini jangan kita kecil-kecilkan bahawa perkara ini kita ada sensitiviti kepada semua rakyat Malaysia tak kira kaum dan agama dan saya harap perkara ini boleh dapat perhatian yang berat oleh kerana kita *must respect each other - This is a multi racial, multi religious, multi cultural society*. Jangan kita lupa.

Nampaknya ada Ahli-ahli Parlimen sudah lupa, ada sikap tidak begitu toleransi. Dalam tahun 60-an, 70-an, 80-an masalah ini tidak timbul. Tidak pernah timbul. Sekarang berkali-kali timbul. Kenapa? *Are we coming more and more intolerant in our multi racial society?*

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat .

Tuan Lim Kit Siang: Ya, *that is for you. I am just to ask the Speaker to explain.* Untuk pengerusi yang jawab, ia bukan untuk saya jawab sama ada dia songkok tak songkok, dia jawab

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir jangan libatkan saya. Saya anggap saya ini sebagai uniform seragam.

Tuan Lim Kit Siang: Siapa yang libat? Saya tak libat. Saya tidak libat. Yang Berhormat tak terlibat. Ketereh yang libat. Sebab itu saya harap perkara ini mustahak, Kita ambil perhatian serius kalau kita mahu bangsa Malaysia. Kita mahu *Malaysian society*. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Petra Jaya.

11.45 pg.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin menyentuh dua perkara. Pertama B6, 050100 berkaitan dengan JAKIM. Setelah meneliti daripada laporan nampaknya tiada dinyatakan dengan jelas berkaitan dengan aktiviti, berkaitan dengan mempertingkatkan persijilan halal Malaysia dari segi pematuhan ataupun *compliance*, proses dan prosedur, pemantauan, penguatkuasaan ataupun *awareness programme* dengan izin, serta promosi.

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah usaha JAKIM setakat ini ke arah mempertingkatkan apa yang dinyatakan tadi tentang Pensijilan Halal Malaysia sebab kita hendak bergerak ke arah menjadi sebuah pusat

atau halal hub di rantau Asia. Jadi, adakah aktiviti tertentu telah digariskan untuk mempertingkatkan pensijilan halal kita.

Yang kedua, setakat manakah pensijilan halal kita telah diterima pakai di seluruh dunia, dari segi *international standardnya*, dengan izin. Yang ketiganya, adakah *standard operating manual*, dengan izin, bagi pengeluaran produk halal, pusat penyembelihan, restoran dan juga pengangkutan berkaitan dengan produk-produk Halal tadi telah siap dan telah diguna pakai sepenuhnya termasuk dari segi pemantauan oleh pegawai-pegawai JAKIM dan juga Kementerian Hal Ehwal Pengguna untuk memastikan pematuhan sijil tersebut dipatuhi sepenuhnya.

Seterusnya ialah setakat ini berapakah jumlah sijil halal yang telah dikeluarkan. Saya ingin mengetahui apakah senarai nama hotel-hotel di bandar-bandar besar di Malaysia ini yang telah memohon dan diluluskan sijil halal di bawah anjuran JAKIM ini. Ianya penting sebab kalau kita pergi ke hotel-hotel masih tidak kelihatan adanya sijil halal tertera di hotel-hotel tersebut dan malangnya kebanyakan program-program kerajaan dilaksanakan atau dijalankan di hotel-hotel. Jadi, masih timbul keraguan, malahan kalau kita membaca akhbar berapa orang telah menulis ketidakpercayaan mereka terhadap sama ada hotel tersebut dijalankan atau pun menghidangkan makanan berdasarkan pematuhan sijil halal

Yang kedua, ialah berkaitan dengan perundangan dan penguatkuasaan aktiviti JAKIM salah satunya ialah berkaitan dengan perundangan dan penguatkuasaan. Jadi di mana digariskan tujuan ataupun fokus JAKIM dalam bidang ini ialah untuk membangunkan sistem perundangan Islam yang seragam, cekap dan berkesan.

Yang keduanya untuk mendraf undang-undang Islam. Yang ketiga untuk melakukan semakan kes melalui pengeluaran jurnal-jurnal hukum. Jadi pada saya, jurnal hukum memainkan peranan yang amat penting tetapi malangnya kualiti dari segi jurnal hukum kita masih terhad, masih kurang pendedaran, masih kurang laporan yang berkaitan dengan kes-kes yang telah berjalan di mahkamah syariah di mana keputusan telah dibuat tetapi laporan itu belum mencapai tahap apa yang telah dilaporkan di mahkamah civil, misal katanya. Jadi jurnal ini amat penting bukan sahaja untuk pengamal undang-undang membuat rujukan kes-kes yang terdahulu tetapi juga penting kepada pelajar-pelajar universiti, pengajar-pengajar ataupun ahli akademik dan yang lebih penting ialah dengan adanya jurnal tersebut, ia boleh menjadi sumber maklumat serta pendedaran kepada masyarakat umum untuk mereka mendapat ilmu pengetahuan berkaitan dengan hukum-hukum syariah yang ada di Malaysia ini.

Jadi, saya mengharapkan kalau dapat untuk kita pertingkatkan pendedaran, kualiti dari segi konteks dan kandungan jurnal-jurnal tersebut dan diedarkan secara meluas di seluruh negara kita. Jadi Tuan Pengerusi, saya tidak lalu hendak bercakap panjang lagi sebab memberi peluang rakan-rakan yang lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Silakan Yang Berhormat bagi Bera.

11.50 pg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 120000 - Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan; Butiran 130000 - Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang dan Butiran 140000 - Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, saya didatangi oleh seorang bapa yang memberitahu saya bahawa anaknya meninggal di dalam satu kemalangan jalan raya, anaknya adalah pembonceng motosikal. Mahkamah telah memutuskan bahawa anaknya memenangi perbicaraan tersebut tetapi pihak insurans tidak bersetuju dengan keputusan tersebut dan telah merayu ke mahkamah tinggi dan sehingga ke hari ini selepas 12 tahun, kes mahkamah tinggi ini belum bermula dan tarikh masih belum ditetapkan. Kita juga membaca dalam akhbar bahawa seseorang yang dituduh di tahan di dalam penjara untuk menunggu tarikh perbicaraan, ianya ditahan selama 20 tahun dan akhirnya apabila perbicaraan dijalankan, beliau didapati tidak bersalah dan dibebaskan. Sedangkan 20 tahun meringkuk di dalam penjara sebelum perbicaraan dijalankan. Jika ini berlaku, menunjukkan bahawa keadilan telah tidak diperolehinya, ibarat *justice delay justice deny*, dengan izin.

Rakyat menuding jari kepada pihak mahkamah kerana melewati-lewatkan perbicaraan. Rakyat juga menuding jari kepada peguam kerana dikatakan melewati-lewatkan perbicaraan. Kes ditangguh, mahkamah menangguhkan kes kerana ada, dengan izin, *partheard*, ataupun kes yang sedang berjalan. Mahkamah menangguhkan kes kerana terdapat kes yang lebih perlu diutamakan dan mahkamah menangguhkan kes kerana tidak cukup, kerana peguam minta ditangguhkan kerana ada kes yang lebih penting. Persoalannya mengapa kes terlalu banyak ditangguhkan.

Ramai yang menyalahkan pihak mahkamah dan sebagainya tetapi yang mereka tidak sedar ialah pada masa ini negara kekurangan mahkamah dan kekurangan hakim. Saya hendak beri contoh, di seluruh negara hanya terdapat lebih kurang 80 Mahkamah Tinggi, 80 Mahkamah Seksyen dan Mahkamah Majistret lebih kurang 150 berbanding dengan penduduk sebanyak 25 juta. Begitu juga dengan majistret dan hakim terdapat hanya tiga orang hakim di Kuantan, saya hendak beri contoh di Pahang. Di Pahang misalnya kerana saya daripada Pahang, saya hendak beri contoh Pahang. Di Pahang hanya terdapat tiga orang hakim yang sekarang ini mengendalikan lebih 1,000 kes.

Terdapat empat orang hakim Mahkamah Seksyen dan sembilan orang hakim Mahkamah Majistret. Saya ambil contoh di Kuantan sahaja, di Kuantan sahaja hanya dua orang hakim yang perlu mengendalikan 200 kes jenayah tidak termasuk kes sivil. Dan, di seluruh Pahang dan di Kuantan juga dua hakim mahkamah seksyen perlu mengendalikan lebih 3,800 kes. Ini menunjukkan bahawa negara kekurangan hakim, negara kekurangan majistret dan negara juga kekurangan mahkamah.

Di seluruh negara jumlah hakim dan sebagainya amat jauh dari segi rasionya berbanding dengan penduduk. Bayangkanlah, kita cuma mempunyai lebih kurang 400 hakim dan majistret. Berbanding dengan negara Thailand. Jumlah hakim dan majistret mereka sebanyak lebih kurang 3,000 hakim, inilah bezanya. Satu lagi perkara yang menyebabkan kelewatan selain daripada kekurangan hakim, kekurangan mahkamah dan sebagainya, mahkamah kita masih tidak menggunakan sistem IT.

Amat malang negara kita berkembang maju semua pihak bercakap tentang IT, di sekolah kita hendak mengITkan sekolah, sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah, sekolah-sekolah kampung, di luar bandar dan sebagainya, tahniah kepada kerajaan kerana ingin mengITkan seluruh institusi dan agensi dan semua badan-badan kerajaan dan sebagainya tetapi tidak di mahkamah. Di mahkamah tidak ada sistem IT, kalau pihak guru diberi *laptop* setiap orang, jangan terkejut kalau saya katakan hakim tidak diberi *laptop* dan sebagainya. Sedangkan hakim juga memerlukan *laptop* atau komputer untuk internet dan sebagainya untuk merujuk kepada kes-kes yang baru di seluruh negara dan luar negara tetapi tidak ada perkara ini.

Di negara kita setiap keterangan diambil secara bertulis, memang betul. Di dalam peraturan, *rules on procedure* mahkamah rendah dan mahkamah tinggi memang memperuntukkan bahawa setiap keterangan hendaklah diambil secara bertulis memang betul tetapi sekarang IT. Kita cakap soal IT, undang-undang ini perlu dipinda, akta dan peraturan ini perlu dipinda, undang-undang ini juga perlu dipinda untuk disesuaikan dengan keadaan masa dan zaman.

Hakim terpaksa menulis perbicaraan, konsentrasi mereka tertumpu pada penulis perbicaraan. Ini menyebabkan waktu banyak terbuang apabila setiap kali peguam menyoal atau pun pendakwa raya menyoal setiap itulah hakim akan menulis satu persatu. Sepatutnya hakim yang baik terpaksa melihat impresi muka pesalah, impresi muka saksi, impresi muka orang kena tuduh dan sebagainya supaya boleh memberikan gambaran sebenarnya mengenai percakapan yang mereka luahkan tetapi hakim kita tidak, hakim kita terpaksa menulis satu persatu. Alasannya kerana rules...

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kemaman.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:....sekejap ya, saya hendak habiskan...

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Okey.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: *Rules and procedure*, peraturan yang ada mengehendaki ditulis secara satu persatu tetapi perkara ini seperti yang saya katakan boleh dipinda di Parlimen dan sebagainya. Akta dan peraturan boleh dipinda sebab di negara jiran, Singapura misalnya telah mewujudkan mahkamah teknologi mereka.

Semua menggunakan sistem audio video, tidak ada penulisan lagi oleh hakim, semuanya manuskrip dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Gulung? [*Dewan riuh dengan ketawa*] Sekejap lima minit lagi. Di Thailand, jiran-jiran kita yang dianggap kurang maju daripada kita juga telah menggunakan teknologi mahkamah ini, mahkamah teknologi. Di Yala, Thailand, sebuah daerah, Yala, juga menggunakan IT di dalam mahkamah mereka tetapi kita yang mengatakan sebuah negara yang maju di rantau ini, IT dan sebagainya masih lagi menggunakan keterangan secara bertulis dan masih belum ingin meminda undang-undang peraturan tersebut dan perkara ini juga menyebabkan kelewatan yang berlaku di mahkamah.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Akhir sekali, kerana saya telah pun diminta untuk berhenti, selain daripada itu, saya meminta supaya mahkamah diperkasakan. Jabatan Kehakiman diperkasakan, selain daripada menambahkan hakim, menambahkan mahkamah, membaik pulih mahkamah, kebajikan-kebajikan, pekerja-pekerja di Jabatan Kehakiman perlu diberikan perhatian. Jika ada Suruhanjaya Pembaikan Polis Diraja saya mencadangkan supaya satu suruhanjaya juga perlu dibuat untuk meneliti dan mengkaji segala kelemahan yang ada di dalam Jabatan Kehakiman, supaya keyakinan rakyat kepada sistem kehakiman, Jabatan Kehakiman lebih baik daripada apa yang ada sekarang ini.

Contoh terakhir saya nak beri, Mahkamah Majistret di Jerantut, Pahang, jangan terkejut kalau saya katakan bahawa masih lagi menggunakan *typewriter* ketuk zaman dulu. Ini berlaku, saya rasa banyak lagi mahkamah-mahkamah lain yang menggunakan perkara yang sama. Jadi cadangan saya perlu satu suruhanjaya dibentuk. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

12.00 tgh.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin tarik perhatian Ahli Dewan berhubung dengan B.6 iaitu berhubung dengan program *tour*, Unit Perancangan Ekonomi ataupun UPE, Butiran 02000 dan 020300 - Perancangan Makro dan juga 020500 Ekonomi Makro dan Penilaian. Saya ingin tarik perhatian berhubung dengan rancangan-rancangan jangka panjang yang digubal oleh Unit Perancangan Ekonomi supaya tidak lupa tentang pembangunan-pembangunan yang boleh dikatakan lestari ataupun *sustainable development*.

Sekarang ini kita lihat bahawa harga minyak begitu tinggi sekali dan sebenarnya mendatangkan keuntungan kepada produksi dan penghasilan daripada minyak tempatan. Tetapi dalam keghairahan kita untuk kita membekalkan keperluan bahan bakar itu, kadang-kadang kita buat sesuatu kerja yang terlajak. Maka di sini perlu kita ingat "ingat sebelum kena, jimat sebelum habis". Ini membawa maksud supaya kita tidak harus melakukan banyak kegiatan-kegiatan wastage yang saya kira UPE harus mengambil perhatian supaya tidak berlaku pembaziran dan dalam masa yang sama juga sumber yang ada di negara kita ini harus difikirkan secara teliti.

Malah dalam masa yang lama juga agenda *sustainable development* ini ataupun *saving power*, dengan izin harus dijadikan sebagai satu agenda yang penting yang harus digubal dengan begitu rapi oleh UPE daripada Jabatan Perdana Menteri ini untuk memastikan *excessive consumption*, dengan izin ataupun penggunaan yang berlebihan terutamanya kepada bahan bakar dan juga dalam usaha kita mengejar pembangunan sekarang ini supaya tidak berlaku pula keadaan di mana kita akan menyesal kemudian hari. Ini jelas kelihatan apabila kita lihat keadaan persekitaran sungai, dan juga keadaan persekitaran yang lain, yang sekarang ini sudah banyak terencat akibat pembangunan-pembangunan yang tidak terkawal.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya agenda *sustainable development* ataupun pembangunan secara lestari ini menjadi satu agenda yang penting merentasi semua kementerian sama ada Kementerian Pelajaran, Pengajian Tinggi, Alam Sekitar dan juga kementerian-kementerian yang lain agar kita akan dapat

terus membangun dengan izin *continuity with stability* bererti pembangunan yang berterusan dengan sekali gus kita dapat mengekalkan keadaan yang seimbang dan berterusan.

Satu perkara yang harus disukat di sini oleh UPE ialah tentang kadar pelaksanaan kita, dengan izin, apa yang digunakan dalam buku pengurusan sebagai *exclusion quotation* sebab apa yang berlaku sekarang ini apa yang menjadi harapan dengan apa yang apa menjadi realitinya terlalu jauh lompongnya ataupun ruang kosongnya di situ. Maka dalam konteks ini saya ingin mencadangkan supaya penilaian yang berterusan dilakukan oleh Unit Perancangan Ekonomi ini lebih-lebih lagi kita sekarang sedang berada dalam peringkat transisi daripada ekonomi yang berteraskan pada ekonomi dan industri kepada *knowledge based economy (KBE)* yakni satu usaha untuk kita mencapai dengan izin "*state of the world*", ertinya keadaan di mana kita dapat bertanding dengan dunia keseluruhannya dan kajian-kajian semasa yang telah dibuat oleh IMD menunjukkan bahawa daya saing Malaysia berada dalam keadaan yang cukup mengusarkan semua orang. 28 daripada 60 buah negara, maka dalam konteks ini saya ingin mencadangkan kepada UPE supaya kita peka dari segi penilaian, dari segi kita membuat pengesanan, setakat mana di mana kita berada, supaya kita senantiasanya dapat berada setanding dengan negara-negara lain dengan memiliki dengan izin *information plus* dengan kita memberi tumpuan kepada R&D dan ditambahkan lagi peruntukan untuk R&D selain kita memastikan modal intelek kita ini senantiasanya bertambah.

Dan satu perkara yang juga saya nak tarik perhatian ialah tentang status RRJP, Rancangan Rangka Jangka Panjang Ketiga 2001 – 2010 ini, setakat manakah, di tahap manakah kita berada sekarang ini seperti dalam konteks infrastruktur komputer kita, apakah masih wujud lompong dalam *digital divide* dengan izin, pendidikan dan latihan dari segi info-strukturanya, dari segi *penetration* kemudahan-kemudahan komputer di sekolah dalam masyarakat bandar dan luar bandar harus dipantau dan juga aspek-aspek pengajaran, pembelajaran dan teknologi sekali gus.

Dalam konteks ini juga saya ingin tarik perhatian supaya kita hendaklah senantiasanya peka dengan apa yang disebut sebagai KDI dengan izin *Knowledge Based Economy Development Index* agar UPE ini juga Unit Perancangan Ekonomi ini ada, petunjuk-petunjuk yang boleh menerangkan kepada masyarakat keseluruhannya di manakah kedudukan kita sebenarnya dalam konteks *Knowledge Based Economy Development Index* ini yang pertamanya dari segi *knowledge stock* kita dengan izin, stok ilmu kita. Sejauh manakah sama ada di peringkat swasta mahupun peringkat kerajaan, kita telah memiliki stok ilmu yang cukup dan sesuai dengan keadaan semasa yang disebut sebagai *state of the world* ini, apakah kita ketinggalan jauh daripada *state of the world*, apakah kita tercicir jauh?

Oleh hal yang demikian, KDI dengan izin *Knowledge Based Economy Development Index* ini perlu diteliti, dibuat dari masa ke semasa, dijelaskan kepada rakyat di mana kita berada. Selain daripada itu, ialah kita nak memastikan pembangunan modal insan, jangan pula perancangan yang dibuat begitu indah sekali, alih-alih bila dilihat dari segi kemampuan manusia untuk melaksanakannya, kita sudah kekurangan dan ini akan menimbulkan masalah. Selain daripada kepimpinan-kepimpinan yang benar-benar berpengetahuan (*knowledge leadership*), apakah dalam organisasi kita, dalam setiap swasta dan juga kerajaan ini kita mempunyai di peringkat atas itu, *knowledge leadership* yang dapat memberikan kepimpinan kepada orang-orang di bawahnya itu. Selain dari kemudahan-kemudahan teknikal dan info-struktur itu harus senantiasanya dimantapkan dan juga kita hendaklah memastikan persekitaran berilmu itu, dengan izin, *knowledge environment* itu senantiasanya wujud dalam lain perkataan, budaya ilmu, budaya ikraq, sempena 17 Ramadhan ini harus kita ingat bahawa perkara keilmuan ini adalah merupakan satu perkara yang penting.

Dan akhir sekali adalah sejauh manakah stok ilmu yang ada dalam masyarakat di Malaysia ini dapat dialirkan, dapat diagih-agihkan supaya ia menyerap merentasi sempadan masyarakat. Sejauh manakah proses pemerolehan ilmu itu lancar. Sejauh manakah kita dapat menjana ilmu-ilmu baru dengan idea, pemikiran dan kreativiti yang baru. Sejauh manakah kita dapat berkongsi segala maklumat dan ilmu yang ada, seluruh masyarakat kita. Selain daripada itu juga setakat manakah penggunaan ilmu-ilmu yang baru, ilmu-ilmu yang mutakhir, sejajar dengan keperluan dunia semasa dapat dimanfaatkan. Sekian, mohon penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

12.07 tgh.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh dua perkara di dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa. Yang pertamanya mengenai Maksud Bekalan B.1 Parlimen Butiran 010000 – Urusan Parlimen.

Tuan Pengerusi, institusi Parlimen merupakan satu institusi *independence* dan Parlimen merupakan badan perundangan ataupun *legislature* sebahagian daripada sistem kerajaan bersama-sama dengan badan eksekutif dan badan kehakiman. Dan oleh itu kita harus memastikan agar Parlimen memainkan peranan dengan berkesan dan segala urusan Dewan hendaklah berjalan lancar dan licin.

Tuan Pengerusi, ingin saya bangkitkan tentang urusan Parlimen iaitu sebelum sesuatu mesyuarat Dewan untuk mula bersidang seperti contohnya Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Parlimen Kesebelas ini, semua Ahli Dewan Rakyat dikehendaki mengemukakan pertanyaan jawab lisan atau pertanyaan jawab bertulis tiga minggu sebelum mesyuarat mula bersidang. Persoalannya bagi pertanyaan-pertanyaan bukan jawab lisan ataupun soalan jawab bertulis, kita sentiasa dapati bahawa jawapan bertulis hanya diterima selepas mesyuarat itu ditangguhkan. Dan ada kalanya juga jawapan hanya diterima sebulan selepas mesyuarat ditangguhkan. Ada juga yang langsung tidak terima jawapan dan kadang-kadang jawapan yang diterima oleh kita, oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat adalah jawapan yang sangat ringkas. Seolah-olah pegawai-pegawai kerajaan hanya melayan bila jawapan diberi katakana, selepas jawapan diberi maka bermaksud soalan Ahli Parlimen telah pun dilayan, maka itu sahaja.

Oleh itu Tuan Pengerusi, kalau keadaan sebegini berlarutan, ini merupakan satu fenomena yang tidak sihat dan ini juga menggambarkan keberkesanan jabatan kerajaan yang secara langsung atau tidak menjejaskan perjalanan Parlimen. Ini juga menyebabkan Ahli-ahli Parlimen tidak mempunyai jawapan ataupun informasi yang *up to date* dengan izin untuk membantu kerajaan dan negara mencapai kecemerlangan. Dengan itu Tuan Pengerusi, saya cadangkan agar Dewan ini membuat satu ketetapan bahawa semua jawapan bertulis bagi soalan jawab bertulis, hendaklah disampaikan kepada Ahli-ahli Dewan ini sekurang-kurangnya tiga minggu sebelum Mesyuarat Ketiga ditangguhkan. Dan sekurang-kurangnya dua minggu sebelum Mesyuarat Pertama atau Mesyuarat Kedua ditangguhkan. Dan saya berharap cadangan saya ini dapat diterima bukan sahaja oleh semua pihak, bahkan dilaksanakan dengan serta-merta agar tugas Ahli Dewan ini dan segala urusan Parlimen adalah lebih mantap, lebih berkesan dan bermakna.

Perkara yang kedua yang ingin saya bangkitkan dalam perbahasan saya di sini ialah tentang Maksud Bekalan B.4 Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Butiran 010000 - Urusan Pilihan Raya. Dalam urusan SPR, selain melaksanakan perjalanan pilihan raya umum dan pilihan raya kecil, operasi SPR juga melibatkan mendaftar, menyemak, dan menyedia dan mengeluarkan senarai daftar pemilih yang kemas kini dan bersih. Dan kita tahu bahawa dalam urusan pendaftaran pemilih sama ada membuat *revision* tentang daftar pengundi, SPR ada melantik pejabat-pejabat pos di seluruh negara untuk membuat pendaftaran, dan juga melantik penolong pendaftaran pengundi.

Akan tetapi tahun lepas, tahun 2004, di antara berjuta-juta rakyat yang belum didaftar menjadi pengundi, hanya terdapat 147,339 pendaftaran pemilih baru. Maka kita nak tanya apakah keberkesanan pelantikan penolong daftar pengundi dan juga keberkesanan pelantikan pejabat-pejabat pos sebagai agen untuk SPR mendaftar pengundi baru.

Tuan Pengerusi, mengenai penolong pendaftaran pengundi, saya ingin bangkitkan bahawa walaupun tahun ini juga ada di antara mereka yang dilantik sebagai penolong pendaftaran pengundi, akan tetapi ada badan-badan yang dilantik untuk mencalonkan pegawai-pegawai tersebut. Tetapi saya hendak cadangkan agar SPR juga mengambil perhatian ataupun mengambil cadangan daripada Ahli-ahli Parlimen untuk melantik penolong daftar pengundi. Kerana Ahli-ahli Dewan di dalam kawasan-kawasan masing-masing kita sentiasa berjumpa dengan rakyat dan ada juga pertanyaan-pertanyaan dari rakyat maka adalah senang kalau jika Ahli-ahli Parlimen juga diberi peluang untuk mencadangkan kepada SPR untuk pelantikan penolong daftar pengundi.

Dan skop kerja penolong daftar pengundi sekarang, kita dapati bahawa mereka hanya dibenarkan untuk mendaftar pemilih baru sahaja khususnya di kawasan-

kawasan bandar raya seperti kawasan Subang Jaya, Kelana Jaya dan sebagainya, kita dapati bahawa di kawasan-kawasan perumahan itu kebanyakan mereka telah pun mendaftar di tempat-tempat lain. Selepas itu mereka pindah ke kawasan perumahan baru di kawasan bandar dan apabila mereka berjumpa dengan penolong daftar pengundi, mereka tidak dibenarkan untuk bertukar kawasan kerana skop kerja untuk penolong daftar pengundi hanya untuk mendaftar pemilih baru sahaja.

Maka saya cadangkan kepada SPR, agar penolong daftar pengundi juga diberi kelonggaran supaya mereka boleh membantu untuk pengundi-pengundi yang telah daftar dahulu boleh tukar kawasan kerana mereka telah pun pindah ke kawasan baru. Itu salah satu perkara yang saya hendak cadangkan.

Dan yang akhir sekali tentang Pejabat Pos, tentang pendaftaran pengundi ini. Tiga minggu yang lepas saya bersama-sama dengan seorang kawan telah pergi berurusan di Pusat Bandar Damansara dan kita masuk ke Pejabat Pos Pusat Bandar Damansara. Kawan saya ingin menukar kawasan mengundinya dan apabila sampai ke pejabat pos diberitahu bahawa pejabat pos tidak boleh juga untuk menolong untuk menukar kawasan dan saya rasa ini mungkin dari segi sikap ataupun tak mahu kerja pegawai yang bertugas. Dan saya rasa pihak SPR perlu mengkaji semula langkah-langkah dan juga prosedur skop kerja yang harus dilakukan oleh pejabat-pejabat pos yang dilantik menjadi pendaftar pemilih termasuk juga pertukaran kawasan.

Kerana ini mengelirukan pengundi-pengundi yang telah pun mendaftar, yang ingin mendapat perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan oleh agen-agen yang dilantik oleh SPR ini. Dengan ini saya harap perkara-perkara yang saya bangkitkan ini dapat dipertimbangkan dan dilakukan dengan serta-merta, sekian terima kasih, Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Batu Gajah.

12.15 tgh.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, ribuan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya berbahas. Saya rujuk kepada Butiran 030000 dan 020000 iaitu Auditan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Laporan Ketua Audit Negara 2004 bagi negeri-negeri dan juga Laporan Ketua Audit Negara mengenai penyata akaun awam dan aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan tahun 2004 telah kami, ahli-ahli Dewan terima.

Saya mengucapkan syabas kepada media yang telah menyiarkan hasil pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara Malaysia, di mana saya percaya ia dapat memastikan pengurusan kewangan kerajaan negeri, pihak berkuasa, badan berkanun, syarikat kerajaan akan lebih telus dan *accountable*. Jika kita lihat hasil siasatan auditan oleh Jabatan Audit Negara telah kita nampak kalau ahli-ahli ada membacanya, terlalu banyak kelemahan yang begitu ketara dan berulang kali berlaku dan juga yang tidak patut mengambil tempat dan tidak patut berlaku. Saya dapat lihat ini meliputi semua aspek, aspek perancangan, aspek pemilihan kontraktor, aspek pemantauan dan pengurusan kewangan.

Seorang Ahli: Yang Berhormat bagi contoh!

Cik Fong Po Kuan: Saya bagi contoh, bagi laporan audit bagi kerajaan negeri, pinjaman oleh kerajaan negeri daripada Kerajaan Persekutuan tunggakan bayar balik saya rasa tiap tahun saya bangkitkan.....

Ir. Haji Hamim bin Samuri: *[Bangun]*

Cik Fong Po Kuan: Johor, syabas dan amat memalukan tempat pertama hutang tunggakan tidak dijelaskan sebanyak RM598 juta.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ledang bangun.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Cik Fong Poh Kuan: Ini saya haraplah, ini isu begitu penting, tunggakan bayaran balik dan Kerajaan Negeri Perlis tidak menjelaskan langsung tunggakan

pinjamannya dan menurut laporan akhbar dan melontarkan tuduhan bahawa pihak Jabatan Audit Negara *bias*....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ledang bangun.

Cik Fong Po Kuan:kerana tidak bayar balik disiarkan, tetapi ada negeri yang berhutang tunggakan begitu tinggi seperti negeri Johor tidak diambil tindakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Johor pandailah!

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah, adakah Yang Berhormat Batu Gajah maklum bahawa Kerajaan Negeri Johor melalui Tambak Johor sahaja telah pun menyumbang kepada Kerajaan Pusat tidak kurang daripada RM2 bilion setahun?

Cik Fong Po Kuan: Saya bangkitkanlah hutang, hutang tiap-tiap tahun Laporan Ketua Audit menyiarkan tunggakan *top three*lah sekurang-kurangnya *top three* bagi negeri Johor, masalah air, bagaimana perjanjian kontrak itu dirancang, ditandatangani.

Seorang Ahli: Air apa itu?

Cik Fong Po Kuan: Perkara kedua ialah badan berkanun, badan berkanun di mana hutang pinjaman Kerajaan Persekutuan RM3.3 bilion, syarikat kerajaan dan syarikat bukan kerajaan RM3.5 bilion dan 11 daripada syarikat kerajaan dan syarikat bukan kerajaan, 11 daripada 16 di mana yang dilaporkan dalam laporan langsung tidak bayar balik, pihak berkuasa tempatan RM434 juta tunggakan kepada Kerajaan Persekutuan.

Bukan sahaja tunggakan pinjaman tidak dibayar balik oleh kerajaan negeri, badan berkanun, syarikat kerajaan dan bukan kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan juga perancangan pelaksanaan projek-projek oleh kementerian, 164 projek daripada 23 kementerian di mana anggaran kos projek bagi Rancangan Malaysia Kelapan terlebih sebanyak RM6.9 bilion. Bagaimana mahu mengurus negara kalau pengurusan kewangan ini pun tidak boleh dijalankan dengan baik dan Laporan Ketua Audit tiap-tiap tahun ada bagi teguran, tetapi apakah keseriusan yang diambil oleh pihak-pihak yang menguruskan kewangan wang orang ramai?

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Cik Fong Po Kuan: Itu kalau tidak mengurus dengan baik, itu adalah pecah amanah, *breach of trust*. Jangan lupa ya Ahli Yang Berhormat Sri Gading, kita semua khalifah.

Beberapa Ahli: [Bersorak] [Menyampuk]

Cik Fong Po Kuan: Jangan lupa kita akan...

Seorang Ahli: Kita apa itu?

Cik Fong Po Kuan: Ahli-ahli akan *dijudge in the year after* jangan lupa ya, jadi daripada itu 30 daripada 160 projek melebihi siling projek sebanyak RM4.1 bilion, apa kala kita rancang projek? Saya pergi kepada Kementerian Pertahanan, projek Kementerian Pertahanan, projek pembinaan Pusat Latihan Gabungan Pasukan Tempur Tentera Darat, di mana fasa 2 - RM4.18 juta kena lanjut masa 216 hari, kerja tidak siap lagi, tetapi telah dikeluarkan sijil pengakuan.

Ini projek di bawah Kementerian Pertahanan - Timbalan Perdana Menteri, ini kualiti juga yang lemah tidak tepati pelan, ini juga berulang dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, di mana 13 projek telah dipilih oleh Jabatan Audit Negara untuk diaudit. Saya rujuk kepada Program Perumahan Rakyat - 13 projek, kesemuanya lewat inilah "Barisan Nasional boleh". Semua projek lewat dan apabila hendak mulakan projek diheboh-hebohkan dalam surat khabar, kami prihatin, kami mengambil berat dan letak papan "Satu Lagi Projek Barisan Nasional", tetapi apabila ada kegagalannya semua diam. Program-program Perumahan Rakyat 13 yang diaudit, 13 juga tidak siap, semua pun lewat dan ada yang terbengkalai salah satunya ialah Program Perumahan Rakyat terbengkalai, apa masalah Tuan Pengerusi, masalah Program Perumahan Rakyat? Apa tahu?

Masalah akhirnya dapat tahu kontraktor dilantik ada masalah kewangan, lepas itu sudah cabut diambil alih oleh Syarikat Perumahan Negara, sudah guna RM1.06 juta untuk bina siap 85.9%, sudah siap lepas itu dapat, tetapi tidak boleh duduki, rosak kerana tanah tidak sesuai. Ini, *what a joke, what a joke*.

Beberapa Ahli: *[Ketawa] [Menyampuk]*

Cik Fong Po Kuan: Ini sudah mula rancang tidak tengok tanah, lepas itu kontraktor dipilih sudah bayar kontraktor, tidak siap diambil pula oleh Syarikat Perumahan Negara lepas itu sudah siap 85%, lepas itu....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, lambat sedikit jangan lajulah.

Cik Fong Po Kuan: Lepas itu - saya dapati begitu bersemangat dan juga sedihlah, dan kecewalah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan: Saya harap ada perubahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kami ada harapan terhadap Yang Amat Berhormat sebab itulah kami bersuara, "*we want to work with you*", untuk memperbaiki situasi.

Beberapa Ahli: *[Bersorak] [Menyampuk]*

Cik Fong Po Kuan: Sekarang dapati Program Perumahan Rakyat di Kampar ini tidak boleh dijalankan kerana tanah tidak sesuai dan minta dirobuhkan pula, jadi ini amat sedih dan kita tengok juga taman awam, golongan awam guna RM8.2 juta lepas itu dapati apa?

Lewat projek, bahan-bahan dibekalkan *substandard* dan ini melibatkan semua rakyat dan kontrak-kontrak untuk taman awam ada satu kontrak menurut laporan audit ini salah satu kontrak mempunyai terma syarat, bahawa pegawai penguat kuasa yang buat lawatan itu kena dibayar, diberi bayaran untuk hotel penginapan dan juga untuk bayaran penginapan tujuh pegawai untuk lawatan teknikal ke Amerika Syarikat. Ini apa? Apakah ini penyalahgunaan kuasa dan jawatan yang sedia ada, jadi...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Oh, ada lagi itu.

Cik Fong Po Kuan: Banyak lagi, banyak lagi Tuan Pengerusi satu perenggan berkenaan perkara ini.

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

Cik Fong Po Kuan: Jangan kata projek besar, projek kecil pun ada masalah, projek pembinaan balai raya sudah siap tidak diguna kerana tidak sesuai RM20,000. Kata perlu pasang enam kipas dia pasang empat unit sahaja, perlu lima *plag* dia pasang tiga *plag*, tiga unit sahaja dibekalkan.

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Cik Fong Po Kuan: Juga penyerahan semua wang sudah bayar, wang sudah bayar dan juga Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, saya amat kesal sekali di mana penyata kewangannya bagi tahun 2002, 2003 belum lagi diterima oleh Jabatan Audit Negara. Bagi penyata kewangan agensi negeri bagi Perbadanan Kemajuan Negeri Perak juga tahun 1997 hingga 2000 tidak lagi dibentangkan di dalam Dewan Negeri.

Seorang Ahli: *[Bersorak]* Pecat dia!

Cik Fong Po Kuan: Ini 2005....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukup Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: 1997 hingga 2000 belum dibentangkan, jadi saya hendak tanya apakah tindakan akan diambil? Jangan bagi rekod, rekod sahaja soal buat siasatan, laporan rekod dalam buku yang tebal depan ini sahaja, orang ramai kena tunggu. Apakah yang akan dijalankan oleh, cara penguatkuasaan, pembaikan yang

akan dijalankan kepada semua pengurusan wang rakyat ini? Kerana integriti Jabatan Audit Negara sekarang dipersoalkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup masa Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Saya haraplah, jangan sahaja kita ugut, ugut pelajar-pelajar tidak bayar balik pinjamannya. Pinjaman hendak tulis nama dia dalam *website* hendak hantar mereka ke mahkamah, padahal sekarang pemimpin-pemimpin yang memegang jawatan tinggi, Islam Hadhari, di mana?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ha, di mana, di mana?

Beberapa Ahli: [Bersorak]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah Yang Berhormat

Cik Fong Po Kuan: Ada dipakaikah? Apa ini *double standard*? Pelajar hutang RM2, RM3, RM4 ribu saya bukan sokong mereka hutang saya galak mereka, mereka mesti bayar tetapi mesti ada tunjuk teladan, hutang RM598 juta tunggakan di Dewan Negeri Johor tidak dibayar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, tunggu jawapan Yang Berhormatlah, cukuplah.

Cik Fong Po Kuan: Jadi kalau hendak hantar, hendak latih kita punya generasi muda pergi ke *National Service*, Program Latihan Khidmat Negara untuk disiplin, untuk cintakan negara yang semua pemimpin yang membuat pinjaman melaksanakan projek kelemahan ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat teguran Speaker pun tidak ikut.

Beberapa Ahli: [Bersorak]

Cik Fong Po Kuan: Maaf ya, akhir, akhir, akhir sekali saya haraplah, saya tidak ambil masa banyak saya haraplah, teguran ini akan diambil tindakan yang serius, jangan ada *double standard*. Orang ramai hutang RM300, RM400 oh, *house-to-house door we seek*, ini berjuta-juta ringgit penyelewengan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Cik Fong Po Kuan: Jadi saya pohonlah, saya pohon satu jawapan demi untuk kebaikan dan integriti kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading apa hendak cakap?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hendak cakap, terima kasih.....

Cik Fong Po Kuan: Saya bagi laluan, saya bagi laluan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak ada saya mahu bercakap *you* sudah habis.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Cik Fong Po Kuan: Nah lah, minta laluan, saya bagi laluan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Eh, Yang Berhormat Batu Gajah, *you* punya *floor* sudah habis, *you* sudah habis?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa bagi laluan, sudah habis sudah.

Cik Fong Po Kuan: Bolehlah, saya nampak dia awal-awal dia bangun lepas itu saya.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukan, saya bangun lepas *you* duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang peluang saya bagi dia.

Cik Fong Po Kuan: Hendak bagi laluan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak ada, tidak ada, bukan laluan, saya punya *floor* sekarang.

Seorang Ahli: Tidak ada kena-mengena pun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak ada kena-mengena dengan Yang Berhormat Batu Gajah, saya sama Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya dengan suara lembutlah, kita bulan puasa tidak macam Yang Berhormat Ipoh Timor, Yang Berhormat Batu Gajah semua macam marah-marah sahaja pasal apa ya?

Seorang Ahli: Ya, pening kepalalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya pun tidak tahu pasal apa dia marah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Hah, ya pakatlah, pakat itu. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat berucap, kita runding lain.

12.30 tgh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, tahniah Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap tentang JAKIM Tuan Pengerusi, Jabatan Perdana Menteri B.6 - 050000 walaupun menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen berkaitan dengan JAKIM ini tidak ada, tetapi saya percaya pegawainya masih ada dan saya harap tolong ambil perhatian dan tindakan atas ucapan yang hendak saya bawa ini. Ini berkaitan dengan akhlak, berkaitan dengan akidah, berkaitan dengan tingkah laku, berkaitan dengan cara hidup baru, berkaitan dengan satu aliran yang sangat berbahaya yang masuk daripada barat, yang telah pun meresap dalam masyarakat kita, dan yang lebih malang masyarakat Malaysia ini yang lebih banyak terjebak di dalam gejala yang sangat terkutuk ini ialah anak-anak orang-orang Melayu keturunan Islam. Yang Berhormat Ipoh Timor tidak ada ya? Tidak adalah?

Tuan Lim Kit Siang: Berdiri pun tak boleh ka?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukan..*[Ketawa]*

Tuan Lit Kim Siang: Berdiri pun mahu gaduh?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Ipoh Timor.

Tuan Lit Kim Siang: Apa ini? Sangat begitu *obsess* dan *fixated* Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak ada, bukan, saya hormat Ipoh Timor.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payah lah ganggu dia Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya lah. Tidak apa lah. Saya ingat dia bangun hendak apa? Saya tidak bagi laluan dia, pasal masa saya tidak ada. *[Ketawa]*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jangan marahlah Ipoh Timor.

Tuan Lit Kim Siang: Jangan *guilty conscious*, bulan puasa!! Jangan *guilty conscious*!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya. *[Ketawa]*. Ha, okey, jemputlah, jemput keluarlah. Boleh makanlah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh: Keluarlah! *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh makanlah. *[Ketawa]*. Tak lah.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]* Porah, porah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ha, jalan pun tak betullah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Satu aliran baru, Tuan Pengerusi. Yang telah diterima pakai, walaupun di sana sini segelintir, tetapi perkara ini kalau kita biarkan dia akan merebak. Soal golongan yang mengaku syaitan, ada anak Melayu keturunan Islam yang mengaku anak syaitan!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ya, Jerai Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jemput.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Sri Gading. Kalau selalunya bulan Ramadhan ini, syaitan-syaitan diikat. Lepas bulan Ramadhan ini, syaitan ini berkeliaran. Tetapi makhluk kumpulan Yang Berhormat cerita ini, bulan puasa pun dia berkeliaran, jenis syaitan ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Adakah Yang Berhormat juga terbaca macam buku yang saya baca ini? Buku apa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mastika?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, Mastika.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mustika Ratu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan Mustika Ratu. *[Ketawa]*. Ini Mastika ini dia cerita pasal kumpulan Black Metal. Adakah Yang Berhormat setuju supaya kumpulan ini, dia ajaran sesat juga. Macam kumpulan Ayah Pin juga.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Lebih dahsyat daripada ajaran sesat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya. Jadi kumpulan ini ialah kumpulan anak muda. Yang Berhormat bersetuju bahawa kumpulan ini juga harus kita ambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih. Maksudnya, supaya JAKIM berikan tumpuan yang serius. Jangan tumpuan kepada hanya dua tiga perkara. Ini masalah akhlak anak muda. Berani pijak dan bakar Al-Quran! Bakar Al-Quran! Mengaku dirinya Tuhan!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jemput, Kinabatangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, rakan sebelah. Yang anehnya, Yang Berhormat. Minta penjelasan, saya pun pegang buku ini. Bukan ini sahaja, banyak. Buku yang dihiasi oleh kumpulan *Black Metal* lah. *The Hog* lah, dan sebagainya. Ini jadi ikut-ikutan belia dalam negara kita. Termasuk mungkin bulan puasa. Mereka melakukan aktiviti termasuk juga merayakan hari kemerdekaan. Yang hadir merayakan hari kemerdekaan berpuluh-puluh ribu, beratus-ratus ribu. Tetapi, mungkin 60% remaja kita cuma tumpang merayakan hari kemerdekaan. Mereka tidak tahu apa itu merdeka? Mereka hanya mahu memerdekakan diri mereka, masuk menyesatkan diri, masuk kumpulan *Black Metal* dan anehnya pula, Kementerian Dalam

Negeri tidak menghalang buku-buku yang menggambarkan kumpulan-kumpulan syaitan ini.

Buku ini boleh didapati di mana-mana. Apa pandangan Yang Berhormat, tentang perkara ini menggesa kerajaan supaya buku-buku yang menggambarkan kumpulan *Black Metal*, *Head Banging*, dan sebagainya, *The Hog* dan sebagainya ini, diharamkan daripada memasuki negara kita, sebab ini memesong remaja-remaja kita yang jiwa mereka kosong di rumah dan diisi dengan aktiviti yang dahsyat seumpama ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sekali Yang Berhormat, boleh?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Boleh sambung sedikit Tuan Pengerusi?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nak bagi jalan mana Sri Gading?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Larut

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin, sila duduk. *[Ketawa]*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya, dah berkali-kali cakap soal JAKIM ini, Yang Berhormat Sri Gading. JAKIM bukanlah sebuah agensi penguat kuasa, agama yang terulung, yang terunggul, yang ternama, apa sahaja. Masalahnya ialah, apakah mereka ini tidak langsung menghormati JAKIM. Ataupun JAKIM tidak pro aktif. Sehingakan soal Ayah Pin kita amat terkejut kerana berlaku di kawasan Yang Berhormat Menteri! Di kawasan Yang Berhormat Menteri. Kalau di kawasan Yang Berhormat Menteri berlaku, bagaimana di tempat-tempat lain. Mungkin berlaku di Sri Gading. Misal kata. Di manakah fungsi JAKIM ini? Takkanlah setiap kali kita berbincang soal JAKIM ini, kita nak meminta supaya struktur JAKIM itu disusun semula?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Apakah pandangan Yang Berhormat, kita bercakap dalam bulan puasa. Sebagai orang Islam menuntut segala jihad, amalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tetapi akhirnya, apa yang telah kita lakukan? Perdana Menteri sendiri melahirkan Islam Hadhari. Marilah saya minta pandangan Sri Gading, setujukah Yang Berhormat, JAKIM ini kita susun semula supaya benar-benar berada di landasan yang betul, mengikut apa yang dikehendaki oleh Agama Islam, orang Islam, umat Islam, sebagai negara model contohi dunia ini. Apa pandangan Sri Gading, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, saya jemput sekali Jasin, biar saya jawab sekali harung. *[Ketawa]*.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, Sri Gading. *[Ketawa]*. Setuju tak dengan saya? Bukan kata kita menghadapi masalah penerbitan, hari ini kita tidak buat apa-apa dengan aliran yang baru ini. Macam muzik! Muzik *black metal*, dan juga muzik-muzik ini. Yang mana ada kalangan ini Tuan Pengerusi, muzik ini, kalau dia tak kena dadah ataupun shabu, dia tak boleh dengar ini muzik. Nak kena benda tu baru boleh goyang kepala dan benda-benda ini berleluasa! Mengapa tidak kerajaan haramkan benda-benda ni? Kerana dengan aliran muzik ini Tuan Pengerusi, kalau dia tak kena syabu atau dadah ini Sri Gading, dia tak boleh dengar! Mahu kena yang tu dulu, baru boleh angguk-angguk ikut rentak muzik. Adakah patut kita haramkan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya, Yang Berhormat Sri Gading minta gulung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Allah Tuan Pengerusi! *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi orang lain berucap, Yang Berhormat tak mahu berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak, dia bukan apa Tuan Pengerusi, kawan-kawan. Di bagi salah, tak bagi salah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Bulan puasa, bagi amal.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bulan puasa, kita kena bermurah hati.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Gulung Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Amalan. Kalau Tumpat nak bangun pun, saya bagi jalan, kalau Tumpat nak bangun lah. Tuan Pengerusi, patut kita berterima kasih kepada Mastika ini. Wartawan-wartawannya berani membongkarkan satu lagi gejala buruk yang berlaku kepada generasi muda kita. Lelaki gila lelaki. Perempuan gila perempuan. *Gay, Black Metal* ini. Minum darah, mengaku Tuhan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sahabat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi Iblis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, dia tak nak bagi peluang dekat Jerai, dia tak ada masa tu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dan semua ini..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia hendak gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hendak bagi saya ka?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak apalah Jerai, *you* bercakap lah selepas ini. *[Ketawa]* Saya bukan nak bergaduh dengan JAKIM. Tetapi dengan penuh keinsafan, JAKIM mungkin Kementerian Dalam Negeri, pihak-pihak yang tertentu yang berkuasa dalam masalah yang saya bangkitkan, yang kita ramai-ramai bangkitkan ini. Mari duduk semeja, berbincang bagaimana cara nak mengatasi gejala yang sangat dahsyat ini. Lebih dahsyat daripada kaum Jahiliah. Lagu dia, tak sanggup kita nak dengar lah!

Seorang Ahli: Cuba mantera, mantera, mantera sikit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak lagu dia tu, tak sanggup.

Seorang Ahli: Mentera, mentera.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, macam, Astaghfirullah al adzim. Saya pun takut sebenarnya ayat ini. Mengatakan Tuhan sudah mati!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, dia punya greng, greng, greng Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya lah, ini cerita..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, Sri Gading tak bagi jalan Jerai. Jerai nak main-main muzik buat apa. *[Ketawa]*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini ada kumpulan, dalam ini di negeri Kelantan, seorang perempuan dirogol bergilir-gilir dengan beberapa lelaki, budak-budak muda, lepas itu dia ambil gambar, kirim SMS. Gejala-gejala macam ini, ialah itu yang di Kelantan. Mungkin ada yang di Terengganu, mungkin ada yang di Johor, mungkin banyak di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sri Gading, habiskan, cepat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tetapi mengikut cerita ini kan? Kita terima kasih pada Mastika yang mendedahkan perkara yang sangat merbahaya sebenarnya kepada akidah, kepada akhlak, jadi saya minta, sebab saya kata, kita bukannya nak menuduh sesiapa. JAKIM, Kementerian Dalam Negeri, polis ke dan sebagainya, ambillah apa yang kita bangkitkan di Parlimen ini, untuk duduk dalam satu meja bulat, bincangkanlah. Ambil lah tindakan-tindakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: *[Bangun]*

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Kalabakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Dia bagi laluan kepada saya. Sekejap, sekejap, sekejap Yang Berhormat. Sekejap sahaja. *Very important*, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Ini.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, ini perkara besar. Serius.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Hari itu kita sama-sama mendengar di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua jawapan daripada kerajaan mengatakan - Tuan Pengerusi, minta maaf saya tidak nampak tadi, minta maaf Tuan Pengerusi. Jawapan daripada kerajaan kalau tidak silap saya Timbalan Menteri Dalam Negeri beritahu bahawa salah akidah ini bukan merupakan ancaman kepada negara, itu jawapan dia. Dan salah satu sebab kenapa Ayah Pin tidak boleh ditangkap ialah kerana polis tidak boleh tangkap sebab dia bukan ancaman kepada negara. Ini yang jadi pelik kepada saya, saya sebut dalam ucapan saya masa perbahasan bajet kenapa jadi begitu sedangkan akidah ini adalah perkara yang paling besar. Tidakkah Yang Berhormat Sri Gading dengan perkara-perkara yang disebut tadi meminta Menteri di Jabatan Perdana Menteri kena ubah benda macam ini salah, terpesong akidah. Ini adalah ancaman kepada negara sebab itu yang terbesar. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sekali Tuan Pengerusi, Kalabakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukup cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh, Tuan Pengerusi bagilah peluang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak ada. Masa Yang Berhormat sudah habis kena hormat peraturan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi itulah Tuan Pengerusi saya mintalah apa yang kita bangkitkan sama-sama kita fahamkan ini. Pihak Menteri, pihak kementerian mana yang berkaitan dengan perkara-perkara yang boleh menyelesaikan perkara yang sangat berbahaya ini bertindak dengan pantas, segera, menyeluruh dan berkesan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalabakan.

12.35 tgh.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tuan Pengerusi saya ingin mengambil bahagian untuk membincangkan perkara B.6 2000 Perpaduan Negara. Tuan Pengerusi kita semua sedia maklum 22 tahun yang lalu kerajaan telah memutuskan untuk mengimbangkan keadaan masa-masa di seluruh negara. Kerana sewaktu kita belum merdeka dahulu dan selepas merdeka perbezaan masa di Semenanjung dan Sabah berbeza setengah jam. Sekarang ini nampaknya masa ini ketara sekali contoh rakyat di Sabah berbuka puasa jam enam petang kita di Semenanjung ini berbuka puasa jam tujuh malam. Jadi perbezaan sekarang sudah satu jam.

Dahulu apabila kita menyesuaikan masa ini sama dengan semenanjung alasannya ialah untuk perpaduan saya kira perpaduan bukannya hendak dicapai melalui masa ini kerana apabila kita masuk pejabat di Semenanjung ini jam lapan saya ingat mesti ada matahari pun hampir belum keluar. Kadangkala kita simpati dengan budak-budak di semenanjung dia pergi ke sekolah masih gelap lagi belum ada matahari pun. Jadi saya mencadangkan supaya masa ini kita kembalikan macam yang dahulu setengah jam. Kenapa tidak boleh? Di Australia boleh, di Australia di Perth dengan Melbourne dia berbeza dua tiga jam dengan di Adelaide dia berbeza dua jam. Ini tidak

ada masalah. Yang kita dahulu kata bermasalah sebenarnya tidak masalah. Sekarang yang masa sama ini bermasalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih. Saya rasa lebih baik dikekalkan masa yang ada sekarang. Tidak pernah Singapura ikut Malaysia kecuali masa. Dr. Mahathir tukar masa Singapura ikut. Lain Singapura tidak pernah ikut fasal Singapura tahu kita lekaskan masa itu lebih memberi kebaikan kepada rakyat dan negara. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Itu pandangan Sri Gading tetapi pandangan saya perbezaan masa ini menyulitkan kerana kita nampak di Semenanjung ini macam kita di Sabah, kelmarin kalau saya datang hari minggu lalu datang ke mari saya sahur 4.30 pagi saya sudah berhenti tidak boleh makan. Bila saya datang ke Semenanjung saya terpaksa tunggu sampai jam tujuh baru saya boleh makan. Jadi ini perbezaan dari segi agama pun dia sudah perbezaannya jadi kita tidak mahu ini berlaku. Kita mahu masa ini sama ada diterima atau tidak....

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Ketereh.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:ini saya mahu suarakan kepada....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini beginilah Yang Berhormat Datuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat dia hendak bagi Ketereh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...puasa di Kuala Lumpur...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ketereh, Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Dia bagi saya Yang Berhormat. Yang Berhormat dia bagi saya. Yang Berhormat Kalabakan terima kasih. Saya ada bila Yang Berhormat kata Yang Berhormat terpaksa bersahur awal berbuka lewat sebenarnya ini banyak berlaku di negara-negara Eropah. Kalau kena musim sejuk, kalau di London sahur pukul tiga pagi buka puasa pukul sepuluh malam. Macam mana? Terbalik? Minta maaf kalau sama. Begitu juga kalau kena musim *summer* di Australia, di New Zealand sekarang ini puasa begitu juga. Saya rasa itu tidak jadi masalah. Tetapi saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat kata tadi masalahnya ialah budak sekolah datang awal ke sekolah pukul tujuh. Kalau begitu cadangannya ialah kenapa tidak sekolah dilewatkan masuklah sekolah di sana pukul sembilan balik pukul tiga petang maksudnya begitu. *That would be better rather* kita tukar balik - lepas tukar... Sudahlah lagu hendak tukar - semua Perdana Menteri baru hendak tukar. Tidak boleh. Saya tidak berapa setujuilah Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Ini dahulu. Dahulu kita ubah kerana Perdana Menteri yang lama. Perdana Menteri yang baru ini dia punya visi lagi canggih, lagi yang boleh diterima jadi kita cadangkan. Ini tidak ada masalah cadangan yang saya kemukakan Tuan Pengerusi kerana perpaduan negara. Perpaduan negara kita ini bukan hanya dari segi masa, perpaduan negara ini ialah untuk mendekatkan semenanjung, Sabah dengan Sarawak - mendekatkan. Jadi ini.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kinabatangan, Kinabatangan bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya melihat mungkin ada lagi pendekatan-pendekatan yang lain yang boleh kita terapkan untuk mempertingkatkan integrasi di kalangan rakyat Malaysia di semenanjung dan di Sabah. Soal waktu ini rasa saya bukan jalan penyelesaian tetapi ianya merupakan satu persetujuan pada peringkat awalnya untuk menyeimbangkan struktur pentadbiran di seluruh negara. Dan ini rasa saya perlu kita kekalkan dan Yang Berhormat bagi Kalabakan perlu mencari suatu pendekatan yang baru untuk lebih mempertingkatkan contohnya mungkin untuk menggalakkan lebih banyak interaksi, lebih dalaman di kalangan masyarakat Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Mungkin feri kita hidupkan semula, mungkin tiket kapal terbang kita permurahkan dan sebagainya. Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Itulah saya katakan tadi masa ini bukannya sebabnya kita mahu eratkan integrasi nasional. Masa ini tidak ada kena mengena dengan integrasi, integrasi ini disebut dari segi yang lain. Dari segi seperti mana Yang Berhormat Kinabatangan katakan tambang murah, feri dipulihkan semula ini memang saya setuju tetapi masa ini tidak ada kena mengena. Hanya dalam fikiran kita bahawa masa ini harus diubah kerana walaupun kita fikir tidak perlu tetapi pelawat-pelawat yang datang dia kata, "Eh malam ini sudah di Sabah tetapi di Semenanjung belum malam lagi" Jadi itu kita mahu supaya kerajaan memikirkan perkara ini yang saya fikir mustahak untuk diubahsuai seperti asal setengah jam dahulu.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Kalabakan, Kalabakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Beluran Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Teruskan, ya.

Datuk Ronald Kiandee: Yang Berhormat bagi Kalabakan. Kalau kita lihat negeri-negeri Terengganu, Kedah dan Kelantan hujung minggu mereka merupakan hari Khamis dan juga hari Jumaat. Ianya juga berbeza dengan sebahagian besar daripada negeri-negeri yang ada. Adakah cadangan Yang Berhormat untuk kembali kepada masa yang dahulu juga berdasarkan kepada ketidakseragaman terhadap hujung minggu ini yang berlaku di antara negeri-negeri di semenanjung ini.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Itu belum saya fikir lagi. *[Ketawa]* Itu belum saya fikir lagi kerana itu melibatkan negeri-negeri semenanjung tetapi saya bercakap fasal negeri Sabah dan Sarawak mungkin. Fasal hujung minggu untuk negeri-negeri semenanjung ini belum kita kerana kita di Sabah hari hujung minggu ialah Sabtu dan Ahad dan hari-hari hujung minggu di Terengganu, Kelantan dan lain-lain tempat itu berlainan.

Tetapi masa, saya Tuan Pengerusi, masih lagi bertevas, kita akan minta kerajaan mengubah suai masa ini semasa dahulu sebelum ditukar kepada masa-masa yang ada sekarang. Jadi Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai.

12.50 tgh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini baru masuk Tuan Pengerusi sudah dapat. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Inilah rezeki bulan puasa ini. Kalau hati kita baik insya-Allah, Tuhan akan tolong kita. Saya ingin berbahas Tuan Pengerusi tentang kepala 05000 - JAKIM. JAKIM ini, Tuan Pengerusi, dia pun buat banyak yang baik. Banyak dia buat macam Forum Perdana itu adalah satu program yang cukup memberangsangkan dan saya difahamkan peminat untuk Forum Perdana itu baik. Jadi ini adalah salah satu untuk kita mengembangkan tentang Islam Hadhari, mengembangkan tentang budaya Islam kita, tentang kebaikan Islam, kesederhanaan Islam.

Cuma satu Tuan Pengerusi, saya berharap pihak jabatan-jabatan lain kerana kita hari ini menghadapi masalah belia yang mendatang. Belia yang akan kita amanahkan, kepimpinan negara kita ini. Jadi, belia-belia ini harus kita letak di satu landasan yang tidak akan merosakkan akhlak, tidak merosakkan budaya kita, tidak merosakkan mental. Macam sahabat saya Yang Berhormat bagi Sri Gading kata tadi, itu salah satu daripada kumpulan. Cuba kita bayangkan saya tengok ASTRO, tidak silap saya, dua malam yang lalu, juru acara ASTRO itu lelaki, kepala dia rambut tidak ada, rambut pendek kemudian dia pakai subang. Kedua-dua belah telinga. Kita tengok orang lelaki pakai subang ini pelik. Kalau perempuan, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam ke, Yang Berhormat bagi Seputeh pakai, tidak pelik, subang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, amoi. *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: Adakah Yang Berhormat bagi Jerai tahu, bagi kaum India, memang dia anak sulung, tradisionalnya memang pakai *earring*. Jadi, ini adakah dia pelik tidak boleh adalah bergantung kepada pengalaman dan budaya seseorang dan individu. Jadi, jangan kata ini pelik kerana ada kaum yang lain tradisionalnya, budayanya memang ada seperti ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, saya bercakap pasal umat Islam tadi. Saya tidak kacau pasal hak 'keling' pakai. Memang 'keling' pakai subang, saya tahu. Depa pakai subang, di pusat pun pakai. Yang itu biasa, budaya. Depa pakai subang di pusat, subang di telinga dan sebagainya.

Tuan Lim Kit Siang: *Point Of Order*, 36(6). Kenapa guna perkataan 'keling'? Guna orang India. Apa 'keling', 'keling'? Itu *insulting*, menghina. Patut meminta maaf, orang India bukan 'keling', 'keling'.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik Yang Berhormat Ipoh Timor, cukuplah, tidak apalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jerai tidak apalah. Pakai bahasa yang betul.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, tarik balik perkataan semacam itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Nanti sekejap...

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap MIC, Ahli-ahli Parlimen MIC mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai teruskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak apalah. Bahasa belah Kedah Utara, orang India pakai 'keling'. Saya tahulah. Tetapi tidak apalah, kalau ini kata.....

Puan Chong Eng: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apa Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Jerai kata dia hendak tarik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Benda ini bukan masalah sangat, pasal maksud saya bukan menghina. Maksud saya belah utara dia panggil 'keling'. 'Keling' jual roti, 'keling' itu, 'keling' ini. 'Keling' botol, yang itu memang belah utara kata macam itu. Nampak dia tidak faham kenapa marah kat aku.

Puan Chong Eng: Penjelasan, penjelasan. Yang Berhormat bagi Jerai, penjelasan. Kalau tidak.....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Masuk ke Dewan]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Cameron Highlands bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak apa saya tarik balik.

Puan Chong Eng: Peraturan, peraturan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands, Cameron Highlands.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, tolong perelaskan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Kalau tidak jelas, saya minta maaf.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup, Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Kenapa soal benda itu banyak kali keluar?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, pasal depa kata saya kata 'keling'. Pada hal belah Kedah, 'Keling' itu mamak. 'Keling'....

Puan Chong Eng: Lebih baik tarik balik kerana memang ini tidak digunakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tarik balik... you jangan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai, baiklah. Cukuplah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat bagi Jerai, saya hendak penjelasan sedikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jangan jadikan isu, kalau silap saya tarik balik.

Puan Chong Eng: Bagus, tarik balik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat duduk, saya tariklah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat bagi Jerai.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Cameron Highlands, hendak bagi jalan Yang Berhormat Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak payahlah, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands pun samalah. *[Ketawa]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak, kerana benda ini sensitif. Kenapa kita hendak perbesar-besarkan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang perbesarkan bukan saya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak payah banyak cerita pasal 'keling' lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik cukuplah. Yang Berhormat Jerai teruskan. Sudah selesai itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia yang besarkan, bukan saya. Allah, benda macam ini pun hendak gaduh.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, saya bukan panas, saya *hot*. *[Ketawa]*. Jadi, budaya ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak jaga, dia akan merosakkan. Jadi saya hendak JAKIM kerjasama dengan Kementerian Belia dan sebagainya supaya membawa. Kerana kita melihat anak-anak lelaki kita macam dalam buku Mastika ini depa buat siasatan, kita dapat lihat takut. Rambut depa dipotong tengah jadi 'Punk' ke apa. Rambut yang bertengah, tepi tidak ada rambut, tengah ada rambut macam berus. Kemudian lelaki dengan lelaki berkawan macam suami isteri. Ini Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam setuju benda-benda macam ini. Kalau kita sentuh, 'Oh, budaya'. Kemudian kadang-kadang perempuan dengan perempuan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Larut bangun, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya boleh?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Boleh, boleh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, saya setuju dengan Yang Berhormat kita minta pihak-pihak yang berkenaan JAKIM, Kementerian Dalam Negeri kerana kita bimbang berlaku di negara jiran. Oleh kerana tidak ada tindakan-tindakan daripada agensi penguat kuasa ini, timbul kumpulan ekstremis yang sanggup bertindak di luar undang-undang. Akhirnya akan timbul bagi masalah yang paling besar. Saya tidak mahu menyebut di negara mana, oleh kerana mereka tidak tahan sangat melihat gejala sosial ini berleluasa, mereka bertindak dengan sendiri. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat, kita ada Kementerian Belia dan Sukan, Rakan Muda, Rakan Masjid, yang setiap tahun kita sentiasa sebut peruntukan, tetapi akhirnya kita tidak tahu juga, apakah ia telah sampai ke bawah. Program Rakan Muda, Rakan Masjid ini untuk mengajak remaja ini ke jalan yang benar. Jadi, apakah

pandangan Yang Berhormat supaya tindakan sedemikian rupa mestilah konsisten, tidak hanya bermusim. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu pandangan yang baik Yang Berhormat. Rasa saya cadangkan kalau boleh, JAKIM, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, kita buat satu formula, kerana kita terpaksa didik generasi akan datang daripada Tadika ini supaya mereka tahu jalan ke arah mereka ke hadapan. Dengan *skin headnya*, dengan macam-macam. Kalau kita tengok Tuan Pengerusi, kalau anak kita macam itu kita susah hati. Budaya tidak menghormati bendera, ini mai pula budaya *carpet* bunga raya.

Bunga raya ini, Tuan Pengerusi, bunga raya adalah bunga keagungan, kebanggaan negara kita, bunga negara kita. Kilang *carpet* pergi buat *carpet* bubuh bunga raya. Orang kata benda ini remeh-temeh, orang yang tidak faham dia kata remeh-temeh. Orang *nationalism* macam saya, macam Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional tolak pembangkang, depa tidak ada apa-apa. Tetapi ini bunga raya, bunga raya bunga kebangsaan kita, dibuat *carpet*. Kalau kita pijak atas *carpet* itu, kita pijak atas bunga kebangsaan kita. Yang ini kena sensitif benda-benda macam ini. Kita hendak suruh orang hormat bendera kita, kita hendak suruh orang hormat bunga raya kita, pokok bunga raya di rumah baja pun tidak bubuh, mampus macam itu sahaja pokok itu, harap hujan panas sahaja.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Peraturan apa lagi? *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat bagi Jerai, minta sedikit lagi. Saya hendak cadang sini, selain daripada Utusan, Mastika yang mengeluarkan kegiatan seperti ini, saya minta media-media tempatan, tidak kira media elektronik, media cetak kita hebahkan lagi benda ini supaya kita dapat lihat masalah-masalah yang boleh mengancam akidah pengajian Islam ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Memang saya bersetuju Yang Berhormat. Dia macam ini, agama kita berbilang dalam negara ini. Tidak apa, agama Islam cara Islam, agama Kristian, agama Buddha, agama Hindu buat cara dia dan semua agama suruh buat baik, tidak suruh buat dosa, tidak suruh jadi kelakuan macam syaitan dan sebagainya. Macam black metal apa semua, pakai pula lambang black metal, bubuh rantai black metal dengan perut terboroi black metal duduk tang ini, dengan perempuan pula tergila-gila, seluar pusat nampak, punggung nampak, ini apa cerita? Mahu kita tengok dunia macam ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, habiskan ucapan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kemudian Tuan Pengerusi, saya ada soalan saya. Soalan saya tidak naik tadi. Saya tanya minta Jabatan Perdana Menteri, JAKIM, pasal apa - JAKIM telah buat kajian garis panduan untuk pakaian-pakaian persembahan hiburan ini. JAKIM sudah buat. Tetapi tidak diwajibkan, ini terpulang kepada stesen-stesen sama ada hendak ikut, tidak ikut. Apabila JAKIM sudah buat kajian, JAKIM sudah keluar peraturan stesen-stesen tidak ikut. Jadi, apabila tidak ikut macam mana?

Kita hendak juga pakaian-pakaian yang sempurna, yang elok. Saya lihat macam di televisyen baru ini, apabila ada peristiwa yang sedih pembaca berita dia tutup kepala dia baca News, nampak elok segak sahaja. Sehari dua selepas itu buka. Apa salahnya? Tidak akan hendak tunggu bila berlaku peristiwa-peristiwa menyedihkan tutup kepala, kalau peristiwa tidak sedih, buka. Saya pun hendak pertikaian, Tuan Pengerusi, pegawai Parlimen kita tengok sebagai Speaker pakai kopiah, pegawai pun pakai kopiah. Apa salahnya tradisi kita dari dulu pegawai wanita tutup, *[Disampuk]* apa salahnya. Itu satu benda yang bukan ganggu, bukan panas pun. Dia tutup pun tidak panas. Jadi, saya mencadangkan pegawai-pegawai tersebut hormati Dewan Rakyat, pakai balik, tutup balik.

Seorang Ahli: Betul!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini adalah satu penghormatan, bukanlah salah. Cantik pun kalau tutup kepala macam itu. Jadi, saya berharap....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak bagi penjelasan? Takut? Tidak berani? Bagilah....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan ucapan Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya berharap.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dekat hendak habis, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Hormat kebebasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya gulung Tuan Pengerusi, ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bulan puasa saya tidak mahu bergaduh dengan orang yang tidak faham, orang tidak puasa. Jadi, satu lagi Tuan Pengerusi, saya berharap sungguhlah....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat, habiskan.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan menghina orang yang tidak puasa. Jangan menghina orang yang tidak puasa, tarik balik. Apa ertinya?

Tuan Chow Kon Yeow: Orang yang tidak puasa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat Jerai.

Tuan Lim Kit Siang: Apa maknanya? Saya harap dia tarik balik itu.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Ini cakap pasal JAKIM, Islam Hadhari...

Puan Chong Eng: Apa cakap puasa?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Semua Ahli Yang Berhormat...

Tuan Chow Kon Yeow: Ini kolot.

Tuan Lim Kit Siang: Lebih rendah.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi,.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor, dengar cakap Yang Berhormat bagi Jerai, janganlah menyinggung perasaan orang lain.

Tuan Chow Kon Yeow: Jangan cakaplah.

Puan Chong Eng: Apa ini?

Tuan Lim Kit Siang: Tarik balik. Kalau tidak mahu tarik balik, minta maaf kali yang kedua hari ini, pagi ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak apa, saya tarik balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Puan Chong Eng: Minta maafilah.

Tuan Chow Kon Yeow: Kalau tarik balik, baik.

Puan Chong Eng: Apa ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Tanjong. Teruskan Yang Berhormat bagi Jerai, habiskan. Cukup, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita orang Islam, kalau kita buat silap, kita mengaku kesilapan. Jadi saya buat silap, saya terlajak mungkin

Tuan Chow Kon Yeow: Selalu.

Puan Chong Eng: Selalu buat macam ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai habiskan. Cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang ini tidak ada masalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kerana Islam dia suruh, kalau kita buat silap, kita tarik balik. Tetapi janganlah kita hari-hari dok Dewan Rakyat bangkit mencari kesilapan orang, duk maki orang, maki menteri, maki itu, maki ini.

Tuan Chow Kon Yeow: Itu jaga sendirilah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:..... kita bagi dan kita pula menjadi ketua kepada sesuatu parti di dalam Dewan Rakyat.

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu maki-maki?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah habiskan, Yang Berhormat Jerai.

Tuan Chow Kon Yeow: Ampun-ampunlah.

[Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu maki-maki?

Tuan Chow Kon Yeow: Jangan hina orang lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat Jerai.

Puan Chong Eng: Ini sudah terlampau.

Tuan Lim Kit Siang: Itu perkataan yang tidak bermaruah.

Tuan Chow Kon Yeow: Macam tikus melintas jalan. Orang pukul semua.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Cukuplah Yang Berhormat Jerai, habiskan.

Puan Chong Eng: Terlampau. Terlampau.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kadang-kadang Tuan Pengerusi, orang macam itulah, tidak pasal-pasal naik angin. Jadi kita yang agak profesional, yang agak...

Puan Chong Eng: Tengok Tuan Pengerusi, dia pun tidak insaf.

Tuan Chow Kon Yeow: Menghina orang bukan profesional, Tuan Pengerusi.

Puan Chong Eng: Tidak insaf sampai sekarang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai, cukuplah.

Tuan Chow Kon Yeow: Menghina orang profesionalkah ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita menghormati Dewan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai, sila dengar.

Tuan Chow Kon Yeow: Apa ini profesional?

Puan Chong Eng: Apa gunanya dia selalu melaung-laungkan bahawa dia profesional.

Tuan Chow Kon Yeow: Menghina orang bukan Islam.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tidak menghina.

Puan Chong Eng: Apa gunanya....

Tuan Chow Kon Yeow: Profesionalkah ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jangan jadikan isu itu, isu politik.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli lain, sila duduk.

Puan Chong Eng: Sampai...

Tuan Chow Kon Yeow: Menghina orang lain itu kata profesional.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Jerai. Sila duduk.

Puan Chong Eng: Dia kata tidak boleh pijak ini, *carpet* yang ada bunga raya, tetapi boleh hina orang lain...

Tuan Chow Kon Yeow: Habiskan ucapan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya minta pihak pembangkang baca buku Mastika.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat Jerai.

Puan Chong Eng: Tidak payahlah, sendiri bacalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukup semua duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Ingat dia tidak cakap apa-apa kepada MCA, MIC, Gerakan.

Tuan Chow Kon Yeow: Tetapi bukan DAP.

Puan Chong Eng: Bukan DAP.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi DAP tidak boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Faham itu, kita bukan MCA, MIC dan Gerakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya diam.

Puan Chong Eng: *A crab want to teach his son to walk straight.*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya diam, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, saya

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya diam kerana saya hendak Ahli-ahli Dewan....

Puan Chong Eng: Duduklah, duduklahhabislah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ahli-ahli Dewan dan pegawai-pegawai kerajaan tengok tingkah laku pihak pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang: Itu malu.....

Puan Chong Eng: Yang Berhormat bagi Jerai...

Tuan Chow Kon Yeow: Masih menghinakan.

Puan Chong Eng: ...sangat banggalah dengan...

Tuan Chow Kon Yeow: Banggalah sangat....

Puan Chong Eng: ...diri sendiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Arah dia tarik balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Saya boleh minta....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya minta Dewan ditangguhkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau boleh pihak TV *cover*....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai, duduk.

Tuan Chow Kon Yeow: Bolehkah dia diarahkan untuk menghapuskan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jerai dari *Hansard*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Seorang Ahli: Kurang siuman, kurang siuman.

Tuan Lim Kit Siang: Tulis di dalam *Hansard*. Tarik balik apa yang dia kata.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ini menghinakan maruah Dewan ini. Mana boleh berdiri untuk menghinakan orang India, orang bukan Islam semacam ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Ini malu.

Tuan Chow Kon Yeow: Lebih baik dia tidak masuk dalam Dewan inilah.

Puan Chong Eng: [*Menyampuk*]

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguh sehingga pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.05 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung perbahasan dalam Jawatankuasa. Jabatan Perdana Menteri. Tanah Merah.

2.34 ptg.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membahaskan B.6, Jabatan Perdana Menteri dan hari ini merupakan perbahasan peringkat Jawatankuasa. Tuan Pengerusi bahawa Jabatan Perdana Menteri memainkan peranan yang penting untuk membangunkan negara kita khususnya dan saya percaya beberapa perkara yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri merupakan perkara yang penting untuk memastikan negara kita diberi kemajuan atau dibangunkan untuk merealisasikan bahawa negara kita merupakan negara yang sangat prihatin, khususnya kepada rakyat dan kemajuan di dalam negara kita.

Bagi Butiran 00100 – Kajian-kajian Kemungkinan/Projek Khas di dalam negara kita. Kita tahu di bawah Kajian Kemungkinan ini banyak perkara-perkara yang telah

dirancang untuk rancangan-rancangan pembangunan Malaysia seperti Rancangan Malaysia Kesembilan nanti dan juga projek-projek khas yang besar di dalam negara kita. Saya ingin fokuskan bahawa negeri Kelantan adalah salah satu negeri yang masih ketinggalan semenjak Rancangan Malaysia Kelima lagi di mana negeri Kelantan berada di bawah naungan pembangkang yang mana serba-serbi ketinggalan dalam arus pembangunan negara kita. Banyak perkara yang perlu kerajaan atau pun Perdana Menteri memikirkan ke arah pembangunan negeri Kelantan yang mana untuk membangunkan negeri Kelantan secara keseluruhannya, saya pasti satu perkara pokok yang utama..

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Sri Gading

Ir. Shaari bin Hassan: Yang Berhormat bagi Sri Gading, silakan

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Pengerusi, terima kasih sahabat saya Tanah Merah. Betulkah Kelantan ni mundur, betulkah? Mungkin Pasir Mas boleh jawab agaknya. Betulkah dia mundur, dia kata membangun bersama ulamak, membangun bersama Islam, Kota Bharu bandar raya Islam, tetapi nak kata Tanah Merah bercakap bohong, Tanah Merah dalam negeri Kelantan, jadi mana satu sebenarnya nak dipakai. Jadi apa ukuran, maju tak majunya Kelantan ini dari kaca mata Tanah Merah. Apakah ada buat perbandingan dengan negeri Johor umpamanya atau dengan mana-mana negerilah ya, atau macam mana soal pendapatan ke atau soal macam mana atau pun agaknya temberang sahaja dia punya pemerintah, *state government* nya asyik bohong saja, itu dikatakan kemajuan, Tanah Merah lebih faham dari saya Sri Gading, pasal saya orang Johor. Saya tertarik Tuan Pengerusi, apabila Tanah Merah, orang Kelantan sendiri mengatakan negeri dia mundur, tentu itu ada satu kebenaran tetapi ada pihak pula PAS tetap menafikan. Ini jadi kita keliru, tak tau agaknya Ipoh Timor pun sokonglah Kelantan mundur, tak taulah, ini misalannya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Ir. Shaari bin Hassan: Terima kasih sahabat saya dari Sri Gading. Untuk memastikan sesebuah negeri itu mundur atau pun maju, kita dapat buat pengukuran dari segi pendapatan rakyat, dari segi peluang pekerjaan dari negeri tersebut dan hari ini tahu, semuanya tahu bahawa rakyat Kelantan, masyarakat pemuda-pemudi negeri Kelantan banyak berhijrah keluar daripada negeri Kelantan untuk mencari pekerjaan. Ini menunjukkan bahawa tahap pengangguran di negeri Kelantan masih berada di tahap yang tertinggi dan kita tahu bahawa kerajaan negeri banyak mengumumkan bahawa sebagai Kelantan membangun bersama Islam, sebagai bandar raya Islam, ini merupakan salah satu gimik untuk memastikan rakyat Kelantan memberi sokongan kepada kerajaan negeri, walhal kerajaan negeri tidak dapat memberi perkara pokok atau pembelaan kepada rakyat Kelantan secara terus, secara yang rakyat perlukan. Silakan Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tanah Merah. Kita tahu masalah di Kelantan, masalah kemiskinan di Kelantan, kadar jenayah yang bertambah di Kelantan, masalah dadah di Kelantan, segala-galanya berlaku di Kelantan, sejak Kelantan diperintah oleh PAS. Tetapi masalahnya ialah sampai bila rakyat yang telah sedar masalah ini menunggu. Oleh itu apa lagi yang mereka nak tunggu, tiba nanti pilihan raya akan datang, tepuk dada tanya selera. Kalau tidak sampai begitulah Kelantan tidak akan membangun. Kami simpati, kami simpati di luar di Kelantan, masalah DAP inilah, dia tidak akan simpati melihat PAS tidak kuat. Apa pandangan Yang Berhormat?

Ir. Shaari bin Hassan: Terima kasih sahabat saya dari Larut. Saya memang setuju dengan apa yang diberi pendapat oleh Larut tadi di mana di Kelantan ini bukan saya nak merendahkan rakyat Kelantan, ini statistik menunjukkan bahawa kadar jenayah tinggi, kadar penagihan dadah tinggi, kadar kemiskinan tinggi di mana 13,000 keluarga masih berada di bawah tahap kemiskinan tegar.

Saya yakin dengan bantuan Kerajaan Persekutuan kepada rakyat negeri Kelantan dapat sedikit sebanyak untuk merubah nasib rakyat negeri Kelantan khususnya daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah untuk membasmikan kemiskinan di negeri Kelantan.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Ir. Shaari bin Hassan: Ha, Yang Berhormat bagi Pasir Mas? Sedikit sahaja ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih sahabat saya daripada Tanah Merah. Puasa ya. Saya mengalu-alukan apa yang disebut oleh Tanah Merah sebentar tadi, di mana Kelantan perlu kepada peruntukan. Kita mahu pada peruntukan. Kalau kerajaan hendak bagi peruntukan di Kelantanlah sewajarnya kerana kita lihat bahawa di sana 98% terdiri di kalangan orang Melayu yang diperjuangkan oleh UMNO, dan pemantapan agama Islam pun kita lihat bahawa bukan secara sombong, tetapi kita melihat perkembangan di Kelantan agak lebih baik daripada lain-lain.

Apa yang saya perlu perbetulkan bahawa Kelantan boleh berdikari. Walaupun dia miskin tetapi dia boleh berdikari. Dia tidak berhutang dengan Pusat berbanding dengan Johor, dengan Perlis, dengan Perak, dengan Kedah. Bahkan Kelantan bayar hutang Pusat. Kelantan bayar hutang di waktu Barisan Nasional memerintah negeri Kelantan meninggalkan hutang sebanyak RM700 juta. Kerajaan Kelantan bayar sekarang ini dan bayar mengikut jadual waktunya.

Saya tidak kisah rakyat Kelantan miskin dan rakyat Kelantan berhijrah. Berhijrah itu biasanya orang Cina berhijrah ke Tanah Melayu dahulu bukan bererti orang Cina miskin. Orang England berhijrah ke tempat lain bukan bererti orang England itu miskin tapi fesyen dia dah suka berhijrah. Ini menunjukkan bahawa satu semangat yang baik yang perlu Tanah Merah beri sokongan bukan dalam bentuk memperkecil-kecilkan apa lagi yang berlaku kepada tanah airnya sendiri. Saya rasa Tanah Merah mesti wajar dalam memberi maklumat yang tepat, yang betul supaya perkara-perkara sedemikian dapat kita sama-sama bangunkan Kelantan.

Tuan Pengerusi: Baik.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Hendak bangunkan Kelantan saya rasa.....

Ir. Shaari bin Hassan: Terima kasih, terima kasih Pasir Mas. Apa yang Pasir Mas katakan tadi bahawa Kerajaan Negeri Kelantan masih boleh berdikari. Yang penting sekarang kita hendak perjuangkan rakyat. Kita hendak mengubah nasib rakyat daripada tahap kemiskinan tegar kepada rakyat yang boleh maju. Ini yang mustahak bukannya kerajaan masih boleh berdikari. Kita tidak hendak rakyat kais pagi makan pagi. Sudah pasti perkara ini di Malaysia ini di mana-mana tempat pun tidak ada rakyat yang lapar hari ini, khususnya di Kelantan semua rakyat boleh makan nasi dua kali sekurang-kurangnya satu hari. Tetapi apa yang kita hendak hari ini dari setahun ke setahun kita hendak memajukan rakyat, kita hendak memajukan negeri kita. Kita hendak memajukan negara kita dari satu tahap yang baik kepada satu tahap yang terbaik.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Ir. Shaari bin Hassan: Ini yang penting kepada pemimpin dan juga kerajaan negeri. Silakan Bung.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Minta penjelasan sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Apakah Yang Berhormat percaya bahawa mana-mana negara dalam dunia ini yang bijaksana mengurus urusan ekonomi negara mereka, mereka kena berhutang seperti Amerika Syarikat negara maju, negara *hegemony*, *super power*, dia berhutang lebih kurang trilion kepada mana-mana agensi pertubuhan di dunia tetapi negara maju. Jadi bermakna Yang Berhormat negeri-negeri mana-mana pun di dunia ini yang tidak tahu mengurus negeri maka dia terpaksa dia kata, berdikari dan membiarkan rakyatnya kelaparan agar tidak berhutang. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat berhubung dengan kepimpinan kerajaan seumpama ini?

Ir. Shaari bin Hassan: Terima kasih sahabat saya daripada Kinabatangan. Sebenarnya berhutangkah tidak berhutangkah adalah perkara yang perlu ditentukan oleh kerajaan sesebuah negeri. Sekiranya perlu berhutang kita kena pinjam, kita kena berhutang untuk kita *generate*kan ekonomi di dalam negeri kita. *Generate*kan ekonomi di dalam negara kita kerana ekonomi hari ini perlukan kewangan, perbelanjaan, bajet yang mencukupi untuk setiap tahun dan juga setiap penggal. Ini yang penting untuk memastikan ekonomi kita bergerak, ekonomi kita maju dan sekiranya ekonomi

bertambah baik, kita pasti akan dapat membayar balik hutang yang kita pinjam sama ada daripada Kerajaan Persekutuan ataupun daripada bank-bank di dunia ini.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Ir. Shaari bin Hassan: Jadi Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Butiran.....

Tuan Salahuddin bin Ayub: Penjelasan.

Ir. Shaari bin Hassan:04803.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Ir. Shaari bin Hassan: Silakan, sekejap.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Pengerusi dan sahabat saya daripada Tanah Merah. Tadi Yang Berhormat menyentuh tentang rakyat Kelantan. Saya ini orang yang datang menumpang kasih di Kelantan. Saya lihat Tuan Pengerusi kalau dikatakan rakyat Kelantan ini tidak maju dan seumpamanya. Sebagai contoh kadang-kadang setiap minggu saya balik, di *bus station* di Jalan Hamzah di Kota Bharu kadang-kadang kita menggunakan *flight* - setiap minggu penuh. Bas-bas ekspres sebagai contoh menjadi kebanggaan. Saya rasa satu malam beratus-ratus buah bas ekspres milik bumiputera Budayanya, Mutiaranya dan seumpamanya dan syarikat ini bertambah.

Jadi pada saya kalau berbanding dengan negeri saya, kalau pergi ke *bus stand* Larkin, Johor Bahru itu berapa ramai bumiputera kita yang ada bas-bas ekspres yang seperti ini, memiliki syarikat yang seperti ini. Jadi saya rasa tidak adillah untuk kita mengatakan bahawa rakyat Kelantan ini tidak maju, tidak progresif dan seumpamanya. Tapi saya rasa ini menjadi kebanggaan walaupun saya daripada orang Johor. Terima kasih.

Ir. Shaari bin Hassan: Terima kasih sahabat saya daripada Kubang Kerian. Walaupun beliau bukan orang Kelantan tapi menumpang kasih di negeri Kelantan. Tapi tidak mengapalah. Apa Yang Berhormat Kubang Kerian mengatakan tadi di stesen-stesen bas ekspres ramainya rakyat Kelantan terpaksa menunggu bas untuk berhijrah berulang-alik daripada bandar-bandar negara kita ini Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang dan sebagainya. Ini menunjukkan satu bukti bahawa rakyat Kelantan terpaksa berhijrah untuk mencari pekerjaan di luar daripada negeri Kelantan. Ini perkara pokok.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Ir. Shaari bin Hassan: Saya tidak menuduh secara langsung bahawa Kelantan ini terlampau mundur dan mungkin daripada 1.5 juta rakyat di negeri Kelantan mungkin ada 300,000 yang mempunyai.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Minta penjelasan sedikit.

Ir. Shaari bin Hassan:pendapatan yang baik dan 1.2 juta lagi mungkin berada di bawah paras atau berpendapatan sederhana dan ke bawah. Ini menunjukkan bahawa jurang perbezaan di antara orang yang berpendapatan tinggi dan yang berpendapatan rendah agak jauh. Kita baru dengar taklimat daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, hendak beri laluan.

Ir. Shaari bin Hassan: Saya rasa banyak dah. Kalau Tuan Pengerusi boleh beri masa panjang saya boleh....

Tuan Pengerusi: Tidak boleh. Dalam.....

Ir. Shaari bin Hassan: Berapa minit lagi?

Tuan Pengerusi: ...empat minit lagi.

Ir. Shaari bin Hassan: Empat minit tidak boleh bagilah, pasal banyak lagi saya hendak bercakap.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya ada fakta ini. Fakta ini tentang kemiskinan di Kelantan.

Ir. Shaari bin Hassan: Tidak payahlah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Cakap tidak ada fakta tidak ada guna. Ini ada fakta semua ini.

Ir. Shaari bin Hassan: Saya ada masa empat minit lagi.

Tuan Pengerusi: Kemudianlah Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan: Kita baru dengar taklimat....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ada fakta?

Ir. Shaari bin Hassan:daripada Menteri mengatakan bahawa.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tidak ada *standard*.

Ir. Shaari bin Hassan:kementerian mempunyai berbagai-bagai program untuk membantu rakyat termiskin khususnya yang tidak mempunyai rumah, tidak mempunyai peluang pendapatan yang baik dan sebagainya. Saya dengar tadi bahawa berbagai-bagai agensi memainkan peranan untuk membantu rakyat termiskin ini sama ada dari membina rumah PPRT dan sebagainya seperti FELDA, FELCRA, KKLW, RISDA dan sebagainya. Berbagai-bagai agensi termasuklah kebajikan masyarakat.

Cuma di sini saya hendak cadangkan kepada Jabatan Perdana Menteri supaya menubuhkan satu jabatan khas iaitu Jabatan Pembasmian Kemiskinan di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya agensi-agensi berkenaan itu yang memainkan peranan untuk membasmi kemiskinan dibuat diletakkan di bawah satu jabatan sahaja seperti KEMAS dan sebagainya. Saya yakin bahawa penyelarasan ini akan lebih baik lagi akan lebih memberi manfaat lagi kepada rakyat dan satu jabatan yang khusus boleh melihat ataupun melaksanakan peruntukan-peruntukan yang disediakan kerajaan.

Jadi butiran berikutnya 04803 - Pembangunan Tanah Perkuburan Islam. Jadi di negeri sayalah di negeri Kelantan kita tengok bahawa kubur-kubur ini menjadi satu tempat kunjungan daripada ahli-ahli keluarga.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat sila akhiri ucapan.

Ir. Shaari bin Hassan : Saya yakin dan saya mencadangkan supaya Jabatan Perdana Menteri melihat supaya satu peruntukan khas diberi kepada tanah-tanah perkuburan ini sama ada untuk menyelenggarakan ataupun membuat satu pengindahan kepada kawasan-kawasan perkuburan ini supaya nampak lebih menarik dan ramai di kalangan keluarga dapat menziarahi minat untuk menziarahi kubur untuk kebaikan semua. Tuan Pengerusi saya mohon menyokong.

2.51 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih saya hendak cakap sedikit berkenaan kepala Parlimen 01000 urusan Parlimen dalam siri bajet dua, tiga tahun yang lepas saya pernah sebut tentang seorang yang tidak mendapat pencen iaitu Haji Abdul Hamid bin Mahmood apabila tiga kali berturut-turut, tiga tahun berturut-turut saya bercakap di sini akhirnya dapat pencen itu Ahli Parlimen UMNO waktu itu tahun 1955 sehingga 1959 pernah menjadi Ahli Dewan Negara tahun 1959 sampai 1964.

Sekarang ini saya terjumpa lagi seorang yang tidak mendapat pencen sehingga sekarang ini iaitu ahli Parlimen Kota Bharu Hilir waktu itu sekarang ini Pengkalan Chepa namanya Haji Ahmad bin Abdullah kad pengenalan 0146890 telah mati atau meninggal dunia pada 1 Jun 1967 sebagai ADR isterinya nama Hawiyah binti Mohd Hashim.

Saya hendak bertanya sekarang ini di bawah bidang kuasa siapa oleh sebab saya dimaklumkan Parlimen ini sekarang ini tarik tali, bargaining *power* berlaku di Parlimen sekarang ini. Saya hendak mintalah sesiapa yang mempunyai kuasa dalam Parlimen ini supaya menyelesaikan masalah pencen Haji Ahmad bin Haji Abdullah atau lebih terkenal dengan Haji Ahmad Perai orang daripada Seberang Perai yang bertanding sebagai Ahli Parlimen di Kota Bharu Hilir pada tahun 1960an dahulu sudah meninggal dunia dan isterinya masih lagi tidak mendapat pencen terbitan. Saya harap pihak pentadbiran Parlimen ini cuba menyelesaikan masalah ini insya-Allah dan kalau tidak selesai insya-Allah Parlimen akan datang saya akan sebutkan lagi mudah-

mudahan seperti mana apa yang saya sebut kepada Ahli Parlimen UMNO dahulu akhirnya mendapat pencen terbitan kepada isterinya.

Kemudian seterusnya ialah saya ingin bercakap bawah JAKIM. JAKIM ini 05000 JAKIM. Saya melihat di sini peruntukan yang diberi kepada JAKIM ini sama ada di bawah Perbekalan ataupun Pembangunan. Sudah cukup saya rasa terutama sekali di bahagian Perbekalan dan kakitangan pun nampaknya saya rasa sudah cukup untuk mentadbirkan sebuah jabatan. Cuma saya hendak tahunya ialah sekarang ini selain daripada Pengarah JAKIM apakah ada pegawai-pegawai di bawahnya, mereka yang berpendidikan agama, berkelulusan agama, satu dan kalau ada berapa peratus kemudian ada atau tidak pegawai daripada PTD atau PTA yang berada di sini untuk mentadbir atau menguruskan sektor pentadbiran kakitangan JAKIM ini yang saya kira sudah cukup kalau pegawai tadbir ada di sini untuk mentadbir dan saya ingin tahu juga di bawah kepala 050500 ini perundangan dan penguatkuasaan kakitangan lebih kurang 55 orang saya rasa.

Saya hendak tahunya kakitangan di bawah penguatkuasaan ini berapa peratus yang belajar agama dan berapa peratus yang tidak belajar agama sebab saya melihat hasil daripada tindakan pihak-pihak tertentu khususnya orang politik kepada Bahagian Perundangan ini atau Bahagian Penguatkuasa ini yang menyebabkan kita lihat kakitangan bahagian ini rasa *frustrated* kerana apa yang dilakukan oleh mereka ini dicampur tangan oleh orang politik satu masa dahulu waktu penangkapan berlaku semua orang tahu dan rakyat pun berasa tertanya-tanya kenapakah setelah ditangkap kemudian diganggu-gugat oleh orang politik menyebabkan perkara ini tidak diteruskan pendakwaan dan seterusnya.

Kalau boleh perkara-perkara seperti ini diuraikan dan saya lihat pegawai dan kakitangan daripada JAKIM ini nampak sekarang ini terlalu kerap berulang-alik ke Timur Tengah khususnya ke Mesir dan juga ke Jordan dan bila saya dimaklumkan sebahagian besarnya hadir ke sana untuk berdialog dan berbincang dengan pelajar-pelajar atau mempengaruhi pelajar-pelajar supaya mereka ini condong ke arah UMNO bukan sahaja untuk menerima Islam Hadhari tetapi contoh kepada UMNO.

Apakah waras pegawai-pegawai ini hadir dengan tujuan tersebut dan apakah pegawai ini terpaksa hadir ke sana kerana tekanan-tekanan politik daripada mereka yang merasai tidak senang hati terhadap pelajar-pelajar belajar agama ini yang sebelum ini dianggap mereka ini condong kepada PAS. Jadi saya harap penjelasan daripada menteri supaya....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tidak habis lagi ini, dia kalau baca ayat Quran tidak habis tidak boleh juga nanti kata baca ayat tak habis.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Selalu PAS baca tak habis pun

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Dengar dulu, dengar dulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Selalu PAS baca mana habis

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Larut ini jauh dah ini kalau cakap bab agama dah jauh dah ini

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tak sampai ke mana ini tak tahu apa dia ini dia tak belajar agama saya cakap bab agama ini

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bagi tak bagi? Itu sahaja.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya tak bagi, tak bagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sebenarnya PAS takut.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya hendak bagi ini bab lain.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Masalah kita terpaksa pergi ke Timur Tengah ini kerana PAS kacau pelajar-pelajar kita di sana.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya tak takut UMNO

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Itu jadi masalah, kalau PAS tak ganggu kita pun tak hairan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: UMNO kecil bagi saya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Itu yang timbul masalah. Menteri dengar, menteri jawab kemudian, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya lawan kerajaan ini bukan lawan UMNO ini, UMNO kecil bagi saya sekarang ini kita berdepan dengan kerajaan ini sebab itu kita bercakap bab JAKIM ini. Kalau cakap bab UMNO, sebab berapa orang sahaja UMNO ada sekarang ini yang belajar UMNO.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada tiga minit sahaja lagi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tiga minit dah? Satu bab sahaja baru tiga minit.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat jangan takbur Yang Berhormat .

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya tidak takbur ini kenyataan. Tengok, ini soal, ini bagus ini belajar agama. Sedikit lagi Pasir Puteh hendak bersyarat pula dah ada dua, kalau mudah-mudahan ramai orang belajar agama berada dalam Kabinet sekarang ini yang tidak belajar agama itu ramai dah. Saya haraplah supaya JAKIM ini diberi satu kekuatan kembali hasil daripada *frustrated* pegawai-pegawainya apabila campur tangan politik terlalu banyak baru-baru ini.

Peruntukan ada, duit banyak jadi bagilah kebebasan sedikit kepada JAKIM ini. Saya harap pegawai-pegawai yang ada di belakang saya ini ramai pegawai JAKIM dia sedang memerhati bagaimana kedudukan sekarang ini. Seterusnya saya pergi kepada saya hendak terus kepada pembinaan sekolah agama yang diperuntukkan di bawah kepala 04802 - RM2 juta sahaja, tahun lepas RM3 juta lebih tahun ini RM2 juta, tahun 2004 dulu kenapa RM3 juta makin kecil makin kecil.

Pertama saya hendak tahunya ialah kenapa perkara-perkara begini terlalu kecil? Peruntukan yang diberi ini terlalu kecil dan kalau boleh hendak minta penjelasan sedikit pembinaan sekolah agama ini adakah termasuk sekolah agama rakyat (SAR), yang menjadi heboh satu masa dahulu dan yang menjadi satu perkara yang tidak dapat dielakkan oleh pelajar-pelajar agama terpaksa membuat bantahan kepada kerajaan hasil daripada penarikan balik pembayaran per kapita dan bantuan-bantuan modal kepada semua SAR dahulu dan saya mengharapkan supaya pimpinan yang ada sekarang ini yang belum lagi difitnahkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab terhadap sekolah agama ini supaya memberi balik bantuan per kapita kepada sekolah-sekolah agama rakyat ini dan juga bantuan modal kepada sekolah agama rakyat ataupun SAR ini kerana kita ketahui kedudukan sekarang ini kalau kita lihat sekarang ini pelajar sekolah agama rakyat ini terlalu ramai sekali iaitu 73,264 dan guru yang terlibat ialah 3,689 dan sekolahnya lebih kurang ada sekolah terlibat lebih kurang dalam 250 lebih sekolah yang terlibat.

Jadi saya harap pihak kerajaan mengambil berat terhadap apa yang berlaku ini memang kerajaan mengaturkan dia tidak hendak mematikan sekolah agama rakyat tetapi hakikatnya kalau tidak memati ibarat tanam pokok, tidak diberi baja, air tidak disiram, dengan sendirinya akan mati juga. Jadi, harapan saya ialah supaya kerajaan kaji semula, khususnya menteri yang ada ini, khususnya menteri kita yang belajar agama ini menggunakan budi bahasanya supaya boleh mempengaruhi pihak-pihak yang bertanggungjawab ini memberi balik bantuan per kapita dan bantuan modal yang sebelum ini diberi kepada sekolah-sekolah agama rakyat ini.

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan Yang Berhormat Rantau Panjang.

Tuan Pengerusi: Tolong habiskan.

Cik Fong Po Kuan: Saya setuju, setiap agama mengajar kita untuk berbuat baik dan kita mesti mengamalkan kebebasan beragama dan menghormati pengamalan

agama individu tertentu. Apakah pendirian Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pelajar bukan Islam di Universiti Islam Malaysia tidak sepatutnya diwajibkan untuk memakai tudung bagi menghormati mereka mengamalkan kebebasan beragama malahan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sebelum ini pernah menyatakan bahawa tiada akan diwajibkan pelajar bukan Islam memakai tudung tetapi mereka berbuat demikian juga pihak di Universiti Islam Antarabangsa, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa patut ada menghormati agama kebebasan beragama bagi pelajar bukan Islam

Tuan Pengerusi: Ya Yang Berhormat, Rantau Panjang faham.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, ya, saya sudah faham, ya, ya.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: ...di Universiti Islam Antarabangsa...tanpa mewajibkan mereka memakai tudung.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, terima kasih. Yang penting ialah bantuan per kapita dan bantuan modal ini, saya berjuang supaya memberi kepada sekolah agama rakyat. Barangkali pihak DAP boleh memperjuangkan supaya memberi kepada sekolah-sekolah agama Cina dan sebagainya, tidak. Itulah perjuangannya saya sebutkan di sini, ada kaitannya. Masalah kod etika di UIA tentang pakaian itu, itu terpulang kepada UIA. Itu terpulang dan serupa kepada Parlimen juga. Parlimen juga ada kod etika juga. Bentara pakai songkok dengan uniformnya, Speaker - Tuan Pengerusi, kena pakai songkok...

Tuan Pengerusi: Ya, jangan libatkan saya. Jangan libatkan saya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Dia pakai jubahnya, bekerja...itu kod etika, jadi saya tidak mahu jawab tentang kod etika, tetapi apa yang hendak saya sebutkan di sini dan saya perjuangkan ini ialah pemberian per kapita dan bantuan modal kepada seluruh sekolah agama rakyat ini....

Tuan Pengerusi: Masa cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Adalah diberi dan kembali kepada orang yang berhak menerimanya, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila, Yang Berhormat bagi Ledang.

2.57 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya tidak bercakap banyak hanya dua, tiga perkara iaitu menurus kepada perkara P.20000. Pertama berkaitan dengan ekonomi, tentang NGV. Apabila kerajaan mengumumkan untuk memberikan insentif yang berbagai-bagai saya perhatikan banyak syarikat-syarikat yang telah pun berlumba-lumba mencari peluang untuk membina stesen penjual NGV secara runcit. Persoalannya ialah saya mendapat maklumat bahawa mereka ragu tentang sama ada Petronas Gas bersedia untuk menjual gas kepada mereka kerana selama ini pengedaran gas asli ataupun NGV adalah dimonopoli oleh Petronas itu sendiri. Petronas memberikan subsidi setahun tidak kurang RM9 bilion untuk diagihkan kepada IPP dan sebagainya, terutamanya IPPLah untuk menjana elektrik kerana itu adalah arahan kerajaan. Adakah kerajaan bersedia untuk mengarahkan kepada Petronas gas supaya memberikan subsidi yang sama kepada pengusaha-pengusaha pengedaran gas asli ini untuk merealisasikan cita-cita dan hasrat murni kerajaan memeriahkan atau pun membanyakkan pengguna-pengguna NGV di seluruh negara sebab kita lihat sekarang, banyak syarikat telah pun bersedia untuk membina stesen-stesen menjual gas asli secara runcit sedangkan mereka belum mendapat kepastian sama ada mereka akan dapat bekalan daripada Petronas dengan subsidi sekali.

Tuan Pengerusi, perkara ini penting sekiranya tidak diambil perhatian ataupun tidak dibela oleh kerajaan. Sekiranya Petronas tidak bekerjasama maknanya cita-cita yang kita idamkan itu tidak akan menjadi kerana kita tidak boleh harapkan hanya stesen Petronas sahaja yang mengedarkan gas-gas ini. Kita perlukan lebih banyak lagi, malahan ada syarikat yang bersedia untuk mengagihkan gas asli ini secara runcit

dengan mengangkut dari satu tempat ke satu tempat menggunakan *trailer* dan sebagainya, itu satu.

Yang kedua Tuan Pengerusi, saya menjurus kepada B 30000 UPP berkaitan dengan projek LPT. Dia ada kaitan dengan kenaikan harga minyak. Baru-baru ini Menteri Kerja Raya mengumumkan bahawa oleh kerana kenaikan harga minyak yang tidak kurang dan tidak sampai 10% tetapi kenaikan kos projek tersebut akan meningkat kepada 30% iaitu lebih kurang setengah bilion mungkin lebih. Ini telah menjadi satu persoalan di kalangan rakyat sama ada adakah ia relevan atau tidak dan rakyat ingin tahu, di mana yang naik ini - daripada 10% naik, harga minyak naik, harga projek boleh naik 30% dan ini boleh menyebabkan kenaikan harga barangan lain kerana di situ sudah diberi satu petunjuk bahawa apabila harga minyak ini naik, harga projek naik dan mungkin juga harga barang-barang lain naik dan ia juga boleh mempengaruhi harga barangan naik kerana harga projek tersebut naik. Oleh yang demikian ia juga akan membebaskan pengguna-pengguna pada masa yang akan datang yang sudah pasti akan membayar tol dan terpaksa kerajaan memanjangkan tempoh konsesi dan sebagainya dan ini pada saya akan menyebabkan kerajaan terpaksa menerima beban pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, akhir sekali ini mungkin perkara khusus, berkaitan dengan UPP juga. Saya banyak kali membangkitkan perkara ini iaitu tentang Pejabat Pembangunan Negeri Johor. Ini contoh Tuan Pengerusi kerana Yang Berhormat Menteri ada di sini, dia cuma ada seorang Juruteknik di Pejabat Pembangunan Negeri Johor. Saya tidak tahulah di negeri-negeri lain macam mana. Cuma ada satu juruteknik tetapi mereka melaksanakan projek seluruh negeri Johor. Di Mersing, di Segamat dan di Muar jarak perjalanan antara tiga hingga empat jam. Kalau ada lebuhraya dua jam, kalau tidak lebuhraya sampai ke Mersing dan Segamat tiga jam. Tidak mungkin seorang juruteknik di pejabat pembangunan negeri mampu untuk melaksanakan dan mengawasi projek-projek seluruh Johor daripada satu pejabat yang dinamakan pejabat pembangunan negeri di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya mintalah supaya perkara ini dilihat dan supaya lebih banyak projek-projek diagihkan kepada JKR, kepada pejabat daerah supaya kelancaran projek-projek tersebut dapat dibuat dan di peringkat pemantauan projek seperti ketua kampung, penghulu dapat terus berhubung dengan agensi pelaksana seperti pejabat daerah, JKR dan sebagainya, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila, Larut.

3.05 ptg

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh di bawah butiran 21000 iaitu Jabatan Zakat, Wakaf dan Urusan Haji. Kebetulan Yang Berhormat Menteri ada di sini, terima kasih Yang Berhormat kerana sanggup tunggu sampai petang, alhamdulillah. Tetapi saya hendak tanya, saya masih belum puas hati dengan jawapan Yang Berhormat waktu bajet kerana kita jangkakan tahun ini 50,000 orang jemaah haji yang akan bertolak ke tanah suci walaupun Yang Berhormat mengatakan bahawa kuota yang telah diperolehi sebanyak 26,000 makin bertambah, dari 20,000 ke 26,000. Syabas saya ucapkan.

Masalahnya yang saya ingin persalahkan ialah tentang harapan dan mungkin Tabung Haji telah membuat tempahan sama ada disedari atau tidak bilik-bilik hotel dengan anggaran 50,000 tadi. Jika ini berlaku siapakah yang akan menanggung kerugian yang akan dihadapi oleh Tabung Haji, maka sudah tentu saya percaya segala tempahan bilik-bilik hotel ini tidak akan dapat dipulangkan balik kepada pemilik-pemilik hotel di tanah suci sama ada di Mekah ataupun di Madinah, maka sebab itu apakah jaminan Yang Berhormat dalam harapan seramai 50,000 kerana kita tidak mahu terjadi pada musim yang lalu tahun 2003 di mana seramai 50,000 orang yang telah dapat pergi ke tanah suci tiba-tiba Kerajaan Arab hanya membenarkan seramai 25,000 sahaja ketika itu, bukan Yang Berhormat lagi pada masa itu jadi menteri tetapi bekas matan menteri yang lalu. Ini yang menjadi harapan kerana di sana sini, rata-rata mereka yang telah mendaftar meletakkan harapan yang begitu tinggi untuk pergi ke tanah suci, yang buat kenduri, buat majlis.

Kita tidak mahu akhirnya mereka akan pergi kepada pihak lain dengan harapan supaya mereka dapat kuota daripada negara jiran yang lain. Atau mungkin mereka akan terjebak dengan pengaruh syarikat-syarikat yang tidak bertanggungjawab,

akhirnya mereka akan terkandas di tengah jalan. Oleh itu, saya berharap sangat daripada pihak Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri supaya membuat satu perancangan jangka panjang sekiranya keadaan ini berlaku kerana kita tahu kita tidak boleh menyalahkan Kerajaan Arab Saudi kerana itu hak mereka untuk mengumumkan kuota bilangan jemaah haji pada saat-saat akhir.

Oleh itu, saya ingin menyarankan kalau bolehlah pegawai-pegawai, ketua-ketua jabatan yang ada di Tabung Haji itu kalau sudah habis kontrak, perhati-perhatilah mereka yang di bawah yang telah bertungkus-lumus untuk berpeluang kenaikan pangkat. Janganlah mereka yang sudah lama berpuluh tahun disambungkan lagi, seolah-olah tidak ada orang lain yang boleh melakukan kerja sedemikian. Apa salahnya diberi peluang kepada mereka yang lain yang telah bertungkus-lumus menghidupkan Tabung Haji, menjaga nama baik Tabung Haji, takkan tak ada orang lain?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Nak tanya pasal Tabung Haji?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Larut, ini berkenaan dengan Tabung Haji. Saya diberitahu bahawa oleh kerana kuota yang dikurangkan daripada tahun sudah pada tahun ini, Tabung Haji akan kerugian kurang lebih RM17 juta. Dan lebih menghampakan, saya difahamkan 12,800 orang sudah dimaklumi akan berangkat tetapi oleh sebab dikurangkan kuota ini, mereka ini tidak dapat menunaikan fardu haji pada kali ini. Apa akan rasa mereka, Yang Berhormat bagi Larut, yang mana mereka ini sudah bersiap, ada yang mungkin sudah buat persiapan kenduri dan sebagainya, sudah tempah baju tetapi tidak akan dapat pergi kerana kita lihat.

Saya dapat khabar ini Menteri, setakat hari ini kebanyakan pegawai di Tabung Haji ini, dia banyak berurusan dengan Muassasah. Muassasah di Arab Saudi ini pelaksana, yang menjadi kuota ini Kementerian Wakaf dan Haji, yang pegawai ini tak baik, tak baik dengan kementerian. Saya difahamkan pegawai yang ini pula disambungkan kontrak lagi. Yang baik, yang dalam Tabung Haji ini, yang amanah, yang bagus, dibuang kerja.

Jadi kita berharaplah, Yang Amat Berhormat Menteri, kita berharap CEO Tabung Haji akan diganti dan kita harap pilihlah orang yang betul-betul untuk menjaga harta Tabung Haji, harta orang Islam ini kerana setakat hari ini CEO yang ada ini mengikut korporat-korporat yang lain. Kerjanya buang kerja orang, mana syarikat yang agak boleh untung hendak diwastakan supaya dapat kemasukan baru Tabung Haji tetapi hendak mencari perniagaan-perniagaan baru ini ada. Hanya setakat kadar itu saja buang orang kerja supaya Tabung Haji esok tidak payahlah bayar gaji lebih, Tabung Haji esok untung besar.

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Yang Berhormat Menteri, jangan salah anggap, kami tidak marah Yang Berhormat Menteri, ini sekadar apa yang perlu kami cakap daripada pembangkang cakap, lebih baik kami dalam Barisan Nasional bercakap. Oleh itu, saya melihat apa salahnya kita cuba pula CEO Tabung Haji ini daripada kalangan ulama. Ramai siswazah kita yang balik dari Timur Tengah, yang layak duduk di tempat itu.

Kalau untuk pelaburan, kita sudah ada Jawatankuasa Pelaburan, okey bagi orang yang pakar dalam pelaburan untuk duduk dalam Jawatankuasa Pelaburan. CEO ini Ketua Eksekutif kita bagi pada ulama, ramai, kalangan ulama yang balik daripada luar negara, sekurang-kurangnya mereka akan tertarik. Kalau tidak inilah yang akan jadi kepada kerajaan, apabila berlaku sesuatu, Tabung Haji memang tidak kena tapi yang kena ialah kerajaan. Apabila kuota ini tidak dapat diperolehi bagi mereka yang disebut tadi seramai 12,000 yang sudah tahu tiba-tiba tidak dapat. Bagaimana selain daripada hotel yang telah kita buat *booking*, dengan izin, Tuan Pengerusi, penerbangan yang terpaksa kita tempah, penerbangan tempatan dan juga penerbangan di luar negara iaitu di Arab terutama sekali. Sila Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Saya hendak minta penjelasan. Maksud Yang Berhormat bagi CEO kepada ulama ini ialah bagi kepada orang berkelulusan agama, bukan maksud ulama. Dia ulama satu hal, kelulusan agama satu hal, itu maksudnya orang-orang yang berkelulusan agama, bukan begitu Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, kita timbang tiga-tiga sekali, tiada masalah. Jadi siapa pun tak boleh timbul, Rantau Panjang pun tidak boleh kata apa, Pasir Mas pun tidak boleh kata apa. Satu lagi Yang Berhormat Menteri yang ada di sini ini, pegawai, kakitangan kita yang pergi ke Mekah. Saya lihat mereka yang pergi ke Mekah, ini pertama kali pergi ke Mekah, masa itulah mereka hendak menunaikan haji dan masa itulah mereka terpaksa menjaga jemaah yang ada. Ini akan timbul masalah, sila JAKIM. Ha, ini pegawai JAKIM yang lama.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Larut, sebenarnya saya takut keliru tadi ulama umara ini. Sebenarnya ulama ini orang yang berpengetahuan dalam semua aspek jadi ada iman kuat, jati diri. Dia ada pula umara, kalau nabi dulu ulama, umara, dia satu *body* saja. Setuju tidak kalau hari ini kita hendak lantik CEO tadi, orang gelar ulama tapi dia bersikap sebagai boleh sebagai umara, mentadbir. Jangan sahaja kita tahu ilmu tauhid, fekah tetapi kita tidak tahu dari aspek *basic economy*, ICT dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih sahabat saya, orang lama JAKIM. Mungkin tidak sempat hendak melaksanakan apa yang dirancang dulu, cita-cita dia. Yang penting orang yang duduk situ adalah yang tidak terkeluar daripada landasan, yang boleh membawa Tabung Haji kepada tempat yang sebenarnya, itu yang amat penting. Dia faham tanggungjawab dia, dia tahu tugas dia. Jadi, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menimbang perkara ini kerana tadi saya sebut pasal kakitangan yang tidak ada pengalaman, pertama kali pergi, masa itulah hendak menunaikan haji, masa itulah dia hendak jaga jemaah haji. Jemaah haji ini pula bukanlah semua yang cergas-cergas, yang sihat, kadangkala itulah pertama kali mereka berpeluang, timbul juga masalah kuota ini.

Katakanlah mereka berharap tinggi hendak pergi, tiba-tiba sudah tidak ada peluang lagi hendak pergi. Jadi, Tabung Haji mestilah melihat perkara ini dengan lebih serius, soal perniagaan, soal hendak menambahkan pelaburan itu kita lihat dari sudut mana, tapi dari sudut tentang ini ia mestilah dijaga supaya integriti Tabung Haji itu tidak hilang. Ini kerana saya baru-baru ini mendapat laporan, perkhabaran yang baik daripada negara-negara lain juga begitu tertarik dengan Tabung Haji ini. Jadi kita rasa bangga, bila kita pergi ke mana-mana orang sebut Tabung Haji, ini pun Tuan Pengerusi nama Tabung Haji patutnya ditukarkan balik kepada nama lama.

Sebut Tabung Haji, tidak perlulah TH, TH ini buat apa? Tabung Haji Plantation sebagai contoh, Tabung Haji Properties sebagai contoh, Tabung Haji Teknologi. Kadang-kadang kita keliru, kita tengok dalam Bursa Saham Kuala Lumpur ada juga nama TH. Apa salah Tabung Haji masukkan anak syarikatnya, sebut Tabung Haji itu dulu, kita mesti ada bangga, kebanggaan. Kenapa kita hendak rasa malu, TH, TH, takut nanti keliru, ramai yang keliru. Terutama di pihak pembangkang, kadang-kadang dia ambil kesempatan ini untuk memperluaskan dia punya pengaruh. Jadi Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Beluran.

3.18 ptg.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin turut mengambil bahagian untuk membahas perkara urusan Parlimen berhubung dengan penyelenggaraan peralatan, perkakas komputer, perisian, membekal LCD komputer. Saya melihat bahawa sejumlah wang telah diperuntukkan untuk memperkasakan penggunaan komputer untuk urusan Parlimen dan ini merupakan pendekatan yang harus diambil oleh kerajaan untuk memperlihatkan imej MSC kita. Kita merupakan bercita-cita untuk menjadi peneraju dalam ICT dan tentulah Parlimen sebagai satu kuasa, sebagai *central power*, satu bahagian kuasa yang ada harus ditonjolkan kepada penggunaan ICT ini. Tapi kita melihat perkara-perkara yang dinyatakan dalam peruntukan ini tidak memberi fokus yang lebih luas terhadap penggunaan ICT yang

sebenarnya dalam urusan Parlimen, terutama dalam urusan Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara.

Saya tidak melihat sebarang pendekatan yang diambil oleh kerajaan terhadap perkara ini lebih khusus untuk memperlihatkan imej ICT kita, dari segi penggunaan ICT dalam *voting* umpamanya, *digital voting*. Kita tidak melihat sebarang usaha yang diambil oleh kerajaan setidak-tidaknya sehingga tahun 2006 ini untuk memperbaiki sistem digital yang ada di dalam Dewan persidangan ini. Kita masih lagi terikat dengan sistem manual, kita melihat, saya bersimpati dengan kedudukan keadaan *Chair* di mana terpaksa mengingat kesemua kawasan-kawasan Parlimen yang ada di dalam Dewan ini.

Ini tentulah menyulitkan *Chair* untuk berbuat demikian dan tentu sekali apabila ramai yang berdiri, ramai yang ingin berucap lebih kerap daripada tidak Pengerusi akan membuat keputusan yang lebih dekat di hati, lebih dekat teringat dalam fikiran. Pada ketika itu sedangkan niat dan kehendak Pengerusi (*Chair*) itu adalah untuk memberi peluang kepada lebih ramai Ahli-ahli Parlimen tetapi disebabkan oleh sistem manual yang ada dalam Parlimen ini menyebabkan kesukaran bagi Pengerusi untuk berbuat demikian. Kerana itu saya melihat keperluan kerajaan untuk memperkasakan penggunaan ICT, mendigitalkan sistem yang ada dalam Dewan ini agar ia selari dengan kehendak kita untuk MSCkan projek ICT di dalam kerajaan ini.

Tuan Pengerusi, saya melihat itu sebagai satu keperluan yang harus dilihat oleh kerajaan kerana kalau kita lihat parlimen-parlimen yang lain di negara-negara lain sekarang ini, penggunaan ICT merupakan satu perkara yang ketara sekali. Di India umpamanya telah lama di perkasakan, begitu juga di Korea Selatan. Kalau dahulu kita melihat imej Parlimen Korea Selatan itu imej berkelahi tetapi kita lihat di dalam Parlimen Korea Selatan itu ada imej ICT yang begitu luas penggunaannya dibandingkan dengan negara kita yang seharusnya telah mendahului penggunaan ICT dalam sistem kerajaan. Jadi, saya inginkan penjelasan daripada kementerian, daripada pihak kerajaan terhadap perkara yang saya nyatakan ini.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: [*Bangun*]

Datuk Ronald Kiandee: Saya juga ingin menyentuh perkara perpaduan masyarakat dan juga integrasi negara. Saya melihat banyak yang diberikan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Beluran, belakang.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Beluran. Saya amat tertarik dengan Yang Berhormat Beluran berkaitan dengan penggunaan ICT di dalam urusan Parlimen kita.

Seperti mana yang kita tahu bahawa ICT sudah menjadi satu kemestian di dalam setiap urusan dan elektronik *government* ini sememangnya telah pun dicanangkan semenjak lebih kurang hampir sedekad yang lalu., tetapi perlaksanaannya nampaknya masih begitu terkebelakang. Saya memberikan contoh misalnya dari segi laporan-laporan yang telah diberikan kepada kita, kita diberikan banyak buku laporan setiap tahun, saya ingat ratusan dan puluhan laporan yang diberikan kepada kita tetapi laporan-laporan ini diberikan dalam bentuk manual iaitu laporan buku-buku yang saya anggap ini adalah merupakan satu bebanan kepada kita. Saya tidak nampak ada satu *paradigm shift* yang dilakukan. Saya telah menjadi Ahli Parlimen bagi tahun kedua pada tahun ini dan saya tidak nampak ada perubahan-perubahan yang dibuat untuk memperkasakan usaha ini.

Datuk Ronald Kiandee: Itu merupakan sebahagian daripada pendigitalan yang harus diambil oleh kerajaan. Memang kita lihat sistem kita masih manual, *button-button* yang ada di sini sepatutnya membayangkan satu sistem digital yang ada tetapi semua *button-button* di hadapan kita ini tidak berfungsi sebagai sistem digital, ianya lebih kepada cuma *button* yang ada tetapi tidak memberi sebarang kehendak yang kita kehendaki.

Begitu juga Tuan Pengerusi kalau saya tambah lagi petang ini, kita melihat Dewan telah diubah begitu baik sekali dan ada sistem multimedia projektor yang kita ada untuk memberi keselesaan kepada mereka yang duduk di hadapan ini untuk mendapatkan skrin, melihat skrin daripada atas sana tetapi kita lihat selepas sesi awal Parlimen ini skrin besar di sana sudah tidak berfungsi. Bererti tujuan asal untuk memberi kemudahan, kesenangan, keselesaan kepada mereka yang duduk di

hadapan, tidak berfungsi dan ini merupakan perkara yang saya lihat daripada Parlimen. Kalau kita lihat skrin sana kalau ianya *elephant* ia akan jadi skrin *white elephant*, satu perkara yang terbiar yang tidak memberi kesan yang seharusnya diobjektifkan oleh Parlimen ketika mengubahsuai Parlimen ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang integrasi nasional. Saya melihat bahawa Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional begitu mempunyai matlamat perpaduan yang begitu kuat sekali. Sekarang ini kita lihat sejak seorang menteri di tempatkan di jabatan berkenaan, kita melihat banyak perkara yang melibatkan perpaduan telah dilaksanakan.

Termasuk jugalah unit-unit Rukun Tetangga, kalau dahulu di Sabah umpamanya kita tidak banyak melihat unit-unit Rukun Tetangga diwujudkan tetapi sejak akhir-akhir ini kita melihat bahawa telah banyak unit Rukun Tetangga di kawasan Kota Merudu umpamanya, kawasan Pitas umpamanya telah dilaporkan beratus, berpuluh unit-unit Rukun Tetangga telah diwujudkan oleh jabatan ini, tetapi keseriusan ini kita tidak lihat berlaku di kawasan Pantai Timur Sandakan umpamanya. Jabatan ini cuma meletakkan seorang pegawai perpaduan untuk melihat keperluan perpaduan untuk lima kawasan Parlimen di daerah Sandakan, ini termasuklah kawasan-kawasan Parlimen Sandakan, Parlimen Libaran, Parlimen Kinabatangan, Parlimen Batu Sapi dan Parlimen Beluran. Keseriusan jabatan ini tidak dapat dilihat di kawasan Sandakan, cuma seorang pegawai perpaduan diletakkan untuk mengendali aspek-aspek matlamat perpaduan untuk lima kawasan Parlimen yang besarnya separuh daripada tanah Semenanjung ini, kalau di jumlah lima daripada kawasan Parlimen.

Tuan Pengerusi, disebabkan oleh ketidakcukupan kakitangan inilah kawasan Beluran umpamanya yang telah memohon untuk mewujudkan 10 unit RT ini sejak satu tahun yang lalu belum dapat di laksanakan sehingga sekarang. Hasrat untuk mewujudkan unit-unit RT di kawasan Beluran umpamanya belum lagi tercapai, begitu juga hasrat untuk mewujudkan unit-unit RT di kawasan Kinabatangan masih belum tercapai. Jadi saya melihat bahawa perkara ini harus dilihat secara serius oleh Jabatan Perpaduan Negara untuk menentukan bahawa Jabatan Perpaduan Negara yang ada di Sandakan ini dilengkapi dengan kakitangan yang mencukupi untuk memberi khidmat yang baik untuk rakyat Sandakan.

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat, masa telah cukup.

Datuk Ronald Kiandee: Tuan Pengerusi, saya juga melihat perpaduan masyarakat dan integrasi ini, saya ingin tahu sebanyak begini peruntukan yang ada, apakah program-program yang dirancang oleh jabatan ini, unit ini untuk menentukan perpaduan antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak ini akan kita capai menjelang tahun 2020. Aspek lawatan masyarakat daripada Semenanjung kepada Sabah dan Sarawak haruslah dilihat sebagai satu aspek yang harus dibagi pengkhususan untuk menentukan perpaduan kita ini akan dapat dilihat dalam erti kata perpaduan yang sebenarnya, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Baik. Yang Berhormat bagi Jasin.

3.28 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga bersama dengan rakan-rakan dalam membincangkan Jabatan Perdana Menteri B.6 ini dan butiran, saya akan bermula dengan Butiran 21000 - Jabatan Zakat, Wakaf dan Urusan Haji bagi untuk mengetengahkan lagi saranan kepada Yang Berhormat Menteri kita bahawa cabaran akan datang, Yang Berhormat, akan lebih besar lagi.

Kerana kita Tabung Haji dahulu apabila ditubuhkan di peringkat awal hanya kita bertujuan untuk menjadikan satu tabung bagi membolehkan masyarakat Islam, masyarakat Melayu untuk menabung, untuk keupayaan untuk pergi haji, untuk memudahkan mereka tetapi lewat tahun 1990an kita lihat bahawa Tabung Haji ini sudah menjadi satu tempat untuk unit melabur bagi umat-umat Islam. Ketika itu orang-orang yang melabur mendapat keuntungan yang agak luar biasa, 8%, 9% dan sehinggakan pada hari ini ramai di antara umat Islam telah menjadikan Tabung Haji

tempat dia melabur kerana apabila dapat keuntungan telah diberi ataupun telah dibersihkan dengan zakat.

Walaupun pada hari ini kita dapat 4%, 4.25%, tetapi umat Islam berpuas hati kerana keuntungan yang diperolehi ini telah bersih. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Menteri, kita berharap pada masa akan datang, kalau perlu, satu perubahan yang besar pada Tabung Haji. Yang mana yang agak-agak dah lama-lama, dah berkarat-berkarat tu kalau Yang Berhormat Menteri, kita nak ketepikan, ketepikanlah! Demi untuk kebaikan kita bersama. Dan kami di Dewan Rakyat ini akan menyokong, Yang Berhormat Menteri.

Tetapi kalau kita lihat, masalah demi masalah akan timbul, akhirnya malu. Kerana baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Tan Sri, saya dengan Larut kebetulan mengikut Menteri juga pergi ke Jakarta minggu sudah. Kami diminta pendapat oleh ahli-ahli politik di Jakarta, yang mana dia nak meniru Tabung Haji. Nak meniru Bank Islam. Dia kata hanya rujukannya di Malaysia. Dan kita pun, ketika di sana agak bangga. Tapi nak cakap lebih pun, Tabung Haji kita pun tengah huru-hara, Bank Islam pun rugi, huru-hara. Dia nak jempit Malaysia sebagai nak jadi pedoman bagi dia. Jadi dengan harapan ini Yang Berhormat Tan Sri Menteri, kita berharap kena bertindak cepat nak memperbaiki keadaan supaya nama dan maruah kita orang Melayu dan orang Islam ini akan sama-sama kita pelihara.

Yang kedua Tuan Pengerusi, saya nak bercakap berkenaan Butiran 170000 - Agensi Penguat Kuasa Maritim Malaysia (APMM) yang mana kita dah bercakap lebih kurang dua tahun sudah. Pada tahun ini kita dapat peruntukan yang agak besar untuk kita menubuhkan Agensi Penguat Kuasa Maritim ini yang mana kita nak melihat kalau kita terlambat. Cubaan demi cubaan daripada kuasa-kuasa besar lebih-lebih lagi Amerika untuk bersama-sama meronda Selat Melaka yang digembar-gemburkan sebagai Selat Melaka ini pada hari ini tempat lanun, tempat penjenayah, macam-macam yang lain. Dan harapan kita pada hari ini, penubuhan Agensi Penguat Kuasa Maritim, kita berharap rondaan di atas Selat Melaka, iaitu Selat yang paling sibuk dalam dunia ini dapat tercapai dan kita berharap tak adalah semestinya agensi yang kita tubuhkan ini mengambil kuasa polis marin dan jabatan-jabatan lain.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Setakat hari ini, apa yang kita dimaklumi, bahawa agensi ini kita mengambil beberapa kapal daripada marin polis, daripada Jabatan-jabatan Kastam, Jabatan Perikanan. Akhir-akhir, kita lihat pada hari ini, oleh kerana kapal-kapal daripada marin polis diambil oleh agensi ini, kita lihat bahawa marin polis pun tidak dapat mengawal pantai kita dengan baik.

Baru-baru ini, Tuan Pengerusi, beberapa bot nelayan di kawasan saya, di Melaka telah dicuri oleh perompak-perompak yang datang daripada seberang. Lima buah bot dicuri oleh perompak-perompak daripada seberang dan yang lebih mendukacitakan saya, bukan kata bot nelayan dirompak, *speed boat marine police* pun dilarikan sekali Tuan Pengerusi. *Speed boat marine police*, di mana maruah? Nelayan mengharapkan marin polis untuk menjaga. Ha? [Ketawa] Apa pasal?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nasib baik dia tak larikan balai polis Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, nasib baik, balai polis dia tak larikan. Jadi, kita berharap, Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bagan bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bagan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bagilah, bagilah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sila, bagi.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pernahkah anda mendengar bahawa bukan sahaja mereka melarikan bot.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tak payah pakai “anda”, Yang Berhormat cukuplah.

Tuan Lim Hock Seng: Oh, Yang Berhormat. Ya, tetapi juga, mereka mengambil *protection money* setiap bulan. Kalau tak bagi di tengah-tengah laut, maka sesuatu akan berlaku.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ialah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang itu saya tak berapa arif, Tuan Pengerusi. Pasal saya ini orang baik-baik. Saya duduk dalam Kota Melaka, bandar raya. Yang Bagan ni dia duduk kat tepi-tepi pantai tu, dia lebih tahu. Lebih-lebih, ini mainan gengster, dia orang memang lebih arif Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Saya ini orang baik-baik duduk masjid.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi tak tahu. Hanya dapat laporan daripada nelayan. Jadi, saya tak boleh jawab apa yang dikemukakan dia. Tak ada bukti. Hanya *hear say* saja. Yang bukti, yang saya katakan tadi. Bahawa kita kena rondakan mengadakan agensi ini yang lebih kuat supaya kita kena ronda lautan kita. Untuk menjaga kedaulatan negara kita. Kalau ini kita dapat selesaikan, saya penuh yakin dan percaya, penuh yakin dan percaya Amerika tidak akan cuba-cuba untuk nak campur tangan tentang keselamatan negara kita Tuan Pengerusi.

Dan kita berharap kerajaan bertegas sungguh. Kerana Malaysia pada hari ini, Tuan Pengerusi, negara kita dah jadikan satu *trading nation*. Memang, orang pada hari ini dah dengki-dengki sedikit pada kita. Pencapaian yang dicapai oleh negara kita pada hari ini luar biasa Tuan Pengerusi. Pelabuhan-pelabuhan, di Pelabuhan Kelang pun pencapaiannya luar biasa. Dan memang, apabila kita membangun, orang sakit hati. Bila sakit hati, kadang-kadang cerita yang kecil digembar-gemburkan oleh media barat seolah-olah Selat Melaka ini penuh dengan lanun.

Selat Melaka ini penuh dengan penjahat. Selat Melaka ini penuh dengan perompak. Akhirnya, akan adanya negara-negara yang berkuasa dalam negara ini nak turut campur supaya kononnya nak menjaga *terrorist* ataupun ancaman-ancaman daripada lanun.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, minta gulung Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, kita berharap dengan peruntukan yang kita sediakan, kerajaan akan lebih fokus terhadap penubuhan Agensi-agensi Penguat Kuasa Maritim ini supaya kita dapat menyelesaikan masalah yang kita hadapi pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ramai lagi nak berucap Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

3.35 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, Sri Gading 10 minit sahaja, jangan kacau. Ya, Tuan Pengerusi, B.6 ya, halaman 126, Butiran 050000, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ya, Sri Gading. Dan halaman 124, Butiran 020000, Unit Perancang Ekonomi (UPE).

Tuan Pengerusi, dua minggu yang lepas, saya ada berucap di sini mengenai azan, dari segi bahasanya ialah, “Al-ilam” ataupun “An-nidah”. Hari ini, saya berharaplah, orang seperti Sri Gading jangan kacau. Jangan kacau. Sebab saya hendak itu penterjemahan termasuk Yang Berhormat Menteri Parlimen. *[Ketawa]* Saya minta itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menafsir, untuk menafsir sebab itu lafaz azan lahir daripada mimpi wahyu. Wahyu, ya. Dan saya berharap Yang Berhormat dapat memberi tafsiran dari surah At-taubah dan surah Al-Haj, ayat 27, dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat haji dan sebagainya. Dan juga Tuan Pengerusi, itu saya cakap macam ini kerana Yang Berhormat Sri Gading pun dia

tak faham apa surah ini, dia nak buat tafsiran. Nak buat tafsiran, janganlah Ketereh pun begitu juga. Tak dak sini. Dan surah Al-Maidah Riwayat Al-Bukhari dan Muslim. *[Disampuk]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan wa, wa apa tu. Jangan lah wa, wa lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kepong...

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, yang satu lagi tu, surah Al-Israaq, mengenai seruan untuk sembahyang dan sebagainya, dan didapati bahawa Tuan Pengerusi, itu. Ya? Tuan Pengerusi, ini memang susah kerana....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat dah habiskah?

Dr. Tan Seng Giaw: Dah nak habis, satu lagi, satu lagi. Mengenai misalnya di dalam Terjemahan Al-Quran Pimpinan Ar-Rahman yang diterjemahkan oleh orang Kelantan, jangan main-main Allahyarham Mufti Haji Nor, jangan main-main. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Menteri tahu kerana dia dekat dengan Kelantan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Misalnya ayat 110 "*Katakan lah Wahai Muhammad serulah nama Allah atau nama Ar-Rahman yang mana sahaja kamu serukan dan sebagainya.....*" saya berharap dapat diterjemah kepada saya dan di sini saya nampak....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah baca tidak payahlah dia terjemah.....

Dr. Tan Seng Giaw: Tak payah, saya tidak baca, ini tidak terjemah cuma bagi dia tahu sebab apa saya bangkitkan hal ini dan saya menghormati semua amalan yang mengikut Al-Quran dan Sunah. Saya berharap Yang Berhormat dapat mentafsirkan.

Seterusnya mengenai itu Unit Perancang Ekonomi kita. Unit Perancang Ekonomi memang bertanggungjawab untuk merancang Rancangan Malaysia Kesembilan. Setakat ini kita boleh baca daripada Bajet 2006, walaupun ada perkara yang baik misalnya 20% peruntukan untuk pendidikan dan sebagainya itu memang perkara yang baik. Tetapi kita nampak wawasan tidak begitu jelas, sebab saya bangkitkan hal ini supaya Unit Perancang Ekonomi dapat mengadakan wawasan yang lebih jelas lagi untuk membantu Yang Berhormat Perdana Menteri. Kita mesti nampak dasar yang lebih jelas untuk mempertingkatkan kualiti hidup kita sering kali disebutkan.

Yang Berhormat Menteri Parlimen pun dia tidak berminat kualiti hidup dan menggalakkan corak penggunaan dan pengeluaran mapan yang disebutkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan, disebutkan ini dan juga melindungi alam sekitar, mengurus asas sumber asli serta mempertingkatkan keupayaan sumber manusia dan institusi....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan sedikit Yang Berhormat, sedikit sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Kepong daripada mana Yang Berhormat Kepong mula mendekatkan diri dengan Islam. Saya percaya oleh kerana cara pendekatan yang diterima oleh Kepong ini menunjukkan bahawa Islam ini diterima oleh semua kaum semua masyarakat tidak kira yang beragama Islam tidak, syabas terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini kita membincang Unit Perancang Ekonomi yang merumus Rancangan Malaysia Kesembilan, itu yang penting.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat pun kalau hendak bincang fasal ekonomi bincanglah fasal ekonomi sebut fasal hadis apa semua buat apa. Saya cuma minta penjelasan daripada mana Yang Berhormat belajar hadis, Alhamdulillah baguslah bermakna Islam Hadhari diterima oleh semua kalangan masyarakat bukan sahaja masyarakat Islam termasuk masyarakat bukan Islam, setujukah Yang Berhormat? Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Nilai-nilai sejagat, nilai-nilai yang kekal ini memang diterima, kitab suci ini yang baik seperti intan baiduri dan kita mestilah

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat bermakna Yang Berhormat turut merujuk kepada hadis dalam Al-Quran Yang Berhormat, itu Yang Berhormat ? Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini Unit Perancang Ekonomi kita hendaklah perancangan itu sempurna yang didapati dalam kitab ini, itu sahajalah. Yang Berhormat Menteri Parlimen kita mesti tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat dia bukan minta jalan Yang Berhormat .

Dr. Tan Seng Giaw: Dia bangun Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya bangkitkan hal ini kerana dari segi tadi saya sebutkan di dalam bajet itu kita nampak wawasan perlu dipertingkatkan untuk diperjelaskan lagi kerana memandangkan kepesatan globalisasi ekonomi dunia, kemunculan negara-negara seperti China dan India kita mestilah mempertingkatkan lagi daya tahan, daya saing dan keupayaan inovatif sebab kalau kita nampak ada graduan yang tidak dapat kerja.

Ini bermakna kita mestilah mengkaji sebab apa kita dapat mewujudkan graduan-graduan yang tak dapat kerja walaupun kerajaan ada rancangan untuk memperbaiki keadaan ini bermakna dalam rancangan kita EPU pun tidak begitu peka kepada hal ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat , ya gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada disebutkan dalam bajet mengenai usaha untuk mengurangkan kos bagi menjalankan perniagaan tetapi bagi saya tidak mencukupi. Saya berharaplah semua pihak termasuk rakyat jelata semua pihak mestilah bekerjasama untuk mempertingkatkan produktiviti untuk mempertingkatkan kandungan pengetahuan dalam barangan perkhidmatan proses dalaman, perolehan pengetahuan sebagai usaha sepanjang hayat untuk mempertingkatkan lagi keupayaan teknologi tempatan dan inovatifnya, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuaran.

3.45 ptg.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin turut serta dalam perbahasan bertajuk Jawatankuasa bagi Jabatan Perdana Menteri bermula dalam butiran 250000 dan bergerak Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang atau PERDA dan butiran 020000 Unit Perancang Ekonomi.

Tuan Pengerusi, salah satu daripada fokus dalam bajet ini ialah untuk mempergiatkan lagi perekonomian di kawasan luar bandar dan selama ini salah satu daripada strategi yang dipertahankan oleh kerajaan untuk mempergiatkan lagi perekonomian di kawasan luar bandar ialah ditubuhkan pusat-pusat pertumbuhan dan institusi pelaksanaannya ialah Lembaga-lembaga Kementerian Wilayah.

Persoalannya di sini ialah selama ini Lembaga Kemajuan Wilayah ini ditadbir di kawal selia oleh Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Persoalannya di sini ialah kenapa Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah yang lain seperti KESEDAR, KETENGAH, FELDA, KEJORA masih lagi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Itu persoalan yang pertama. Persoalan yang kedua ialah jika sekiranya jika sekiranya Kerajaan Persekutuan ini benar-benar percaya dengan strategi pertumbuhan ekonomi, pusat pertumbuhan ekonomi di kawasan luar bandar sebagai salah satu daripada strategi untuk memajukan lagi perekonomian di kawasan luar bandar.

Persoalannya ialah kenapa Kerajaan Persekutuan ini tidak bersungguh-sungguh untuk melaksanakan strategi ini. Sebagai contoh, apabila dicadangkan untuk

dilaksanakan di negeri Sabah dan ada kekeliruan di kalangan pemimpin-pemimpin negeri Sabah, saya tidak nampak kesungguhan di peringkat pimpinan Kerajaan Persekutuan untuk memberi maklumat-maklumat atau fakta-fakta yang benar sehinggalah pemimpin-pemimpin di negeri Sabah yang masih lagi keliru ini dapat memahami perkara ini.

Jika sekiranya benar-benarlah pusat pertumbuhan di kawasan desa ini di kawasan luar bandar ini betul-betul satu strategi yang baik sesuatu yang telah dirancang oleh Unit Perancang Ekonomi sebagai salah satu daripada strategi untuk memesatkan perekonomian luar bandar, kenapakah, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi arahan atau memberi perbincangan dengan kepimpinan Kerajaan Negeri Sabah sehinggalah tidak ada lagi pihak-pihak yang keliru dengan niat baik kewujudan Lembaga Kemajuan Wilayah di negeri Sabah.

Tuan Pengerusi, saya akan terus ke Butiran 040000 - Bahagian Keselamatan Negara (BKN) dan Butiran 040400 - Pasukan Petugas Khas Persekutuan. Tuan Pengerusi, Bahagian Keselamatan Negara inilah yang mentadbir, mengawalselia soal kewujudan lebih kurang 60,000 pelarian Filipina yang berada di negeri Sabah, yang telah diletakkan di enam penempatan termasuklah satu penempatan di Labuan dan perkara ini kita telah berkali-kali menyatakan, sebut di Dewan yang mulia ini. Mereka ini telah wujud di sana - pelarian Filipina ini dan dikecualikan daripada Akta Imigresen dan diberi dokumen IMM13 dan kita lihat pelbagai kementerian yang menangani masalah ini pun keliru. Apakah pihak Keselamatan Dalam Negeri yang menangani hal ini? Apakah pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang menangani perkara ini atau apakah pihak Jabatan Perdana Menteri khususnya Bahagian Keselamatan Negara yang menangani hal ini?

Apabila kita tanya di Dewan ini, ketiga-tiga agensi ini akan memberi reaksi yang berlainan dan menteri di Jabatan Perdana Menteri telah pernah menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan akan mula untuk memperkenalkan satu dokumen baru untuk IMM13 ini. Ini dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sebenarnya Tuan Pengerusi, soal kewujudan pelarian Filipina ini dengan IMM13 ini sudah mencapai satu tahap yang agak parah. Sudah begitu parah sebab kita sudah kehilangan arah dan kita tidak lagi boleh mengawal. Tuan Pengerusi, kalau kita lihat dalam bajet ini dan saya baca, 'Aktiviti Pasukan Petugas Khas Sabah dan Wilayah Persekutuan, objektif di sebut di sini dalam buku Bajet Persekutuan 2006 ini memastikan perancangan penempatan dan pengusiran pendatang tanpa izin di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dilaksanakan secara teratur dan berkesan demi menjamin kepentingan keselamatan negara, ini objektifnya.

Kalau kita lihat dari objektif ini jelas bahawa pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan ini telah gagal dan berkali-kali kita nyatakan, Yang Berhormat bagi Labuan juga pernah menyatakan bahawa memang dia sudah gagal. Saya bagi satu contoh, bagaimana kegagalan ini dan bagaimana parahnya negeri Sabah ini. Baru-baru ini di kawasan saya Parlimen Tuaran, terdapat 10 buah rumah berdekatan dengan *Water Treatment Plant's Intake* Telibong di Tamparuli dan kesan hakisan tanah salah satu buah rumah daripada 10 buah rumah ini terhakis dan terus masuk ke sungai. Keluar dalam akhbar menyatakan sebuah rumah telah terhakis dan termasuk ke sungai. Pengerusi JKKK di kampung itu, Kampung Damat telah menulis surat kepada saya dan juga Ahli Undangan Negeri Tamparuli dan memohon bantuan dan saya telah meminta setelah mendapat maklumat ini, (kita duduk di Dewan Rakyat ini), saya meminta Jabatan Kebajikan di Daerah Tuaran mencari orang-orang ini sebab kita mahu memberi bantuan dan yang paling anehnya ialah pertama, pegawai kebajikan tidak dapat mencari di mana orang-orang ini. Orang-orang tidak boleh... dia *untraceable*.

Setelah dibincang dalam Majlis Tindakan Daerah pada minggu lepas di daerah Tuaran, kita bagi orang-orang ini, sebenarnya orang-orang ini adalah orang-orang yang memegang IMM13, yang sepatutnya tinggal di enam penempatan yang saya sebutkan tadi itu, iaitu di Kinarut, Telipok, Sandakan, Lahad Datu, Tawau dan di Labuan. Tetapi mereka sudah merebak di merata-rata tempat dan yang paling parah lagi ialah IMM13 yang didapati di kalangan orang ini adalah IMM13 yang palsu, sebab dia hanyalah kertas. Oleh sebab itu, kalaulah benar-benar Bahagian Keselamatan Negara (BKN) ini, pasukan petugas khas persekutuan betul-betul membuat kerja dia, sekali lagi kita minta supaya dokumen IMM13 ini diganti dengan MyKad, diganti dengan *security features* supaya dia tidak boleh dipalsukan, itu yang penting dan kita minta permintaan kita sudah berkali-kali supaya ditarik balik sahaja. Sampai bila kita boleh memberi

pengecualian kepada 60,000 pelarian Filipina ini dikecualikan daripada Akta Imigresen? Sampai bila? Mereka akan beranak-pinak bagaimana kita menangani anak-anak ini?

Dia sudah tinggal di Sabah sana selama 30 tahun, jelas bahawa Bahagian Keselamatan Negara sudah gagal. Pasukan Petugas Khas Persekutuan sudah gagal dan kita sebagai sebuah negara yang memperjuangkan tentang integriti jika sekiranya kita gagal untuk menangani perkara ini, kita akan dilihat sebagai sebuah negara yang tidak ada integriti kerana tidak dapat menyelesaikan perkara ini dan ini adalah hal-hal antarabangsa. Seperti mana kita dinyatakan selama ini, antara sebab mengapa kita gagal untuk menangani masalah ini ialah sebab kita ini tidak mengiktiraf hak mereka sebagai pelarian sebab kita bukanlah menandatangani protokol Bangsa-bangsa Bersatu dalam soal pelarian. Oleh sebab itu saya minta Menteri, saya minta Jabatan Perdana Menteri, saya minta Perdana Menteri supaya menangani masalah ini sebelum dia lebih parah.

Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyatakan bahawa kita akan menaikkan yuran perkhidmatan kesihatan kepada orang-orang asing. Bayangkan di Sabah selama 30 tahun ini, mereka ini juga menikmati keistimewaan seperti warga negara untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan dan mereka ini ramai. Kita ini memang berperikemanusiaan selama ini tetapi dari segi keselamatan bagaimana?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, gulung Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Tuan Pengerusi, saya ada satu topik lagi, iaitu dalam Butiran 22000 Jabatan Perangkaan dan bersamaan dengan 0200 Unit Perancang Ekonomi. Dalam soal ini pemantauan pencapaian ekuiti penyertaan semua suku kaum dalam ekuiti korporat dalam ekonomi negara kita. Baru-baru saya tanya, tentang perakuan-perakuan yang telah diletakkan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Malaysia Ketiga dan Rancangan Malaysia Kelapan dan sekali lagi kerajaan gagal untuk memberi perangkaan-perangkaan pencapaian ekuiti penyertaan suku-suku kaum terutama sekali kaum bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak sebab dalam perangkaan Jabatan Perangkaan telah gagal untuk meletakkan mereka. Yang kita lihat dalam Jabatan Perangkaan apabila kita mendapat data-data tertentu, dia tulis sana, bumiputera, lepas itu Cina, India. Kita sudah mencadangkan biar dua bahagian. Satu bumiputera dan satu lagi bukan bumiputera.

Di bawah bukan bumiputera adalah terletak Cina dan India, di bawah bumiputera kita letakkan bumiputera-bumiputera di sana, bumiputera Dayak, bumiputera Kadazan, Dusun dan sebagainya di negeri Sabah. Kita lihat baru-baru ini, satu seminar, satu forum yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan dan Industri Dayak di Miri dan bekas Menteri Datuk Leo Moggie, Tuan Pengerusi TNB telah menyatakan di sini dan saya sebut dalam surat khabar Sarawak Tribune, dinyatakan di sini, "*How fast to erase the feeling of frustration that seems to germinate within the Dayak community now*". Beliau menyatakan bahawa, '*There is a need to remove under current sentiments among Dayak*'. Sebenarnya dalam beberapa suku kaum bumiputera minoriti ini memang *under current sentiment* dan sebenarnya perkara ini timbul kerana kita tidak dapat mengeluarkan fakta-fakta perangkaan-perangkaan tertentu dalam statistik, itu sahaja. Jika sekiranya kita tahu dalam statistik, kita boleh nyatakan dan pihak kerajaan pun boleh mengambil tindakan-tindakan tertentu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Jadi saya mohon mencadangkan supaya perangkaan ini, statistik ini diperbaiki supaya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita dapat membuat pemantauan dan penilaian yang terbaik supaya di akhir Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga nanti kita akan melihat pencapaian yang sememangnya dilaksanakan oleh kerajaan selama ini. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

4.00 ptg.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana dapat peluang keemasan, cukup berharga bagi sayalah, pada Ahli-ahli Yang Berhormat walau pun saya peluang ini bagi saya, tipis, inilah semuanya

kuasa Allah S.W.T. Kalau kita melihat kepada butiran untuk dua, tiga butiran saja, yang pertama oleh kerana banyak sangat disebut disebut JAKIM tadi, saya terpanggil untuk bercakap sedikit dalam 050000, khususnya 050400.

Jadi, oleh kerana Yang Berhormat Menteri kita ada di sini, saya rasa bolehlah kita setuju supaya Darul Quran itu menjadi salah satu lagi *school* dia selain dari menghafal Quran, hafiz, hafizah, saya rasa sampai masanya kita untuk teranum al-Quran, tafsir atau teranum al-Quran, kerana empat puluh tahun lebih tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa, kita lihat walaupun kita dapat qariah, kita dapat johan qariah peringkat antarabangsa baru-baru ini, tapi qari kita belum dapat maka saya rasa sudah sampai masanya untuk kita buat satu *school* lagi untuk melatih bakal-bakal dari sekolah-sekolah yang dilatih oleh Kementerian Pelajaran, supaya budak-budak yang ada potensi, yang johan-johan di peringkat sekolah itu, kita bawa waktu musim cuti belajar di Darul Quran. Kalau setujulah, itu pandangan saya untuk mencungkil bakat-bakat baru bagi para qari dan qariah

Yang keduanya, kita bolehlah mengambil pakar-pakar dari negara jiran kita, kerana di Indonesia dia ada satu maahad bagi lagu ini, kalau boleh kita pilih yang bagus-bagus, yang mazhab pun bagus, yang perangai akhlak pun bagus, kita bawa *train* orang kita bagi setiap tahun di Malaysia ini bagi qari dan qariah kita untuk meningkatkan potensi dia. Bukan sahaja kita nak merebut johan di peringkat antarabangsa tetapi kita nak supaya lebih ramai lagi bakal-bakal yang akan lahir dari qari dan qariah. Saya menyerulah rakan-rakan saya terutamanya Yang Berhormat bagi Pasir Mas, kita ada di sini, kalau boleh qariah kita di Kelantan itu bagilah *open minded* sedikit, bukalah sedikit kerajaan negeri, berilah peluang untuk *train* kepada qariah-qariah kita yang ada di Kelantan ini supaya dapat menyertai di peringkat antarabangsa dan juga kebangsaan. Kita beri laluanlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh itu menunjukkan bahawa semacam pembacaan ataupun dari segi tahap pembacaan qari di negara kita ini makin merosot dari setahun ke setahun. Barangkali juga kerana kita tidak ada maahad ataupun institut khas kepada pembaca-pembaca yang dipilih daripada pembaca-pembaca yang datang dari seluruh negara.

Apakah setuju Yang Berhormat bagi Pasir Puteh kalau kerajaan juga mengadakan sebuah institut khas dipilih daripada pembaca-pembaca atau qari-qari dari seluruh negeri kemudian ditempatkan di Kuala Lumpur ini dan kemudian mereka diasuh sungguh sebagaimana pihak-pihak lain mengasuh kumpulan-kumpulan mereka. Jadi, kalau pihak lain mengasuh kumpulan mereka sehingga mereka dapat menghasilkan yang terbaik, mengapa dari segi al-Quran tidak dapat dilaksanakan sedemikian. Dan barangkali yang perempuan tadi, yang qariah itu boleh kita kaji dan kita boleh sama-sama berbincang bersama, insya-Allah selepas daripada ini.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Ya, saya setujulah, kalau Mawi kita boleh bawa ke Kelantan, boleh kumpul 100,000 orang kerana hendak membasmi gejala negatif di kalangan remaja, apa salahnya qariah, kerana Hajah Faridah selalu merayu kepada saya. Bukan merayu hendak kepada saya, [*Ketawa*] tetapi merayu meluahkan hasrat beliau hendak supaya qariah di Kelantan ini pernah daripada dulu pun tidak pernah, sepuluh saya kira, Hajah Faridah saja, lapan belas kali dia menjuarai peringkat kebangsaan, antarabangsa, saya bilang, statistik dalam sejarah tilawah antarabangsa kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Lipis, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Mana dulu tadi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi Lipis.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Tidak apa, jiran.

Tuan Mohamad Shahrom bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Tadi Yang Berhormat bagi Pasir Puteh

mengatakan ambil pakar daripada Indonesia. Tidak ada pakarkah kita dalam negeri kita, hingga kita terpaksa sangat bergantung dengan pakar luar. Asyik-asyik orang luar, kita ini pakau sajalah, [Ketawa] tidak ada pakar langsung.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Sebenarnya pakar-pakar lagu ini kita dok pilih daripada 220 juta, hendak pilih seorang. Pakar lagu ini memang hebatlah Indonesia sebab kita ada 15 juta sahaja. Pemain bola, badminton pun kita dok kalah, kerana Indonesia 225 juta, kita 25 juta hendak pilih seorang, mesti pakar dari 220 juta. Itu pada pandangan saya, tetapi kalau kita tidak perlu.....

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jalan?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Allah! Yang Berhormat bagi Ipoh Timor hendak celah juga. Hak baik, hendak celah hak baik .

Tuan Lim Kit Siang: Ya, baik

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Ha, terima kasih

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat ada sebut mengenai pakar dari Indonesia, adakah Yang Berhormat pun bersetuju dengan pendirian-pendirian ulama-ulama dari Indonesia, khasnya, yang termasyhur notulis masjid yang telah meninggal dunia pada 30 Ogos, di mana pendirian beliau sangat tegas bahawa *Islam yes, Islamic state no*. Ulama yang termasyhur di Indonesia, Nahdlatul Ulama. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pendirian yang boleh kata majoriti ulama-ulama di Indonesia bersama-sama adakah pendirian?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Ulama-ulama di mana pun kita tidak ada bercanggah sebab ulama apabila dia membawa al-Quran, al-Sunnah, Ijmak, Kia, Mar Soleh , Mar Soallah dari segi pembawa hukum kita tidak akan menolak, cuma yang kita tolak ini yang membawa aliran-aliran yang mengelirukan. Kalau kita di Malaysia berteras kepada Mazhab Shafie Ahli Sunnah Wal-Jemaah, dia kena *follow* kita punya cara, prosedur, dengan izin, Tuan Pengerusi. Tetapi kalau dia bawa mari sini daripada Saudi misalnya, dia bawa kaum muda kita katakan *wahabi*, boleh kita amalkan di sini, tetapi ia jangan mendidik orang kita supaya mengikut dia, kerana berpecah dalam mazhab ini akan membawa kepada perpecahan perpaduan kita.

Jadi bagi saya, saya tidak hendak olah banyak, cuma saya hendak sentuh yang Yang Berhormat bagi Pasir Mas sebut tadi, kita boleh tengok baliklah qariah itu, saya amat setuju kerana sudah sampai masanya membuat anjakan paradigma kerana kalau kita kekal dengan cara lama barangkali qariah kita akan merosot, qari akan bertambah walaupun kita train di Kuala Lumpur ini, banyak yang menang baru ini pun kalau kita baca, jangan kecil hatilah, rakan-rakan dari Selangor, sebenarnya 'titih' Kelantan yang menang qariah baru ini, orang Kelantan. Jadi jangan kecil hatilah. Hak duduk di Johor itu, Rahmah itu, sebenarnya keluarga saya, asal Kelantan, kerana hijrah.

Dia susah di Kelantan hendak belajar Quran pun orang tidak berapa hendak bagi sokongan dia hijrah, minta maaf, ini ikhlas, jadi tidak payah bangun dululah. Jadi, kerana dia mencari tempat lain. Begitu juga ahli-ahli korporat, jutawan-jutawan, hartawan, *millionaire* yang ada di Kuala Lumpur ini, banyak dari anak-anak Kelantan, darah Kelantan. Ini kerana dia rasa hendak berdagang di Kelantan ini tidak ada potensi. Jadi, sebab itulah saya hari ini, saya jadi Ahli Parlimen Pasir Puteh, saya hendak *create job*, saya hendak *solve problem*. Saya tidak mahu timbul *problem*, saya hendak *create job*. *Create job* ini saya hendak jadikan Tok Bali industri pelancongan, ini ada dalam butiran. Orang Lipis nak celah lagi.

Tuan Mohamad Shahrom bin Osman: Mengapa tidak ada potensi di Kelantan ini, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Jadi, sampai teruk sangat semua kena berhijrah ke tempat lain.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Yang sebenarnya Kelantan ini bukan tidak ada potensi, sebenarnya dari segi *management*, saya olah ini dari segi *management* dan dari segi negaranya, geografinya cukup potensi. Tok Bali kita katakan cukup potensi untuk dijadikan tempat *commercial* pelancongan dan sebagainya. Jadi ustaz hendak celah sikit, mungkin dia hendak olah

Tuan Haji Ismail bin Noh: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat masa pun tak banyak.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Yang terakhir, saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh tadi mengatakan bahawa hijrah ke sini adalah satu tradisi yang baik. Saya masih ingat lagi di waktu Kerajaan Malaysia yang mula-mula sekali, pertama sekali yang mewujudkan kelas hafal Quran di Kuala Lumpur, di waktu itu negeri lagi hantar anak murid, negeri lain menghantar anak murid belajar ke Kuala Lumpur tapi Kelantan menghantar tuan guru, tidak menghantar anak murid. Menghantar maha guru, tuan guru Dato' Haji Mohd. Noor, Mufti Kelantan, bukan menghantar anak murid. Ini menunjukkan hijrah itu adalah baik dan saya tolak semua apa yang Tanah Merah kata sekejap tadi mengatakan bahawa hijrah itu kerana miskin, bukan. Hijrah ini banyak kerja, di segi ilmunya, di segi budayanya dan berbagai-bagai lagi. Alhamdulillah, Malaysia kaya dengan budaya di antaranya Kelantan memberi sokongan dan memberi khidmat bakti kepada benda-benda ini. Hijrah ilmu, hijrah pengalaman dan sebagainya, apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh minta gulung, habiskan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Jadi saya tidak ulas Yang Berhormat Pasir Mas tadi semuanya betul belaka. Cuma Yang Berhormat Lipis tadi sebut kenapa tidak ada potensi tadi. Sebab itu kita hendak supaya golongan ulama, golongan umarak [*Membaca sepotong Hadis*] ini yang Pasir Mas selalu baca, saya petik hak dia itu. Jadi kita hendak dua golongan yang terbesar ini kalau dia baik, baiklah, kalau dia maju, majulah negara. Siapa yang dua tadi ialah satunya, golongan ulama, duanya, golongan umarak. Maka sebab itulah saya katakan tadi Rasulullah ialah *our prophet Muhammad* dengan izin, dia golongan ulama dan golongan umarak. Dia sekali gus, satu *body*. Tetapi kita hari ini kalau golongan ulama dia tidak jadi umarak fasal dia tidak tahu bagaimana hendak *manage* untuk menguruskan negara, dia tahu dalam ilmu pelbagai bidang yang luas. Ilmu tauhid, fikah, tasawuf dan sebagainya tapi dia kurang dari segi pengalaman.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:dalam soal *basic* ekonomi dan lain-lain lagi. Jadi sebab itu saya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Masa tidak adalah, saya hendak beri peluang fasal ada banyak juga yang hendak mencelah ini. Jadi saya hendak soal lagi dalam Butiran.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: ...yang kalau boleh, satu Tuan Pengerusi bab Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini Butiran P.21 ini. Kalau boleh saya hendak selaraskanlah harga padi. Harga padi.....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini JPM.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Oh! Ini JPM. *Sorry, sorry*. Ini langgar jauh sangat. [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Jadi dalam isu JPM ini saya langgar jauh tadi masuk pagar lain, [*Ketawa*] jadi sebab itulah saya menyeru kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: ...kita hendak supaya satu lagi penguatkuasaan dari segi halal makanan ini supaya tidak meragukan butiran yang sama supaya ditambah kakitangan dan diletakkan di jabatan agama seluruh negara ini kerana agama itu *state matter* bukan *federal matter* maka sebab itulah kita hendak supaya negeri-negeri menjaga sama-sama, menyelaraskan sama-sama soal kehalalan makanan kita tidak diragukan oleh semua pihak dan sampai masanya kita hendak....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: ...sampai masanya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: ...kita wujudkanlah satu makmal untuk menentukan halal ini dikelolakan oleh JAKIM. Dengan ini saya menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Penampang.

4.12 ptg.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya punya ini sedikit sahaja kerana perkara-perkara yang saya ingin sentuh telah pun dibahaskan oleh saudara saya Yang Berhormat bagi Tuaran.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 9 iaitu Badan Pencegah Rasuah, Butiran 030000 - Operasi. Tuan Pengerusi, saya bersetuju bahawa kewujudan sebuah agensi seperti Badan Pencegah Rasuah ini amatlah diperlukan untuk membendung dan membanteras karenah rasuah di negara ini.

Cuma saya mempersoalkan satu perkara seksyen 21 Anti Corruption Act dengan izin. menyatakan bahawa Badan Pencegah Rasuah tidak diwajibkan untuk memaklumkan kepada sesiapa tentang status penyiasatannya selagi belum ada tuduhan mahkamah atau *charge in court* dikeluarkan. Ekoran itu, jika seseorang itu mengadu kepada BPR, bagaimanakah orang itu dapat menentukan bahawa siasatan dilaksanakan ataupun dapat memastikan siasatan yang terperinci dan efisien dilaksanakan.

Umpamanya kes *under declaration* yang saya sebut di dalam perbahasan saya tempoh hari telah diadukan kepada BPR di Sabah tetapi sehingga hari ini saya pun tidak tahu jika penyiasatan dibuat, dilaksanakan atau tidak. Walaupun diberitahu bahawa ia sedang dijalankan tetapi apakah jaminan ia akan dilaksanakan dengan cara yang tertentu.

Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan bajetnya telah menyarankan bahawa rakyat juga mempunyai tanggungjawab untuk mengadu kepada pihak-pihak tertentu atau kepada jabatan-jabatan tertentu jika didapati individu-individu atau syarikat-syarikat yang mengaut keuntungan dengan cara yang salah. Jikalau kita tidak ada sistem untuk memantau kerja BPR ini ia akan *discourage* dengan izin, rakyat dari membuat aduan. Mereka akan berfikir bahawa mengadu itu pun tidak ada guna kerana tidak ada tindakan yang tertentu.

Tuan Pengerusi, cadangan saya kepada kerajaan adalah untuk membentuk satu mekanisme di mana *efficiency* dan keberkesanan pihak BPR ini dapat dipantau. Mungkin satu cara yang efektif adalah untuk mewajibkan BPR untuk membuat laporan tahunan yang akan dibentangkan kepada Parlimen yang mulia ini. Ini tidak akan menjejaskan *independence* atau *impartiality*, dengan izin, BPR tetapi di sebaliknya ia mungkin memberi keyakinan kepada rakyat bahawa Badan Pencegah Rasuah ini berfungsi dengan cara yang tertentu, berwibawa dan ikhlas. Mungkin juga kerajaan dapat membuat satu kajian tentang cadangan ini dan juga dengan mekanisme atau cara-cara lain supaya integriti BPR dapat dikekalkan dan dipertahankan.

Tuan Pengerusi, saya anggap perkara ini amat penting sebab rasuah inilah yang merosakkan sistem penyampaian, sistem pentadbiran dan sistem penguatkuasaan kita di negara ini. Tuan Pengerusi, seperti mana yang saya janji tadi, pendek sahaja saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

4.16 ptg.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi keizinan saya untuk terlibat sama dalam membahaskan perkara berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri. Saya ada dua sahaja isu berkenaan

perkara Jabatan Perdana Menteri. Perkara yang pertama ialah berkenaan dengan Maksud Bekalan B.6, Butiran 050300 berkenaan dengan elaun bagi imam-imam masjid di bawah agensi kerajaan negeri dan daerah.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa menurut garis panduan pembayaran imbuhan bulanan masjid qariah bahawa imam-imam yang bertugas di masjid negara, masjid negeri, masjid daerah, masjid jajahan, masjid bahagian bagi negeri-negeri Sarawak sahaja, masjid diraja, masjid bandar, masjid institusi, madrasah, masjid sementara, surau solat Jumaat dan surau-surau biasa tidak dibayar elaun bagi imam-imam masjid ini. Ini dinyatakan di bawah perkara 3.3.1 garis panduan berkenaan. Soalan saya Tuan Pengerusi, apakah bezanya imam-imam yang dinyatakan bagi masjid-masjid berkenaan terutama sekali imam-imam yang bertugas di masjid-masjid institusi atau madrasah atau masjid yang mengerjakan solat Jumaat.

Dalam masa yang sama kita sering menyatakan bahawa kita ingin meningkatkan peranan-peranan masjid di dalam institusi masyarakat sebagai satu institusi yang boleh meningkatkan atau menghapuskan masalah sosial di kalangan masyarakat setempat. Tetapi dengan pengecualian ini saya dapati bahawa terdapat ramai imam yang melibatkan diri secara sukarela asalnya mempunyai nilai moral yang rendah akibat tidak diberikan apa-apa perhatian oleh pihak JAKIM.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyatakan bahawa bukan sahaja imam, malah imam kedua yang bertugas di masjid-masjid institusi ini tidak dibayar apa-apa elaun. Mungkin alasan yang diberikan oleh JAKIM ialah imam-imam ini dibayar gaji oleh institusi-institusi berkenaan, oleh pejabat-pejabat di negeri-negeri berkenaan atau di perbandaran berkenaan. Tetapi ada pula imam-imam yang bertugas secara imam kedua dalam masjid itu tidak mendapat apa-apa bayaran. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak JAKIM berkenaan perkara ini.

Perkara yang kedua Tuan Pengerusi ialah berkenaan dengan hal wakaf. Menurut Butiran 210000, JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) melalui baitulmal juga terlibat dalam pembangunan tanah wakaf dan tanah pusaka.

Sementara itu Jabatan Wakaf, Zakat dan Urusan Tabung Haji sebagai salah satu lagi jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri juga berfungsi untuk membantu dan menyelaraskan serta menyeragamkan urusan yang berkaitan dengan zakat dan wakaf. Persoalannya Yang Berhormat Tuan Pengerusi, mengapakah dua jabatan ini mempunyai fungsi yang bertindan yang hampir sama, yang kelihatannya mempunyai tugas dan fungsi yang seragam.

Soalan yang ingin saya timbulkan ialah, walaupun dua jabatan terlibat di dalam urusan wakaf dan zakat banyak tanah wakaf terbiar tidak dipedulikan di seluruh negara. Banyak tanah wakaf tidak didaftarkan menurut undang-undang tanah atau undang-undang yang bertulis yang terpakai di negara ini. Banyak juga tanah-tanah wakaf yang telah diambil semula oleh pewakaf akibat tidak didaftarkan dan tidak direkodkan sebagai tanah wakaf diambil semula oleh waris-waris berkenaan.

Ada juga peristiwa di mana tanah-tanah wakaf yang berpotensi untuk dibangunkan bagi pembangunan masyarakat Islam setempat tidak dibangunkan mengikut potensinya. Tuan Pengerusi saya ingin menyarankan pada jabatan ini untuk menyiapkan laporan penuh dengan terperinci berkenaan dengan seluruh atau kesemua harta-harta wakaf yang didaftarkan, sama ada wakaf persendirian atau wakaf yang telah didaftarkan untuk dibangunkan dan diusahakan supaya ianya dapat menggambarkan pembangunan masyarakat Islam seluruhnya. Itu sahaja Tuan Pengerusi terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

4.22 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. *[Membaca doa]* Allah S.W.T berfirman bulan Ramadhan bulan diturunkan Al-Quran kepada seluruh manusia khususnya kepada umat Islam.

Tuan Pengerusi saya akan bincang dalam B.6, Butiran 050000 dan di bawah Butiran 050300 juga di bawah Butiran 210000. Untuk butiran ini di bawah JAKIM khususnya saya menyentuh dua tiga perkara, pertama sekali saya melihat kepada perkara yang perlu diketengahkan oleh JAKIM iaitu masalah dakwah. Saya melihat dakwah di negara kita ini, akhir-akhir ini barangkali agak lemah ataupun tidak berstrategi kerana kita melihat kepada pelbagai keadaan yang berlaku ajaran sesat, riddah, murtad dan berbagai-bagai lagi yang berlaku di kalangan umat Islam. Saya tidak melihat kepada yang lain, tetapi saya melihat kedalaman di mana dakwah ini kita perlu tekankan kepada dakwah dalaman dan juga dakwah luaran. Kedua-duanya mesti diambil tanggungjawab oleh JAKIM sepenuhnya dengan merancang dan memberi penelitian yang sungguh-sungguh.

Barangkali kalau dapat saya sebut dengan bahasa Arab *[Bercakap dalam bahasa Arab]*, dengan izin iaitu mengharapakan Menteri kita supaya mengambil benar-benar tanggungjawab dan inisiatif supaya dakwah dalaman ini diperkasakan dan juga dakwah luaran juga diperkasakan. Kerana dakwah ini memerlukan kepada tenaga-tenaganya tidak boleh dilepaskan begitu. Barangkali kita boleh persalahkan kepada orang-orang lain kalau tidak kena cara, tetapi kalau kita tidak mengambil bahagian sudah tentu orang lain akan mengambil bahagian. Daripada orang lain mengambil bahagian, maka JAKIM mesti mengambil inisiatif yang sungguh-sungguh supaya ayat Al-Quran yang disebut oleh Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad ini kepada kita daripada seluruh umat Islam *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*. Saya minta supaya JAKIM benar-benar menekankan kalimah “*huduu illasabilirrobika*” ini *[Bercakap dalam bahasa Arab]* kepada mereka Hilal Islam kepada Islam.

Kemudian bila mereka masuk Islam mesti ditarbiahkan mereka dengan tarbiah yang elok, yang baik. Jadi pertama sekali bila menyebut “Hassanah” kemudian yang terakhirnya *[Bercakap dalam bahasa Arab]* sudah tentu kalimah-kalimah ini mesti diperkasakan dan disingkatkan. Dan saya yakinlah dengan kemampuan yang ada walaupun bajet tahunan makin setahun, makin turun makin turun, barangkali kerana kerja-kerja ini tidak dibuat, tidak dilakukan dengan sebaik-baiknya maka kerajaan melihat bahawa bajet itu mesti diturunkan daripada sekian juta kepada sekian juta. Barangkali dua tiga tahun lagi akan menghadapi bajet yang terlalu sedikit kepada JAKIM. Saya minta sangat kepada JAKIM supaya kita guna peruntukan ini kerana *[Bercakap dalam bahasa Arab]*. Kerajaan sekarang ini merupakan *[Bercakap dalam bahasa Arab]*. Ini kaedah usul feqah. Dakwah ini perlu pada kekuatan, kekuatan yang sudah sedia ada sekarang ini.

Sahabat saya daripada Pasir Puteh selalu mewar-warkan Islam Hadhari Islam Hadhari, *[Ketawa]* jadi sekarang inilah masanya saya sebut baru ini, inilah masanya. Dan Menteri yang ada di hadapan saya pada hari ini memang berkebolehan insya-Allah untuk melaksanakannya.

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Ketawa]* Kacau lagi.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Jangan ganggu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi jalan Yang Berhormat ya Jerai terus.

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia bagi, sahabat saya. Sama-sama. Saya amat bersetuju Yang Berhormat kita meletakkan dakwah kepada JAKIM. Apakah kita sama-sama Yang Berhormat sebagai pemimpin boleh juga berpakat dan bermuafakat untuk kita berdakwah. Dan kita anggap ini sebagai satu perjuangan untuk mengubah minda masyarakat orang Islam dan juga masyarakat Malaysia majmuk ini. Jadi apakah Yang Berhormat bersetuju supaya corak dalam perjuangan dalam parti Yang Berhormat kita pinda sedikit supaya daripada kita bertengkar antara satu sama lain, di mana kami selalu diserang menjadi kepada kita

bermuafakat seperti ayat Yang Berhormat kata tadi untuk kita mempertingkatkan dakwah kita. Yang Berhormat bersetuju tidak dengan saya?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita bermuafakat pada perkara-perkara yang kita boleh bermuafakat pada perkara-perkara yang tidak boleh bermuafakat, dua perkara sama ada kita bincang ataupun kita senyap. Tidak boleh bincang kita senyap pada perkara-perkara yang kita boleh bermuafakat hari ini kita bermuafakat. Kelmarin tentang takziah kepada isteri Perdana Menteri kita bermuafakat, kita bermuafakat semua mengatakan bahawa Perdana Menteri kita dalam keadaan kerunsingan kita mengucapkan takziah dan dengan penuh kesabarannya. Dan begitu juga masalah-masalah ini yang saya katakan tadi, bahawa kerajaan dan Menteri sendiri perlu mengambil tanggungjawab dengan sungguh-sungguh sebelum dari 'qursah' ini ataupun masa ini hilang [*Bercakap dalam bahasa Arab*] kita rebut sungguh masa yang ada di hadapan kita ini jangan dia terbiar begitu membabitkan anak muda kita dan banyak pihak lain tersasul dengan kita tidak mengambil tanggungjawab ini.

Oleh hal yang demikianlah saya menyokong apa yang disebut Pasir Putih tadi bukan sahaja tarunum Al-Quran, tetapi kita mesti ada sekolah dakwah. Daripada sekolah inilah melahirkan *daii-daii*. Kalau Kristian misalnya ada *missionary* dia, agama-agama lain ada *missionary* dia, mengapa kita orang Islam dan kita diberi kuasa dengan dicatat dalam Perlembagaan bahawa agama Islam adalah agama rasmi. Mengapa kita tidak mengambil kesempatan ini sungguh-sungguh. Setidak-tidaknya jangan biarkan orang yang tidak beragama itu biarkan dalam keadaan begitu biar mereka beragama apa lagi dengan beragama Islam. Semua mengatakan Perdana Menteri kita sebut bahawa dalam tilawah atau dalam apa [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Islam tinggi dan tidak ada suatu yang lebih tinggi daripada Islam.

Melaksanakan, mengotakan ini lebih penting daripada kita melalukan gimik politik misalnya sebagaimana kata Tanah Merah tadi. Saya kesal dengan apa yang disebut Tanah Merah kerana menyebut bahawa orang Kelantan membesarkan orang Kelantan keluar daripada Kelantan. Biasa, bila anak sepuluh tidakkan hendak duduk sebuah rumah, anak dua belas kita akan buat rumah lain menunjukkan bahawa kita kaya. Bila orang kata ramai, 1.4 juta tidakkan hendak duduk di Kelantan mesti mereka akan berhijrah dan sebagainya. Ini adalah tuntutan agama [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] dalam Al-Quran mengatakan, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] hendaklah kamu berhijrah. Apakah Tanah Merah berani menyangkal ayat Al-Quran ini. Hendaklah kamu berhijrah [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] kamu akan mendapati kelekaan yang begitu luas.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pasir Putih bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan tadi dia bagi jalan Yang Berhormat, ya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas, Tuan Pengerusi sebab dia beri laluan. Sebenarnya Yang Berhormat bagi Tanah Merah itu tidak salah, dia bukan silap, dia pakai nabi kata [*sambil menyebut sepotong hadis*] , sebab dia kata bila Mekah ditakluki balik tidak boleh hijrah lagi. Sebenarnya hijrah kita di Kelantan ini untuk membina ekonomi. Cuma setuju atau tidak Yang Berhormat, JAKIM telah berjaya dalam dakwahnya, dia ada pusat latihan dekat Bangi, sebab itulah bajet turun bab dakwah ini kerana kita sudah berjaya. Dia lain pada bajet pembangunan lain. Kalau pembangunan lain, dia hendak buat lagi dan tambah bajet, kita dakwah ini kalau berceraai kurang, maksiat kurang, kemudian orang dia sedar tidak lagi menyeleweng akidah, dia kurangnya bajet itu. Bagi saya kurang itulah berjaya, macam mana pandangan?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya rasa saya sebaliknya, bila bajet itu dikurangkan, kita merasakan bahawa dari segi pengurusannya tidak lancar, daripada bagi duit. Sudah habis, baik tarik duit begitu. Saya pergi ke bahagian kedua iaitu pembangunan keluarga, JAKIM

Dr. Mohd Hayati bin Othman [Pendang]: [*Bangun*]

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sila.

Dr. Mohd Hayati bin Othman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Berhubung dengan dakwah tadi kalau kita lihat daripada sebelum ini kita tengok PERKIM adalah satu institusi yang diberi macam anak emas kepada konsep dakwah ini

tetapi sekarang ini nampaknya PERKIM ini macam dianaktirikan. Kebanyakan PERKIM di mana-mana negeri pun kita nampak kurang mendapat perhatian dan bantuan daripada kerajaan. Jadi minta Yang Berhormat ulas sedikit.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sepatutnya kerajaan mengambil tanggungjawab kepada PERKIM dengan sepenuhnya, saya lihat sekarang ini Kerajaan Kelantan yang lebih utamakan kepada PERKIM dengan bagi tanahnya dengan bagi peruntukannya dengan bagi kawasannya dan bagi banyak keistimewaan kepada PERKIM yang pergi ke negeri Kelantan dan Alhamdulillah di negeri Kelantan memasuki Islam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ada satu *point* lagi, ini yang paling penting Tuan Pengerusi, satu sahaja. Saya tinggal yang itu dan saya masuk yang terakhir sekali iaitu kepada 100000 iaitu bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Saya melihat kepada Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan bidang kuasanya pula terhad. Daripada kita merdeka sampai sekarang ini lebih daripada 48 tahun kita merdeka tetapi bidang kuasanya masih lagi berlegar kepada dua, tiga perkara. Pertama sekali kepada nikah (kahwin) dan kepada talaq (penceraian) dan kepada hadanah, tiga perkara itu sahaja. Apakah menteri yang saya yakin dengan kemampuan menteri. Kalau dahulu banyak dalam sidang Parlimen yang lepas. Bila saya kemukakan ini, jawapan menteri sendiri pada waktu itu mengatakan bahawa kita tidak ada dan cukup itu ini dan sebagainya dan sekarang ini saya yakin dengan Dato' Menteri kita yang mampu insya-Allah mengemukakan yang lebih daripada tiga perkara tadi, bidang kuasa mahkamah syariah terlalu sempit kepada Kanun Ahwashashiah bin Muslimin, ataupun akta Keluarga Islam.

Terlalu sempit hanya di bidang pernikahan, penceraian dan kemudian hadanah. Kemudian ada sedikit dibincangkan baru ini, dua, tiga perkara masalah Albaiunaih Wasshira' tetapi banyak lagi perkara-perkara yang masih tidak disentuh dan apa yang disebut oleh Ketereh baru-baru ini benar-benar mencabar. Bagaimana seorang Islam mengakui dia sudah keluar daripada agama Islam untuk melepaskan diri daripada tindakan, kita tidak ada peruntukan Yang Berhormat.

Jadi kita hendak tunggu bila lagi? Saya yakin sebelum daripada penggal ini dan sebelum kita keluar daripada Dewan ini kita tidak tahu, kita mati bila, Yang Berhormat mati bila, saya mati bila, Tuan Pengerusi mati bila, kita tidak tahu....

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [Ketawa] Lambat lagi!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin saya tidak mahu mati.

Tuan Haji Ismail bin Noh: [Ketawa]mati juga! Tuan Pengerusi mati juga dalam golongan [sambil menyebut ayat Al-Quran]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Jadi apa yang saya ingin tekankan di sini supaya dimasukkan juga masalah riddah, dimasukkan masalah syurbulham, dimasukkan juga masalah As-Zina kerana benda-benda ini benda penting yang disebut oleh Allah SWT dalam Al-Quran [Sambil menyebut ayat Ar-Rahman] Jadi tidak ada sebab. Sedangkan yang lain kita buat kereta Proton Saga, kita boleh buat, itu kita boleh buat, ini kita boleh buat untuk menangani keadaan yang berlaku di negara kita ini kita cuba sekali dengan melaksanakan hukum Islam yang lebih luas daripada apa yang dilaksanakan sekarang ini di Wilayah Persekutuan di lain-lain negeri termasuk di wilayah dan tidak wilayah.

Saya berharap [Sambil menyebut sepotong ayat Al-Quran] Insya-Allah dengan izin, saya mengharapkan menteri yang berada sekarang ini mengambil

tanggungjawab sungguh-sungguh kerana dia adalah *Mas'uliyah* [*Sambil menyebut sepotong ayat Al-Quran*] sebelum daripada kita meninggal dunia, sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa ramai lagi?

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 4, 6...Yang Berhormat saya cuba....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ada yang berucap tiga hari oohh!

Tuan Lim Hock Seng: [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, siapa luluskan tiga hari?

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh timbang tidak pasti, boleh lulus, semalam satu hari, hari ini dua hari, saya terpaksa tutup pada hari ini, Yang Berhormat bagi Kudat, sila.

4.35 ptg.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin hanya menyentuh beberapa butiran sahaja, butiran yang pertama ialah unit penyelarasan pelaksanaan UPP ataupun ICU 03030000. Saya ingin menyentuh tentang butiran ini ialah kerana memang tidak dapat nafikan ICU telah melaksanakan banyak tanggungjawab khususnya untuk membantu masyarakat luar bandar dan melaksanakan projek-projek kerajaan dan telah membantu untuk memajukan masyarakat luar bandar tetapi saya ingin mengetahui tentang satu projek yang telah diluluskan oleh kerajaan khususnya Perdana Menteri bagi kawasan saya yang telah diluluskan lebih kurang setahun yang lalu iaitu pembinaan sebuah masjid bagi daerah Pitas bernilai RM1.2 juta.

Kelulusan ini telah dibuat pada lebih kurang satu tahun lebih yang lalu dan saya telah menulis surat beberapa kali kepada pihak pelaksana khususnya Jabatan Pembangunan Persekutuan yang di bawah seliaan Unit Penyelarasan Pelaksanaan dan mereka telah melaksanakan dan memberitahu kepada saya bahawa perkara-perkara tertentu telah pun dilakukan untuk memastikan pelaksanaannya tetapi apa yang dan saya telah pun menulis beberapa kali kepada mereka dan memperingatkan tentang pelaksanaan projek ini tetapi malangnya sehingga hari ini belum ada lagi tindakan yang dapat dilihat yang mana kontraktor-kontraktor sudah dilantik ataupun usaha-usaha pekerja sudah dimulakan.

Saya minta kepada pihak atau pegawai-pegawai yang tertentu yang bertanggungjawab dalam soal ini supaya dapat menyiasat perkara ini dan memberikan jawapan mudah-mudahan projek ini akan dapat dilaksanakan secepat yang mungkin.

Yang kedua ialah berkaitan dengan integrasi nasional. Seperti mana yang kita tahu, negara kita adalah negara yang berbilang kaum dan negara kita juga adalah berbilang wilayah. Bayangkan bagi sebuah negara seperti Malaysia bagi rakyat dari Sabah dan Sarawak mereka terpaksa seolah-olah mereka untuk kembali ke tempat mereka ke kampung halaman mereka, mereka terpaksa memakan masa yang agak begitu lama dan terpaksa mengambil penerbangan melebihi dua jam yang kadang-kadang negara-negara jiran adalah lebih dekat daripada kita kalau kita ke Jakarta misalnya *it takes only about one hour 45 minutes* tetapi untuk ke Kota Kinabalu kita akan terpaksa mengambil masa 2 jam setengah.

Itulah masalah yang timbul daripadanya kerana disebabkan wujudkan pemisahan wilayah ini menyebabkan wujudnya pelbagai sentimen-sentimen dan perkara-perkara yang tidak akan menyumbang kepada usaha untuk menyatupadukan masyarakat negara kita. Sebab itu saya minta daripada apa yang saya lihat usaha-usaha yang telah dibuat oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional adalah agak begitu terbatas kerana apa yang saya lihat dan apa yang sering diketengahkan ialah aktiviti-aktiviti Rukun Tetangga dan memang tidak dapat dinafikan Rukun Tetangga ini memang mempunyai peranan yang besar dalam usaha untuk memajukan integrasi masyarakat kita tetapi saya fikir ada perkara-perkara lain yang lain lebih besar daripada itu misalnya dalam usaha untuk meningkatkan kempen-kempen dan juga

meningkatkan rancangan-rancangan televisyen yang menggambarkan kaum-kaum dan masyarakat. Bukan sahaja kaum-kaum masyarakat di Sabah dan Sarawak tetapi juga daripada Semenanjung iaitu satu pendedahan yang boleh memberikan kefahaman kepada masyarakat di seluruh Malaysia dan dengan sendirinya akan meningkatkan juga perasaan dan sentimen yang boleh meningkatkan perpaduan negara.

Selain daripada itu kita juga harus meningkatkan keupayaan untuk pertukaran *visitation exchange* di antara rakyat. Kalau misalnya pada masa-masa yang lalu telah ada usaha-usaha yang dibuat untuk mengembalikan perkhidmatan feri tetapi nampaknya tidak begitu berjaya kerana mengikut kajian yang telah dibuat bahawa terdapat banyak halangan dan juga kos yang terlibat. Tetapi pada hari ini kita juga banyak kemudahan-kemudahan seperti perkhidmatan penerbangan tambang murah. Apa yang kita mahu di sini ialah supaya Jabatan Perpaduan Negara haruslah meningkatkan usaha-usaha untuk menghantar pemimpin-pemimpin masyarakat misalnya daripada Sabah dan Sarawak untuk datang ke Semenanjung dan demikian juga pemimpin-pemimpin seperti penghulu dan juga Pengerusi JKKK dan pemimpin-pemimpin yang penting di peringkat akar umbi supaya dapat berpeluang untuk melawat ke kawasan Sabah dan Sarawak, bukan sahaja ke kawasan-kawasan bandar tetapi juga ke kawasan-kawasan luar bandar supaya mereka dapat menghayati dan memahami adat resam masyarakat di sana dan ini dengan sendirinya akan meningkatkan integrasi nasional.

Saya percaya dengan membelanjakan wang yang begini tidak akan merugikan apa-apa kepada kerajaan ataupun negara kita kerana walaupun ianya tidak bersifat kuantitatif tetapi ianya adalah bersifat kualitatif yang sudah tentu akan memberikan keutuhan kepada persatuan bangsa negara kita.

Demikian juga misalnya, usaha-usaha untuk meningkatkan *inter-marriage* antara masyarakat dan kaum. Seperti mana yang kita tahu dengan usaha *inter-marriage* ini sudah tentu akan memberikan sesuatu walaupun perkahwinan adalah merupakan satu perkara pilihan di dalam hidup tetapi sekiranya ada galakan-galakan yang dibuat oleh masyarakat atau kerajaan untuk menggalakkan *inter-marriage* dalam bentuk memberikan misalnya, pelepasan cukai kepada mereka yang terlibat di dalam *inter-marriage* ini kerana *inter-marriage* ini sudah tentu akan melahirkan satu generasi bangsa Malaysia yang memiliki perspektif yang berbeza berbanding dengan masyarakat yang terlalu mempertahankan identiti bangsanya atau identiti sesuatu kaum.

Kita mengharapkan satu masa dan satu ketika nanti bahawa rakyat Malaysia yang bersatu padu akan mewujudkan satu bangsa Malaysia yang benar-benar setia dan juga benar-benar mempunyai identiti masyarakat negara kita.

Satu lagi saya ingin menyentuh tentang butiran 020000 iaitu Unit Perancang Ekonomi. Seperti mana yang kita ketahui pada ketika ini era globalisasi adalah merupakan satu perkara yang begitu penting di dalam dunia ini sehingga tidak ada lagi sempadan di antara negara kerana disebabkan kecekapan dari segi *transportation* dan juga pergerakan modal telah menyebabkan dunia sudah semakin kecil. Tetapi apa yang menjadi kebimbangan kepada saya ialah dari segi keutuhan ekonomi negara kita. Kita harus berusaha untuk meningkatkan *competitiveness* negara kita kerana kalau kita tidak mampu untuk meningkatkan *competitiveness* rakyat kita dan juga pekerja-pekerja kita, penghasilan kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Maka kita tidak akan dapat bersaing dengan negara-negara yang lain dan usaha-usaha ini harus dibuat daripada sekarang, misalnya untuk mempertingkatkan bagaimana keupayaan, khususnya modal insan di negara kita.

Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

4.44 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada B.6, Jabatan Perdana Menteri, 010500 – Biro Tata Negara, 020000 – Unit Perancangan Ekonomi, B.4, Suruhanjaya Pilihan raya dan B.1, Parlimen.

Tuan Pengerusi, saya ingin minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk memberitahu Dewan yang mulia ini tentang apakah isi kandungan latihan yang dianjurkan oleh Biro Tata Negara. Saya terima aduan daripada belia yang pernah menyertai latihan atau Kursus Biro Tata Negara, mereka kata sesetengah pelatih di Biro Tata Negara menyebarkan ajaran atau fikiran yang melampau mengenai agama dan perkauman kepada peserta. Mereka diberi ajaran yang hanya mengagung-agungkan sesuatu kaum dan agama tetapi menyisihkan agama dan kaum yang lain di negara kita.

Tuan Pengerusi, saya minta menteri menjelaskan tentang objektif dan tujuan asal kerajaan untuk menubuhkan Biro Tata Negara dan sama ada kerajaan memantau kurikulum dan pelatih dalam biro ini. Saya difahamkan latihan Biro Tata Negara ini hanya diberi kepada pelajar kaum Melayu di kampus universiti dan ia tidak terbuka kepada kaum lain. Para pelajar dipilih untuk "cuci otak" selama seminggu di luar kampus supaya mereka dijadikan budak baik ataupun "pak turut" kepada kerajaan.

Kerajaan telah berkali-kali bertanya mengapa kita masih tidak dapat mencapai perpaduan nasional dan setelah kita merdeka selama 48 tahun, malah kerajaan mengadakan Latihan Khidmat Negara untuk menyatupadukan pemuda-pemudi daripada pelbagai kaum. Selain itu RTM juga pernah mengadakan program Debat Perdana dengan menjemput ahli politik dan pakar-pakar sosial untuk membahaskan tentang isu perpaduan kaum dan juga satu Jawatankuasa Pilihan Khas telah pun ditubuhkan di Parlimen kita untuk mengkaji masalah tentang perpaduan kaum.

Soalannya, bukankah kurikulum dan dalam Biro Tata Negara yang keterlaluan ini bercanggah dengan dasar kerajaan yang ingin memupuk perpaduan nasional? Kenapakah kerajaan masih membiarkan ajaran yang melampau ini dan merosakkan hubungan kaum ini jika di Biro Tata Negara diteruskan?

Tuan Pengerusi, saya ingin bangkitkan satu isu yang mana saya telah bangkitkan dua, tiga kali setahun dan sudah hampir habis tahun di Dewan ini iaitu tentang isu penjualan rumah kepada penduduk setinggan KL Linear City yang telah berpindah demi membuka jalan kepada Projek KL Linear City yang terbengkalai pada tahun 1996. Kesemua penduduk setinggan yang terlibat diberi dua pakej pampasan pilihan iaitu wang tunai RM22,000 ataupun rumah kos rendah yang luasnya 650 kaki persegi dibina di Lot PT4813, Bukit Jalil dengan dijual kepada mereka dengan harga RM45,000.

Dua ratus keluarga yang pilih pakej pampasan rumah, mereka menandatangani kontrak yang begitu menarik sekali di mana mereka diberi elaun pemindahan RM1,000 dan sewa bulanan RM300 sehingga rumah pangsa tersebut diberi CFO tetapi malangnya Projek KL Linear City terbengkalai dan kontrak mereka yang disaksikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Kerajaan Persekutuan pun disia-siakan.

Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Pandikar Amin Haji Mulia dan bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shaid Mohd Taufek pernah memberitahu para penduduk setinggan KL Linear City dalam satu perjumpaan dengan mereka pada 8 Januari 2002 bahawa EPU akan membina dan menjual unit rumah kos rendah yang berharga RM42,000 kepada mereka pada tahun 2003. Tetapi malangnya janji bekas menteri dan bekas Datuk Bandar ini menjadi janji kosong sehingga hari ini.

Pada Oktober 2003, para penduduk setinggan KL Linear City ini diberi surat jaminan tawaran rumah oleh DBKL dengan sokongan daripada EPU bahawa EPU akan membina rumah kos rendah kepada mereka sementara menunggu rumah mereka, para penduduk setinggan ini ditawarkan untuk menyewa rumah pangsa kos rendah (PPR). Soalan yang ditanya-tanya oleh para penduduk setinggan KL Linear City ini ialah di manakah rumah pangsa yang dijanjikan oleh EPU dan DBKL kepada mereka? Bilakah kerajaan akan menunaikan janji kepada golongan setinggan ini? Saya berharap Menteri di Jabatan Perdana Menteri boleh memberi satu jawapan yang memuaskan kepada kami supaya ia dapat dipanjangkan kepada para penduduk setinggan ini.

Tuan Pengerusi, jika kita berbanding dengan agensi kerajaan yang lain, Suruhanjaya Pilihan Raya merupakan agensi yang paling *relax* sekali kerana pilihan raya mungkin akan hanya dijalankan dalam akhir tahun 2007 ataupun 2008. Setelah berlakunya kekecohan dalam pendaftaran pemilihan dalam Pilihan Raya Umum yang lepas, saya ingin tanya, apakah langkah yang diambil oleh SPR untuk membetulkan masalah

pengundi yang dipindahkan ke kawasan lain dan membersihkan daftar pemilih kita memandangkan ramai pengundi kita masih belum mendaftar sebagai pengundi, saya menyeru supaya SPR mengambil inisiatif untuk menjalankan pendaftaran di tempat awam dan kampus.

Tuan Pengerusi, mengenai Parlimen, saya mengalu-alukan usaha kerajaan untuk menubuhkan lebih banyak Jawatankuasa Pilihan Khas supaya Ahli Parlimen diberi peranan untuk menggubal atau meminda undang-undang dan dasar. Saya merasa amat bermakna untuk berada di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas yang mengkaji *Penal Code* dan *Criminal Procedure Code*. Saya mencadangkan supaya Ahli Parlimen yang terlalu sibuk tidak harus dipilih sebagai anggota Jawatankuasa Pilihan Khas. Contohnya Yang Berhormat bagi Cameron Highlands dipilih dalam dua Jawatankuasa Pilihan Khas, selain itu beliau juga selalu dipilih menyertai rombongan kerajaan dan rombongan Parlimen ke luar negeri sehingga beliau selalu tidak dapat menunaikan tanggungjawabnya, khususnya dalam Jawatankuasa Pilihan Khas yang mengkaji *Penal Code* dan CPC.

Saya juga mencadangkan supaya anggota Jawatankuasa Pilihan Khas juga harus menunjukkan sikap yang terbuka terhadap kesemua pandangan yang berbeza yang dibentangkan kepada mereka dan menggalakkan perbincangan di antara anggota jawatankuasa dengan pembentang. Saya pernah membentangkan pandangan di Jawatankuasa Perpaduan Nasional dan Latihan Khidmat Negara dan saya mendapati dalam Jawatankuasa ini, pembentang selalu digesa untuk mempercepatkan pembentangan mereka dan tiada interaksi atau perbincangan diadakan kerana kesuntukan masa. Ini adalah jauh berbeza dalam keadaan di Jawatankuasa Pilihan Khas bagi mengkaji *Penal Code* dan CPC, yang mana saya seorang ahli.

Tuan Pengerusi, kita telah banyak membincangkan tentang perlunya Parlimen kita lebih terbuka kepada orang awam dan kita juga pernah mendengar Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan Barisan Nasional yang mencadangkan *webcasting* diadakan, di mana sidang Parlimen kita disiarkan melalui *webcasting*. Saya hendak tanya, cadangan ini telah pun dibuat selama beberapa bulan, kenapa ini tidak diadakan dalam sidang ini. Apakah kebimbangan kerajaan terhadap cadangan siaran langsung sidang Parlimen....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Gulung. Tuan Pengerusi, saya berharap Parlimen kita akan menjadi lebih mesra rakyat. Selalunya kita memberi terlalu banyak penekanan terhadap kod pakaian sehingga ramai orang awam tidak dapat masuk ke bangunan Parlimen kita. Pada awal tahun ini, apabila Jawatankuasa Pilihan Khas kita melawat Parlimen New Zealand, saya berasa hairan melihat, ada lelaki yang memakai *singlet* dan juga seluar pendek juga dibenarkan masuk untuk menyaksikan sidang Parlimen di Parlimen New Zealand. Saya tidak mencadangkan bahawa Parlimen kita memberi kelonggaran sehingga tahap ini, tetapi saya rasa kita haruslah lebih relax terhadap isu kod pakaian.

Di Australia, Parlimen di Canberra telah dijadikan sebagai tapak pelancongan dan Parlimen tersebut juga banyak mengadakan kursus khas dan memberi latihan kepada orang awam dan pelajar tentang fungsi Parlimen dan sistem demokrasi. Saya berharap bahawa Parlimen kita diberi lebih kakitangan supaya kita juga boleh mengadakan kursus dan latihan seperti ini kepada orang awam dan juga pelajar. Dengan itu, saya turut menyokong juga seruan untuk pemulihan *Parliamentary Services Act* yang telah pun dibentangkan oleh Ketua Pembangkang dan Ahli-ahli Parlimen yang lain.

Akhirnya, saya juga menyokong pandangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan Yang Berhormat bagi Batu Gajah sebelum ini yang mana sensitiviti terhadap orang bukan Islam juga harus dijaga. Ini termasuk pelajar di Universiti Islam Antarabangsa dan pegawai wanita bukan Islam di Parlimen kita tidak harus disuruh untuk pakai tudung kerana ini bukannya tradisi Parlimen kita.

Saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya menyelesaikan masalah tempat letak kereta yang begitu tidak cukup di Parlimen kita untuk menyelesaikan masalah kita semua. Akhirnya ialah saya berharap Menteri di Jabatan Perdana Menteri juga boleh memberitahu kepada Dewan ini, tentang Dasar I Automobil

Negara yang telah pun dibangkitkan beberapa kali di surat khabar. Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya ingin maklumkan ada empat Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan menjawab. Saya akan tutup perbahasan pada jam 5.15 petang supaya sekurang-kurangnya seorang menteri dapat diberi peluang menjawab. Jadi Yang Berhormat, saya....

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah, banyak sudah diperbahas, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Setiap orang lima minit, sampai 5.15 petang saya akan tutup.

4.54 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya akan bercakap mengenai Jabatan Perdana Menteri B.6, Butiran 030000 - ICU dan juga Butiran 070000 - MAMPU dan B.9 - Badan Pencegah Rasuah dan Butiran 030200 - Operasi. Seperti yang kita sedia maklum bahawa ICU memainkan peranan yang cukup penting dalam memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Di peringkat negeri wujud Jawatankuasa Penyelarasan Projek-projek Pembangunan dan di peringkat daerah wujud Jawatankuasa Tindakan Daerah. Dahulu wujud Jawatankuasa Perancangan Daerah, tetapi hari ini sudah digabungkan dengan Jawatankuasa Tindakan Daerah. Di sesetengah negeri dan juga di sesetengah daerah, semua jabatan dan agensi kerajaan duduk dalam Jawatankuasa Tindakan daerah dan di Selangor, khususnya di Kuala Selangor di bawah Jawatankuasa Tindakan Daerah wujud Jawatankuasa Tetap di mana Jawatankuasa Tindakan Daerah dikecilkan dan Jawatankuasa Tetap mengikut sektor diwujudkan selari dengan kehendak kerajaan negeri. Apa yang saya hendak perkatakan di sini ialah soal pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

Kita sedia maklum bahawa Jawatankuasa Tindakan Daerah yang dipengerusikan oleh pegawai daerah yang pada waktu yang sama, pegawai daerah mempengerusikan terlalu banyak, jawatankuasa di peringkat daerah. Jadi tumpuan perbincangan dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah tidak dapat mengambil kira soal perancangan dan pelaksanaan yang perlu dilaksanakan secara *integrated* di mana konsep *regional planning and implementation* tidak dapat dilaksanakan secara terperinci dalam membangunkan sesuatu kawasan yang melibatkan banyak jabatan dan agensi kerajaan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya diwujudkan sebuah Jawatankuasa Kemajuan di setiap kawasan Parlimen dengan tujuan untuk membantu mengemaskinikan peranan yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah seperti yang telah dilakukan oleh beberapa buah kementerian. Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah dibentuk di mana Ahli Parlimen menjadi Pengerusi.

Begitu juga cadangan Kementerian Pertanian untuk mewujudkan Jawatankuasa Pertanian di setiap kawasan Parlimen yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen. Begitu juga Jawatankuasa Pembangunan Usahawan yang saya difahamkan juga akan dipengerusikan oleh Ahli Parlimen. Jadi dengan terbentuknya Jawatankuasa Kemajuan di setiap kawasan Parlimen, maka kita dapat merancang, menyelaras, melaksanakan, memantau dan menilai segala projek-projek yang dilaksanakan atau dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Dan amat sesuai sekali sebagai anggota Parlimen yang menggubal dasar dan meluluskan bajet, kita diberi tanggungjawab untuk membantu Kerajaan Pusat memastikan kelicinan dan keberkesanan matlamat pencapaian kewangan dan pencapaian fizikal projek-projek yang dirancang dapat dilaksanakan secara berkesan.

Perkara kedua yang saya hendak bangkitkan adalah menyentuh juga soal *delivery system* seperti yang saya sebutkan tadi. Sistem penyampaian adalah cukup penting dan Institusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung adalah merupakan institusi yang dipertanggungjawabkan di peringkat akar umbi. Jadi hari ini tidak ada satu kaedah yang seragam dari segi pelantikan, pentadbiran dan soal

kewangan yang saya fikir, di seluruh negara kita patut mengadakan satu garis panduan yang jelas agar Institusi JKKK ini dapat diperkukuhkan dan diperkasakan. Apatah lagi Pengerusi JKKK iaitu ketua kampung juga perlu dimartabatkan agar peranan ketua-ketua kampung ini yang saya kira, menjadi *one stop* di peringkat akar umbi dapat memikul tanggungjawab dengan baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Sedikit lagi Tuan Pengerusi. Dari segi elaun, elaun ketua kampung, elaun ahli JKKK juga perlu dikaji semula dan akhirnya Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap soal Badan Pencegah Rasuah.

Kita sedia maklum bahawa Badan ini cukup penting bagi memastikan kredibiliti dan kewibawaan kerajaan dapat dipertahankan. Apa yang saya lihat, ada kes-kes mungkin berlaku penyalahgunaan kuasa ataupun rasuah di peringkat jabatan dan agensi. Umpamanya, dalam isu tanah. Pemberian TOL, atau geran tidak dapat dilaksanakan kerana ada aduan daripada pelbagai pihak termasuk rakyat sehinggakan permohonan tanah daripada TOL untuk diberikan geran tertangguh sekian lama kerana fail ini terpaksa diambil oleh BPR.

Dan saya dapati ada kes, umpamanya, dalam kes penempatan berkelompok TOL, Kampung Pecah Batu di Batang Berjuntai, fail, disimpan oleh pihak BPR selama lima tahun dan ini mengendalakan urusan selanjutnya mengenai tanah penduduk berkenaan yang setiap kali pilihan raya menjadi isu yang dibangkitkan oleh rakyat. Itu sahaja, Tuan Pengerusi terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini Yang Berhormat bagi Rembau, sila.

5.03 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya Cuma hendak menyentuh mengenai Jabatan Perpaduan Negara,...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ringkaskan ya. Sebab saya terpaksa tutup 5.16.

Dato' Firdaus bin Harun: ...Bahagian Pengurusan Hartanah dan juga Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya Jabatan Perpaduan Negara menubuhkan skim-skim Rukun Tetangga di semua-semua taman perumahan memandangkan skim ini sangat baik dalam usaha bukan sahaja menyatupadukan rakyat setempat tetapi juga dalam usaha-usaha menjaga keselamatan penduduk berkenaan.

Dalam masa yang sama, saya juga mencadangkan supaya tiap-tiap taman digalakkan mengadakan rondaan sukarela supaya ini akan dapat membantu pihak polis membanteras jenayah yang sekarang ini agak menjadi-jadi. Tapi dalam masa yang sama untuk membolehkan penyertaan yang menyeluruh daripada penduduk-penduduk adalah disarankan supaya kakitangan kerajaan ataupun pekerja syarikat swasta diberi cuti tanpa rekod supaya dengan ini sebagai satu galakan kepada mereka. Mengenai Bahagian Pengurusan Hartanah, saya difahamkan Kerajaan Persekutuan mempunyai banyak tanah di seluruh negara, termasuklah kuarters-kuarters, tetapi sebahagiannya telah agak usang.

Saya cadangkan peruntukan yang lebih besar diberi untuk penyelenggaraan bangunan-bangunan ini khususnya di bandar-bandar kecil seperti di kawasan saya, Rembau, kuarters kerajaan yang sedia agak uzur untuk diduduki, jadi ini memberikan imej yang tidak baik kepada pihak kerajaan. Kemudian dari segi Unit Penyelarasan Pelaksanaan, saya menyarankan supaya kalau boleh pegawai-pegawai di unit ini di peringkat negeri diperkukuhkan lagi dengan menambah bilangan pegawai-pegawai dan menaik taraf jawatan pegawai-pegawai yang sedia. Sebab kita lihat salah satu kelemahan Rancangan Malaysia Kelapan ialah kerana pemantauan yang mungkin tidak begitu menyeluruh.

Dalam masa yang sama saya mencadangkan supaya ICU menempatkan pegawai-pegawainya ini di peringkat daerah. Sekarang ini ia tidak ada pegawai yang

khusus supaya dengan itu setiap projek kerajaan yang dilaksanakan akan dapat dipantau dengan lebih berkesan dan lebih teliti. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

5.05 ptg.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pada sesi yang lalu, kita diberitahu bahawa Parlimen akan menggaji sepuluh orang *research officer*. Bilakah *research officer* ini akan datang? Dan saya juga sokong pandangan Seputeh bahawa kita perlu *broadcast* Parlimen *sitting* supaya rakyat lebih faham apa yang dijalankan oleh Ahli-ahli Parlimen. Kerana kita diberitahu oleh Pengerusi Gerakan bahawa rakyat memandang bahawa Ahli-ahli Parlimen ataupun Yang Berhormat-Yang Berhormat sebagai *cash machine*, memandangkan mereka boleh memberi bantuan *cash* dan juga Sri Gading juga mengatakan bahawa rakyat selalu datang meminta bantuan kerana mereka tidak faham apa kerja Ahli Parlimen. Kerana seperti hari itu 18 dan 19, Parlimen bersidang sampai pukul 10.00 malam, 11.00 malam dan sampai 12.00 malam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Dua puluh kementerian telah menjawab, tetapi yang keluar di dalam surat khabar antaranya ada dua buah kementerian, atau yang terbanyak sekali Sin Chew Jit Poh melaporkan sembilan buah kementerian. Banyak yang tidak dilaporkan. Oleh itu, mereka tak faham. Jadi saya rasa kita sudah sampai masanya, kita pun sudah ada syarat kerana kita bukan miskin. Negara kita bukan miskin. Bukan ramai yang buta huruf. Bukan ramai yang tidak mempunyai televisyen atau radio. Kalau miskin, kalau tidak ada radio, tidak ada televisyen, *broadcast* pun tak guna. Jadi, adalah kita mesti *broadcast* supaya mengatakan ini Parlimen mulianya, bagaimana pentingnya Parlimen.

Yang kedua saya mahu tanya tentang New National Agenda (NAA) yang dicadangkan oleh Pemuda UMNO dan kemudian dikatakan telah diterima oleh Barisan Nasional. Walaupun mula-mulanya ramai kumpulan parti seperti MCA, Gerakan, pun bantah. Apakah keadaan sekarang? Saya ingin bertanya, saya hendak *quote* lah apa yang dikatakan oleh Dr, Asmah Abdullah, iaitu penulis buku bertajuk "*Going Gloka - Cultural Dimension In Malaysian Management*" yang beliau mengatakan dengan izin, "*NEP has suffered certain abuses and it had pampered the Malays and made them soft instead of implanting survival skills in them. In drafting the new NEP the focus should be less ongoing in giving handouts, and move on giving the recipients who are more qualified for it while ensuring there is some struggle inborn to attend it. During my training session, we employers, the most common complaint most of them have about Malay graduates is that they are lacking in initiative and have to be constantly told to carry out tasks. This is because, they are not taught to initiate anything since everything has always been handout to them.*"

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang kah Yang Berhormat? Panjangkah?

Puan Chong Eng: Ini sahaja. Ini *is the quote* ya. Jadi, apa yang dikatakan oleh bekas Menteri Kewangan, Tun Daim yang juga menyatakan bahawa *solution* untuk, untuk..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat sudah minta menteri menjawab, saya akan maklumkan, saya fikir cukuplah. Kita beri masa kepada orang yang lain.

Puan Chong Eng: Jadi yang penting, yang kata di sini bukanlah ekuiti 30%, tetapi dalam aspek pendidikan. Ini pandangan Tun Daim. Yang terakhir sekali ialah tentang apa yang dikatakan pada pagi ini yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang tentang pelajar di *International Islamic University* yang dikatakan mereka perlu memakai tudung.

Tetapi oleh Fu Ye Jin, pada tahun 2003, apabila perkara ini dikemukakan di dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Batu Gajah, dan *Education Minister*, Timbalan Menteri Pelajaran pada masa itu telah memberi jaminan bahawa itu bukan satu syarat

yang mesti dijalankan. Ia hanya memberi panduan sahaja. Jadi, saya haraplah kerajaan akan menghormati kebebasan semua kaum dan bukan satu kaum sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, dua minit. Dua minit, dua minit.

Tuan Chong Chieng Jen: Kalau Tuan Pengerusi bagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, boleh.

5.08 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya akan teruskan ucapan saya. Walaupun bajet ini telah dianggap sebagai satu bajet untuk kakitangan kerajaan, tapi ada sekumpulan kakitangan di Sarawak telah dilupakan dan diabaikan oleh kerajaan bukan hanya untuk tahun 2006 tetapi sudah *dineglected and forgotten* buat berpuluh-puluh tahun sudah. Mereka itu adalah pekerja-pekerja kerajaan yang dianggap sebagai *daily pay*. *Daily pay*, gaji harian.

Di Sarawak terdapat lebih kurang 2,000 *daily paid* pegawai kerajaan yang di antara mereka, kebanyakan daripada mereka telah menjadi pegawai kerajaan dari tahun 1970-an. Yang ada di sini sekarang mereka ada satu *petition* kepada saya untuk menyuarakan rintihan dan perasaan mereka di dalam Dewan ini. Dan antara kebajikan ada perbezaan dari segi kebajikan yang dinikmati oleh *daily paid* pegawai dan *monthly paid* pegawai. Untuk *daily paid* pegawai mereka akan bersara pada umur 55 tahun sementara sekarang semua pegawai kerajaan akan bersara pada umur 56 tahun. Dan keduanya dari segi pengiraan gaji mereka hari Ahad tidak akan dikira. Dan ketiganya mereka tidak akan layak untuk memohon *housing loan* daripada kerajaan, yang dinikmati oleh semua pegawai kerajaan tetapi untuk *daily paid worker* mereka tidak layak. Dan keempatnya ibu bapa mereka pun tidak layak untuk menikmati *medical benefit* yang diberi oleh kerajaan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini kakitangan Kerajaan Persekutuan ataupun negeri?

Tuan Chong Chieng Jen: Walaupun kebanyakan daripada mereka adalah kakitangan negeri, tetapi di dalam salah satu perancangan adalah penyelarasan dan pembangunan sektor awam.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Maka perkara ini tidak melibatkan apa-apa butiran.

Tuan Chong Chieng Jen: Ada, ada, di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam. Untuk menyelaraskan, membangun dan memberi layanan yang sama kepada segala kakitangan kerajaan. Walaupun mereka itu pegawai-pegawai negeri tetapi mereka dianggap juga sebagai pegawai-pegawai kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.....

Tuan Chong Chieng Jen: Dan oleh itu saya haraplah Kerajaan Persekutuan akan berbincang dengan kerajaan negeri, kerana mereka juga telah menyumbang banyak kepada negara kita dan ada dalam lingkungan ini mereka ada *petition* yang sudah *join the service since 1970's* hingga sekarang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat cukup, jadi supaya Yang Berhormat bagi Bagan dan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam saya boleh berikan mereka sedikit masa untuk menyampaikan masalah mereka.

Tuan Chong Chieng Jen: Okay sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan sila.

5.10 ptg.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi. B.1 Parlimen, fasa satu kerja-kerja pengubahsuaian dan naik taraf bangunan telah dijalankan tetapi mutu kerja dan barangan yang dipamerkan adalah mengecewakan. Misalnya *marble* lantai, saya agak ini menelan perbelanjaan yang tinggi dan sehingga mencecah RM80 juta, tetapi adakah mutu *marble* yang digunakan adalah mutu gred satu atau gred tiga dari segi *uniformity, brightness, color texture* dan *hardness*nya dengan izin. Saya agak ia tidak menepati spesifikasi melainkan ia diterima oleh pihak yang mengelolanya. Mutu kerjanya pun mula menunjukkan....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh sedikit Yang Berhormat bagi Bagan?

Tuan Lim Hock Seng: tidak, tidak ada masa dua tiga minit sahaja, kecacatannya iaitu ia mula melekat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak bantu dia.

Tuan Lim Hock Seng: *Marble* itu dilekat atau.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak ada masa dia tidak ada masa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak bantu dia.

Tuan Lim Hock Seng:ditampal atas jubin yang lama.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada tidak apa.

Tuan Lim Hock Seng:yang sepatutnya perlu dikupas bersih sebelum *marble* baru dilekat ke dinding atau lantai. Berapa jumlahkah perbelanjaan telah ditaksirkan sehingga sekarang dan saya dengar masih ada fasa kedua hendak dijalankan, apa skop-skop kerja yang bakal dijalankan? Tuan Pengerusi ada juga diketahui umum bahawa setiap kawasan Parlimen ada diberikan peruntukan RM500,000 untuk projek-projek kecil dan naik taraf infrastruktur kawasan. Dan Ahli Parlimen Barisan Nasional dibenarkan menentukan projek-projek dan perbelanjaan yang boleh dijalankan.

Saya juga ketahui bahawa peruntukan ini boleh juga digunakan untuk menganjur rombongan lawatan atau melancong ke tempat-tempat seperti Kuala Lumpur dan Genting Highlands. Peruntukan juga boleh diguna pakai untuk membeli kelengkapan atau *office equipment* untuk *office-office* parti politik atau pusat khidmat Ahli Parlimen sendiri. Baru-baru ini ada seorang bekas ADUN didakwa rasuah kerana memperuntukkan RM30,000 kepada sebuah pertubuhan yang tidak wujud. Ini mungkin satu '*tip of the iceberg*' sahaja. Jadi sama ada satu mekanisme untuk mengawal perbelanjaan peruntukan ini supaya ia benar-benar memanfaatkan rakyat. Ahli Parlimen Pembangkang.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Nanti satulah. Ahli Parlimen juga patut diberi kemudahan ini. Yang kedua B.4 - Suruhanjaya Pilihan Raya. Baru-baru ini saya mendengar ada Ahli Parlimen dilantik sebagai Penolong Pendaftar Pemilih. Saya menyeru supaya semua Ahli Parlimen dan wakilnya dibenarkan untuk menjalankan kerja ini tanpa mengemukakan permohonan untuk diluluskan.

Tuan Pengerusi mengapa pendaftaran secara automatik tidak boleh dijalankan atau mewajibkan setiap rakyat yang mencapai umur 21 mendaftar. Sekiranya ia diwajibkan, maka saya rasa semua rakyat akan pergi mendaftar. B.9 - Badan Pencegah Rasuah. Pada masa lampau dan sekarang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah. Ini perkara sudah banyak dibangkitkan. Terima kasih, terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Okay, okay, okay.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam dua tiga minit dan Menteri jawab.

5.16 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sabak Bernam ingin menyentuh dua perkara Maksud B.6 Butiran 040000 dan 040300 - Bahagian Keselamatan Negara. Tuan Pengerusi selagi bekalan dadah penyeludupan dadah boleh masuk ke negara kita, selagi itulah masalah salah guna dadah tidak akan dapat diselesaikan dalam negara kita. Maknanya wawasan negara bebas dadah tahun 2015 akan menjadi ilusi, satu angan-angan sahaja. Oleh kerana itulah kita berharap, Sabak Bernam berharap supaya kerjasama di peringkat sempadan negara kita kerjasama antarabangsa harus dipertingkatkan khususnya bekalan dadah daripada *the golden triangle* dan juga *the diamond triangle*. Dan juga daripada luar negeri, luar negara yang memasuki negara kita melalui darat, laut dan udara. Oleh kerana itulah kerjasama antarabangsa ini harus melibatkan Jabatan Polis, kastam dan imigresen.

Perkara yang kedua Tuan Pengerusi ialah Butiran 010500 - Biro Tata Negara. Sabak Bernam berharap supaya kumpulan sasar belia yang berisiko tinggi anak-anak muda yang berisiko tinggi khususnya belia yang ada rekod polis menjadi bahan percakapan di kawasan masing-masing, belia lepak ini harus dilibatkan supaya jati diri mereka dapat dipertingkatkan. Terima kasih Sabak Bernam menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat Menteri.

5.18 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Tuan Pengerusi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2006 peringkat Jawatankuasa, khususnya menyentuh tanggungjawab Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di bawah kepala-kepala Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat semua.

Tuan Pengerusi di atas matlamat kerajaan untuk meningkatkan dan memantapkan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum negara kita, serta juga sokongan dan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah diberikan peruntukan yang lebih tinggi daripada tahun lalu iaitu sebanyak RM131,106,900 walaupun sememangnya pihak jabatan kita telah memohon lebih daripada apa yang diluluskan, tetapi dengan bajet yang dibentangkan itulah sebagai ruang dan jumlah di mana jabatan ini akan berusaha untuk melaksanakan program-program perpaduan dan integrasi nasional.

Tuan Pengerusi, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun menyentuh beberapa perkara di bawah kepala tertentu bagi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor telah pun menyentuh serta juga Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga mengaitkan perkara di dalam perbincangan beliau mengenai isu seorang pelajar bukan Islam yang tidak dibenarkan memasuki Dewan Konvensyen UIA kerana tidak memakai pakaian yang menutup aurat iaitu khususnya penggunaan tudung. Pihak pengurusan difahamkan tidak membenarkan beliau memasuki beliau kerana peraturan sedia ada UIA tidak membenarkan maka menyebabkan pelajar itu tidak berpuas hati serta menganggap ianya telah melanggar hak asasi manusia.

Sebagai sebuah negara yang berbilang kaum sikap hormat-menghormati hak kaum lain adalah merupakan salah satu aspek penting bagi menjamin keharmonian, tetapi dalam masa yang sama mematuhi peraturan dan undang-undang sesebuah negara, organisasi atau institusi juga merupakan satu tindakan yang wajib bagi memastikan tidak berlakunya kekacauan ataupun kekalutan di dalam sesuatu komuniti. Jadi dalam perkara ini memandangkan ini adalah peraturan yang telah pun ditetapkan oleh universiti dan diluluskan oleh pihak senat maka peraturan ini iaitu bukan bersifat agama tetapi bersifat uniform bagi universiti tersebut maka dia haruslah dipatuhi.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana perkara ini ada dibangkit dua tahun dahulu dan kita ada *Hansard* di sini dan masa itu apabila berlaku khasnya apabila Yang Berhormat bagi Batu Gajah bangkitkan hal ini, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri masa itu ialah bahawa sangat jelas bagi pelajar-pelajar perempuan bukan Islam mereka tidak diwajibkan memakai tudung.

Walau bagaimanapun, mereka digalakkan itu tidak menjadi bermakna mereka dipaksa kenapa ada peraturan tukar-tukar berubah dan kes ini Foo Yet Chin, yang *law graduate*, bukannya ini tidak menghormati *plural society* kita di sini. Kita ada IIU, kita bangga ada *International Islamic University* tetapi sejajar dengan *characteristic multi racial, multicultural, multi budaya* yang kita ada dan kita kata inilah satu *aset a leverage* kepada *IT world globalization* kenapa ada perkara semacam ini? Bolehkah Yang Berhormat menasihatkan IIU supaya mengikut apa yang ada dijamin dalam Dewan yang mulia ini pada tahun 2003, 3 April 2003 ini ada dalam *Hansard*.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Ipoh Timor, cuma seperti yang saya katakan tadi, ini mengikut maklumat yang diberi adalah ketetapan dan peraturan yang diluluskan oleh Senat universiti, jadi kalau ada kelonggaran seperti yang disentuh kira dua tahun, tiga tahun yang lalu nanti pihak kita susuli perkara inilah bersama dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi tetapi setakat ini maklumat yang diberi inilah ketetapan oleh pihak peraturan universiti yang diluluskan oleh senat dan dengan itu dipersetujui oleh kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Menteri yang bertanggungjawab mengenai perpaduan negara, adakah Yang Berhormat Menteri akan menasihatkan atau berbincang dengan Senat IIU oleh kerana Senat IIU tidak boleh berasing daripada aliran di negara ini ialah satu *multiracial, multicultural society*, atau adakah kementerian bersetuju?

Kalau begitu tadi ada Yang Berhormat kata pegawai-pegawai Parlimen perlu pakai tudung, wanita perlu pakai tudung adakah ini bererti satu hari Ahli-ahli Parlimen perempuan MCA, MIC, Gerakan pun perlu pakai tudung dan satu hari pun DAP mahu pakai tudung? Ini satu *breach* tidak boleh benarkan, PBS pun kita mahu hormat. Adakah Yang Berhormat rela bincang dengan Senat IIUM dan hormat *sensitivity* semua peraturan Senat tidak boleh langgar dengan *sensitivity* semua kaum di sini.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya rasa perbandingan yang disentuh oleh Yang Berhormat Tanjong tadi Timbalan Ahli Parlimen itu memang tidak akan timbul seperti begitulah sebab ini adalah pakaian masa konvokesyen yang ditentukan oleh universiti. Namun, saya ambikan saranan tadi sempena perkara-perkara seperti ini selalu dibincangkan di dalam Panel Perpaduan Negara dan saya akan ambil kepada perkara itulah. Apa yang kita lebih ingin meneliti ialah bahawa pemakaian itu tidak berunsur paksaan agama dan dengan itu dia tidak melibatkan hak asasi seorang manusia,...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Puan Chong Eng: [Bangun]

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:tetapi jika pihak Yang Berhormat begitu sensitif kepada perkara ini dan untuk tindakan seterusnya kita boleh bincang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua Yang Berhormat bangun.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya sila Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya pernah satu ketika dahulu tidak hendak pakai jubah dan *mortarboard* itu untuk ambil ijazah dan tidak dibenarkan masuk dewan untuk terima ijazah. Jadi saya tidak tahulah macam mana kita boleh terima kenyataan yang mengatakan pakai jubah atau pakai *mortarboard* itu baru kita selesai menghadapi satu sesi pembelajaran ini untuk Yang Berhormat Menteri.

Tetapi soalan saya Yang Berhormat Menteri, saya nampak Yang Berhormat Menteri tadi meletakkan seratus berapa juta tadi itu sebagai satu angka di mana dengan angka itu Yang Berhormat Menteri akan mengatitkan program-program serta kegiatan-kegiatan yang membabitkan yang akan menghasilkan perpaduan masyarakat yang lebih jitu. Perancangannya banyak ini tetapi cuma diluluskan banyak ini, adakah jumlah yang diluluskan tadi akan menjejaskan aktiviti-aktiviti serta kegiatan-kegiatan kementerian ke arah mewujudkan masyarakat yang benar-benar bersatu dan berpadu, terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya terima kasih atas input yang tadi itu, saya rasa daripada....

Puan Chong Eng: Yang Berhormat....

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Bukit Mertajam cukuplah. Saya pernah melihat gambar Yang Berhormat dari Batu Gajah dia dahulu pun pakai tudung juga untuk patuh kepada peraturan, tetapi dia pun tidak menyentuh, itu menyentuh hak agama ataupun kepercayaan, jadi kerana saya katakan tadi kita akan merujuk kembali ini kepada perbincangan di peringkat panel dan ada juga hal-hal seperti ini disentuh.

Puan Chong Eng: [Menyampuk]

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, okey akan bincang, akan bincang, masa singkat tidak ada mengizinkan.

Puan Chong Eng: Esok masih ada, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apa yang tadi yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tangga Batu bahawa aktiviti untuk perpaduan tetapi kalau dasarnya seperti memakai tudung memaksa orang yang bukan Islam memakai tudung jadi itu tentang akan menjejaskan perpaduan.

Adalah tidak guna kita membelanjakan begitu banyak tetapi pada masa yang sama mengadakan dasar yang boleh menjejaskan perpaduan dan saya hendak beri bahawa pendirian DAP adalah sangat konsisten apabila di Turki, Parlimen Turki tidak mengenakan orang wanita Muslim Islam memakai tudung masuk ke dalam Parlimen Turki, saya membantah....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pendang dan Yang Berhormat Lipis kenapa? Duduklah.

Puan Chong Eng: Saya mengatakan beliau wanita atau Ahli Parlimen wanita Islam mempunyai hak untuk memakai tudung. Di Singapura apabila Singapura tidak mengenakan pelajar Islam untuk memakai tudung ke sekolah, Tuan R. Karpal Singh mempertahankan hak dia, jadi di sini kami hanya hendak mempertahankan hak orang bukan Islam sahaja. Kalau kita hendak pakai kita pakai, kalau kita tidak mahu pakai jangan paksa, itu sahaja apa susahnya.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ahli Yang Berhormat....

Puan Chong Eng: Kalau satu hari akan katakan bahawa uniform di Parlimen ini juga perlu di pakai tudung, adakah sekarang.....

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya cukuplah.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu untuk majlis....

Puan Chong Eng: ...PBS masih tidak ada Ahli Parlimen wanita, tetapi adakah kita akan pakai juga?

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Kalau begitu.....

Seorang Ahli: Itu untuk majlis konvokesyen sahaja hendak pakai, pakai, tidak hendak pakai sudah.

Puan Chong Eng: Konvokesyenkah mana-mana?

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Itu pun Yang Berhormat....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah.

Puan Chong Eng: Itu adalah sama, prinsipnya adalah sama.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: [Bangun]

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya Yang Berhormat harus berdebat kepada perkara fakta itu *hypothetical* dengan izin sahaja, pada masa depan jadi tidak payahlah sentuh dalam perkara ini. Yang Berhormat masa singkat oklah selain *interruption* mungkin.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya pun hairan juga kenapa Yang Berhormat Bukit Mertajam ini beria-ia benar pakai tudung? Bagi saya tudung ini bukan melambangkan agama. Di negara barat pun saya lihat ramai orang yang pakai tudung, orang yang bukan Islam juga pakai tudung..

Seorang Ahli: Nun pakai tudung.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Nun pun pakai tudung.

Seorang Ahli: Paderi perempuan pakai tudung.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Jangan jadikan ini sebagai satu isu, isu yang remeh-temeh itu yang tidak betulnya. Saya sendiri pun dengar saya rasa naik marah kerana isu remeh-temeh digunakan dalam Dewan yang mulia ini menyebabkan banyak masa terbuang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, apa persoalan sampai bincang?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Hah, pembangkang begitu, yang remeh itu penting yang penting itu remeh.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat atas input yang telah pun diberikan tadi, mengenai dengan tadi pertanyaan adakah peruntukan yang RM131 juta itu mencukupi? Memang dalam mana-mana jabatan di dalam jentera kita sentiasa memohon lebih daripada – yang diluluskan itu lebih daripada yang dipohon tetapi kita akan *maximize* dengan izin, peruntukan yang sedia ada dan jika diperlukan kita akan terus.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat berapa minit lagi diperlukan?

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya perlu lima belas minit, tanpa diganggu boleh selesai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih. Jadi kita akan *maximize* bajet yang telah diluluskan dan jika tidak mencukupi terpaksa kembali ke Dewan dan *supplementary* nantilah.

Baiklah, seterusnya Yang Berhormat bagi Kalabakan menyentuh supaya penyelarasan masa yang telah dibuat diubah semula kepada yang asal supaya dapat mengurangkan kesulitan di kalangan rakyat ekoran daripada perbezaan lokasi di antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung. Pada pandangan kerajaan, penyelarasan semula waktu di negara kita ini tidak perlu dilakukan pada masa ini kerana bagi sesebuah negara keseragaman dari segi waktu turut menggambarkan perpaduan. Tambahan pula tindakan mempercepatkan waktu telah memberikan kesan yang positif bagi rakyat di Semenanjung yang terpaksa memajukan jam mereka setengah jam daripada sebelum itu dan di mana rakyat akan bangun awal dan waktu bekerja menjadi lebih panjang dan sekali gus meningkatkan produktiviti rakyat. Saya rasa cukup jelas dalam perkara ini, walau pun jam 6.00 di negeri Sabah terang, di Semenanjung masih ada gelap-gelap sedikit tetapi membolehkan kita bangun awal dan bekerja lebih efisien, lebih berkesan.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Beluran telah pun menyentuh beberapa perkara, antaranya ialah perkara berkaitan dengan kekurangan pegawai dan JPIN di peringkat daerah di Sandakan telah menjadi kekangan dalam mewujudkan dan mengeratkan program-program perpaduan di kawasan-kawasan Rukun Tetangga. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan menyedari permasalahan yang dihadapi oleh pihak jabatan dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Kekurangan pegawai dan kakitangan ini berlaku di semua peringkat bukan sahaja di Sandakan.

Oleh yang demikian, di dalam cadangan penyusunan semula Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di mana pihak Jabatan dalam proses perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai keperluan pegawai dan kakitangannya supaya ini menjadi aspek yang diberi penekanan mengikut keperluan dan cabaran semasa dan akan datang. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional adalah satu-satunya jabatan yang melebihi dari lima belas tahun belum mendapat semakan daripada tangga gaji atau pun *scheme of services*, dengan izin dan itulah sebabnya sebahagian masalah kita dihadapi di peringkat daerah di mana pegawai perpaduan kita masih di tahap *scale* S.17, S.27 dan sedikit-sedikit memanglah mengurangkan keberkesanan pihak jabatan untuk menjalankan program-program perpaduan dan memupuk integrasi.

Namun, pihak jabatan dengan kakitangan yang sekadar begitu taraf dan jumlahnya telah pun bekerja keras dan telah berhasil dalam usaha membantu kerajaan memupuk perpaduan di kalangan rakyat kita. Bagi wilayah Sandakan kami sedia maklum bahawa wilayah Sandakan ini meliputi lima kawasan Parlimen yang jika

dimasukkan lebih besar, *most bigger than* lebih besar dari negeri Kedah. Jadi dalam perkara ini, kita dalam menyusun jentera di peringkat negeri Sabah supaya di peringkat Sandakan ini dibahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian Sandakan Bandar dan Sandakan Hulu atau pun Kinabatangan dan kita harap dapatlah dilaksanakan pada tahun hadapan supaya pegawai-pegawai atau pun kakitangan yang diletakkan di situ dapat berkhidmat untuk meliputi lima kawasan Parlimen yang begitu besar sekali.

Seterusnya, Yang Berhormat dari Beluran menentukan apakah program atau aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh JPIN dalam meningkatkan integrasi dan perpaduan di kalangan masyarakat khususnya di antara masyarakat Sabah, Sarawak dan Semenanjung, *on the other hand*, dengan izin, dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya pada saat ini beberapa program yang dikendalikan oleh kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk meningkatkan integrasi di kalangan rakyat melalui aktiviti-aktiviti lawatan seperti berikut, iaitu lawatan-lawatan integrasi, misalnya lawatan semasa persidangan Parlimen, lawatan sempena Pesta Keamatan, lawatan sempena Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, lawatan sempena Hari Gawai, lawatan sempena Hari Kebangsaan dan lawatan sempena Penutupan Hari Kebangsaan.

Namun, jumlah mereka yang terlibat di dalam lawatan-lawatan ini masih kurang kerana tertakluk kepada soal bajet dan keperluan kewangan. Jadi dalam perkara inilah kita berharap pada tahun hadapan kita dapat merombak program yang baru di mana memperluaskan program ini khasnya seperti yang disentuh juga oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pitas, ketua-ketua kampung, Pengerusi JKKK, penghulu khususnya mereka yang dari Semenanjung yang belum pernah melawat ke Sabah dan Sarawak dan mereka juga dari Sabah dan Sarawak yang belum pernah melawat ke Semenanjung. Jadi kita beri keutamaan kepada mereka yang belum pernah keluar dari negeri dan wilayah masing-masing dengan harapan mereka ini boleh menjadi *ambassador* dengan izin, dan juga terbuka pengalaman dari segi pengalaman-pengalaman dari bidang pembangunan.

Begitu juga program pertukaran program pegawai-pegawai kerajaan di antara agensi-agensi Kerajaan Pusat di negeri Sabah dan Sarawak dengan pegawai-pegawai yang bertugas di Semenanjung dan ini adalah program yang masih berterusan dan kita percaya sedikit-sebanyak ini boleh membantu untuk meningkatkan persefahaman, pengenalan yang lebih dalam tentang keperluan pembangunan di negeri Sabah dan Sarawak dan sekali gus juga memupuk integrasi di kalangan tiga wilayah ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi gerakan yang kita ingin perluaskan pada masa akan datang ialah lawatan-lawatan sosial oleh pasukan-pasukan pelajar, pasukan-pasukan sukan, pasukan-pasukan kebudayaan, pasukan-pasukan NGO-NGO ke tiga-tiga wilayah ini. Jadi kita percaya ini boleh memainkan peranan yang lebih luas dengan adanya kerjasama oleh pihak Malaysia Airline dan Air Asia untuk mengurangkan lagi tambang perjalanan ke tahap yang lebih murah yang boleh ditanggung oleh kumpulan-kumpulan seperti yang saya sentuhkan tadi.

Memangnya program seperti program Latihan Khidmat Negara juga telah memainkan peranan yang penting dari segi memupuk semangat patriotisme dan integrasi di kalangan peserta-peserta khususnya peserta-peserta dari Semenanjung yang dihantar ke kem-kem di Sabah dan Sarawak dan juga *vice-versa* dengan izin dan sedikit-sebanyak ini telah pun memberi sumbangan suntikan yang banyak dari segi memupuk semangat perpaduan integrasi. Walaupun kita percaya harus lebih banyak pelajar yang perlu di tempatkan dalam kedua-dua wilayah melalui program ini tetapi ini pun dihadkan kepada isu dan keperluan perbelanjaan dan bajet yang ditentukan.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Pitas juga telah menyentuh tapi sebahagian banyak telah pun menjawab isu yang telah dibangkitkan oleh beliau. Beliau menekankan pentingnya kempen-kempen pengedaran maklumat mengenai negeri Sabah dan Sarawak dan juga Semenanjung di dalam media-media kita supaya ini sekali gus membolehkan kita menambahkan pengertian dan maklumat asas mengenai wilayah-wilayah di negara kita. Begitu juga ditekankan tadi rancangan-rancangan dalam televisyen supaya lebih banyak penumpuan kepada ciri-ciri dan kekayaan-kekayaan dari segi kebudayaan dan bidang-bidang lain dalam ketiga-tiga wilayah ini sekali gus meningkatkan pengenalan, meningkatkan pengertian, meningkatkan pengalaman di kalangan rakyat kita mengenai ciri-ciri wilayah sekali gus membantu kita menghayati serta mengukuhkan semangat patriotisme kepada negara kita dan ini sebenarnya adalah rancangan utama oleh pihak Kementerian Penerangan dan satu

Jawatankuasa telah pun ditubuhkan di mana saya sebagai Menteri bertanggungjawab pada pihak Perpaduan dan Integrasi juga terlibat pada jawatankuasa tersebut untuk memastikan supaya wang-wang adalah mencukupi untuk meng'*widden*' dengan izin memperluaskan ciri-ciri dan kebudayaan-kebudayaan kita dan maklumat-maklumat asas wilayah-wilayah kita di Malaysia ini.

Mengenai dengan pertukaran-pertukaran lawatan saya telah sentuhkan itu, mengenai dengan feri Malaysia, ini dalam peringkat kajian terakhir sudah dan pihak kerajaan terbuka kepada perkara ini tertakluk kepada kadar kos dan penglibatan kerajaan yang munasabah. Tetapi dengan peningkatan harga *steel* dan juga peningkatan kos harga minyak dan kalau dibandingkan dengan projek feri pada tahun 1980-an itu yang mana Kerajaan Persekutuan terpaksa menanggung kira-kira RM12 juta setahun dari segi subsidi minyak, maka pihak Kerajaan Pusat terpaksa dalam keadaan meneliti dengan lebih dalam lagi implikasi program tersebut walaupun dicadangkan lebih awal supaya pihak swasta akan mengetuai program atau projek mengembalikan perkhidmatan feri antara wilayah Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Jadi di peringkat terakhir, sementara itu program-program untuk seperti yang saya katakan tadi, memperluaskan lagi peluang untuk rakyat kita berinteraksi melalui perjalanan kos yang lebih rendah melalui kadar tarif atau pun *fare* atau pun tambang yang lebih murah oleh pihak MAS dan Air Asia sedang kita teruskan melalui perbincangan-perbincangan supaya matlamat ini akan tercapai di mana dengan izin, it *becomes very cheap and affordable for Malaysian in Semenanjung, Sabah and Sarawak to cross the South China Sea and takes dua jam, two hours to Sabah from KLIA and one hour fifteen minutes to Kuching* dan ini memanglah satu halangan yang besar yang hanya teknologi dan juga kadar tambang yang murah boleh mengatasi halangan tersebut.

Saya rasa Tuan Pengerusi itu saja perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini berkaitan dengan tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri di bawah Butiran-Butiran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Mengenai perkara-perkara yang tidak sempat menyentuhnya, pihak saya, Jabatan dan pegawai-pegawai kita akan menelitinya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup bagi Menteri di Jabatan Perdana Menteri, yang lain akan dijemput menjawab pada hari esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga pukul 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.41 petang.